


**Jilid II
Bil. 73**



MALAYSIA

**Hari Khamis
27hb Januari, 1977**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

USUL:

Laporan Skim Gaji Baru Jawatankuasa Kabinet [Ruangan 7641]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 7647]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, **DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).**

„ Menteri Perhubungan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).**

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K., (Lipis).**

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**

„ Menteri Kesihatan, **TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).**

„ Menteri Undang-undang, **TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).**

„ Menteri Kebajikan Am, **PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).**

„ Menteri Penerangan, **DATUK AMAR HAJI TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

„ Menteri Pertanian, **DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).**

„ Menteri Luar Negeri, **Y. M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).**

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, **TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).**

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).**

„ Menteri Kewangan, **Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIANG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

Yang Berhormat TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., B.K., J.P. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- Yang Berhormat DATUK ENGPU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P., (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kempas).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN ABDULLAH (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 27hb Januari, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

USUL

**LAPURAN SKIM GAJI BARU
JAWATANKUASA KABINET**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan atas usul yang ditangguhkan atas masaalah:

BAHAWA memandang kepada LAPURAN SEMULA SURUHANJAYA GAJI DI RAJA 1975 yang akan melibatkan kos pelaksanaannya melebihi kemampuan Kerajaan, disamping tanggungjawab perbelanjaan yang besar yang diperlukan untuk pembangunan dan memelihara keselamatan negara;

Dan memandang kepada implikasi terhadap semua golongan berpendapatan rendah yang bekerja sendiri terutamanya golongan tani, nelayan, pengusaha kecil dan kepada golongan yang menganggur;

Dan memandang kepada pembahagian kenaikan gaji dalam perkhidmatan awam yang seimbang seperti yang diperakukan dalam Lapuran itu, yang akan menimbulkan implikasi yang meluas terhadap kepentingan negara keseluruhannya;

Dan dengan mengambil ingatan atas kesanggupan Kerajaan untuk memperbaiki tangga gaji pekerja-pekerjanya;

MAKA dengan ini Dewan ini mengambil ketetapan menyokong PENDIRIAN KERAJAAN tidak menerima perakuan-perakuan dalam Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Di Raja 1975, serta menyokong sepenuhnya keputusan Kerajaan untuk melaksanakan skim gaji baru yang berasaskan kepada LAPURAN KERAJAAN sebagaimana yang disediakan

oleh Jawatankuasa Kabinet yang telah dibentangkan dalam Dewan ini; dan menyokong sebarang tindakan Kerajaan untuk menentukan supaya tuntutan gaji tidak menjejaskan ketenteraman dan ekonomi negara. (26hb Januari, 1977).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Dewan akan menyambung perbincangan atas usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

2.35 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menolakan perakuan-perakuan lapuran semula Suruhanjaya Gaji Di Raja 1975 yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ibrahim Ali dan menyokong pelaksanaan skim gaji baru Lapuran Kerajaan yang disediakan oleh Jawatankuasa Kabinet dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dr Mahathir, Timbalan Perdana Menteri, dan dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada hari ini dan sokongan-sokongan saya ini adalah berasaskan:

- (a) Saya dapati Lapuran Ibrahim Ali tidak lengkap meliputi semua faktor nilai pekerjaan (job evaluation);
- (b) Pembahagian kenaikan gaji dalam Lapuran ini juga di beberapa jenis lapisan jawatan adalah bertentangan dengan dasar Kerajaan dalam penyusunan semula masyarakat (restructure of society) bagi mewujudkan masyarakat adil;
- (c) Lapuran Ibrahim Ali telah memansuhkan semua jenis elaun tanpa menimbangkan kepentingan yang berhak dalam jawatan-jawatan tertentu;

(d) Laporan Ibrahim Ali mengemukakan dasar perbandingan dengan jawatan-jawatan di bidang private sector tanpa perkiraan dan pertimbangan bahawa jawatan-jawatan di dalam Kerajaan adalah berbentuk jawatan tetap, selamat, terjamin dan juga daripada jawatan-jawatan ini pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan boleh mendapat kemudahan seperti pinjaman-pinjaman dengan faedah yang rendah, umpama, membeli kereta, membuat rumah dan sebagainya, seperti skim-skim yang baru dikeluarkan oleh pihak Kerajaan baru-baru ini dan juga perubatan percuma serta hospital benefit kepada keluarga. Kalau hendak dibandingkan dengan private sector kemudahan-kemudahan ini tidak wujud walupun gaji di dalam private sector itu besar dan banyak nampaknya jika dibandingkan dengan pendapatan pegawai-pegawai Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya Laporan Ibrahim Ali ini tidak mempunyai dalam bahasa Inggeris yang dikatakan norm iaitu asas permulaan yang sesuai yang boleh kita laksanakan. Sebaliknya, Laporan Jawatankuasa Kabinet pula adalah berbentuk laporan pertengahan (interim) kajian dari kacamata kemampuan negara yang menitikberatkan golongan yang berpendapatan rendah dan tidak pula membelakangkan keperluan serta kepentingan golongan jawatan-jawatan pertengahan dan tinggi. Ini telah ada bukti daripada angka-angka yang telah disiarkan di dalam laporan ini, misalnya, daripada unskilled employee kepada semi-skilled employee jika dibandingkan daripada peringkat bawah lagi kenaikan yang telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Kabinet antara gaji yang dibayar sekarang kepada unskilled employee kenaikannya adalah 50% walhal cadangan daripada Laporan Ibrahim Ali cuma 15% dan begitulah seterusnya dan dibandingkan pula Laporan Ibrahim Ali dengan Jawatankuasa Kabinet kenaikan bertambah sebanyak 30%.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan ini adalah tepat dan wajar demi untuk kepentingan negara semua pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja dan ahli-ahlinya menyambut baik dan menerima pelaksanaan Laporan Gaji Baru yang disediakan oleh Jawatankuasa Kabinet yang sedang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya percaya semua Ahli-ahli Dewan menyokong penuh rayuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap kesatuan sekerja, ahli-ahlinya dan semua kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua menyedari predicament yang dihadapi oleh pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja pada hari ini kerana semenjak Laporan Ibrahim Ali ini diketahui oleh orang ramai pada tahun 1975, Laporan ini telah menjadi buah mulut seolah-olah Kerajaan akan terus menerimanya untuk perlaksanaan. Boleh jadi kerana kempen ataupun ucapan ataupun kenyataan dari pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja sendiri telah menimbulkan satu suasana (atmosphere) dari perasaan impian ke perasaan reality seolah-olah Laporan itu telah ada sedia menunggu sahaja hendak mendapat nikmatnya. Sehingga sampai kepada kemuncak dalam bahasa Inggerisnya "take for granted" yang Laporan Suruhanjaya ini akan dilaksanakan seperti yang telah dijalankan ataupun dilaksanakan Laporan-laporan Suruhanjaya Gaji Suffian, Aziz dan Harun tidak pernah dibentangkan ke dalam Parlimen, cuma rundingan pihak Kerajaan dengan pihak-pihak yang tertentu dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua memahami, saya percaya Kerajaan memahami, tekanan-tekanan dari keadaan suasana yang tersebutlah, maka pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja hampir-hampir hilang pedomannya, kerana desakan dari ahli-ahlinya, sanggup mengeluarkan kenyataan iaitu akan mengambil tindakan work to rule, go slow, mogok dan sebagainya sebagai untuk mencari jalan keluar hendak mendapat keputusan daripada pihak Kerajaan, jawapan yang muktamad. Syukur alhamdulillah, saya sungguh bersimpati dengan predicament yang dihadapi oleh pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja dan saya menyokong penuh dengan tindakan-tindakan mereka sekiranya, pihak Kerajaan menolak bulat-bulat Laporan Ibrahim Ali tanpa alternative, tanpa ganti, itu boleh kita katakan Kerajaan zalim, membohong, orang sudah lama tunggu tiada apa-apa yang hendak digantikan. Tetapi, pada hari ini predicament yang dihadapi oleh pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja itu telah diatasi oleh pihak Kerajaan dengan mengemukakan Laporan Jawatankuasa Kabinet sebagai ganti, sebagai jalan keluar untuk pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja menerangkan kepada ahli-ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya cadangan daripada pihak Kerajaan ini jelas membuktikan keikhlasan, kejujuran dan penghargaan Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap tuntutan-tuntutan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja dan ahli-ahlinya. Begitu juga kepada kakitangan Kerajaan di dalam negara kita. Memandangkan sikap kejujuran pihak pemimpin-pemimpin Kerajaan kita inilah, saya dan ramai rakan-rakan yang di dalam Dewan ini bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sama-sama merayu kepada pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli Kesatuan Sekerja menunjukkan pula sikap bertolak-ansur menerima Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet dalam semangat penuh kesedaran yang negara kita ini sedang membangun, dahagakan kepentingan yang jujur dan ikhlas daripada semua lapisan masyarakat di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya rayuan ini akan dipertimbangkan tetapi dalam pada itu, saya berasa sangat sedih masaalah sikap parti Pembangkang. Dalam ucapan Ketua Pembangkang dari Kota Melaka semalam tidak mahu menyokong cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Dewan ini. Saya rasa sebagai Parti Pembangkang, di mana-mana dalam dunia adalah perkara biasa kerana memang menjadi tugas sebagai parti Pembangkang mengambil kesempatan mengexploitasi situasi-situasi seperti ini dan seterusnya menjadi batu api, sekiranya kepentingan sesuatu organisasi itu lemah akan terjerumuslah ke dalam perangkap parti Pembangkang DAP ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai penuh keyakinan bahawasanya pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli Kesatuan Sekerja adalah terdiri daripada warganegara Malaysia, warganegara Malaysia yang matang dan berpengalaman yang boleh menentukan matlamat dan perjuangan mereka sendiri tanpa dipengaruhi oleh mana-mana batu api. Tuan Yang di-Pertua, di dalam situasi inilah, dalam keadaan ini seolah-olah keadaan kita pada hari ini kedudukan perbincangan ini bolehlah kita anggapkan kita telah sampai kepada satu persimpangan jalan, kepada pegawai-pegawai Kerajaan, kepada Kerajaan sendiri, kepada Kesatuan-kesatuan dan kepada rakyat Malaysia kerana musuh negara kita yang sentiasa wujud dan hidup yang sedia ada di dalam negara kita yang susah kita hendak cari di mana mereka ini membuka mata, membuka telinga, cari sahaja

peluang di mana kelemahan-kelemahan mereka hendak masuk, hendak mengeruhkan lagi keadaan situasi ini. Dan dalam perkara ini, boleh jadi salah seorang daripada pemimpin Kesatuan Sekerja yang belum lagi mengetahui bagaimana perasaan Dewan ini semalam telah mengeluarkan kenyataan yang disiarkan di dalam akhbar hari ini kononnya, persidangan Parlimen ini adalah membazir. Saya tidak menyalahkan pemimpin Kesatuan Sekerja yang bercakap begitu, kerana mereka belum tahu lagi perasaan Ahli-ahli Dewan terhadap mereka pada hari ini. Saya tidak menyalahkan mereka dan boleh jadi kerana mereka itu memandang tuntutan ini daripada segi satu jurusan sahaja, walhal kita Ahli-ahli Dewan Kerajaan dan pemimpin-pemimpin negara memandang daripada semua aspek tetapi pemimpin-pemimpin Kesatuan memandang daripada segi satu jurusan. Maka adalah menjadi tanggungjawab kita pada hari ini memberitahu keadaan yang sebenarnya kemampuan kita yang sebenarnya kepada pemimpin-pemimpin Kesatuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita yang berbilang bangsa dan berbilang keturunan ini pada ketika inilah mereka ingin mengetahui sejauh manakah kebenaran kenyataan-kenyataan yang pernah dilaung-laungkan oleh pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja apabila hendak ramai pekerja-pekerja menjadi ahli mereka, saya pernah dengar di hadapan saya ada pernah mereka bercakap melaung-laungkan menunjuk supaya ramai orang masuk menjadi ahli mereka yang Kesatuan Sekerja adalah mendorong kepentingan negara.

Inilah ketikanya saya rasa juga Kesatuan Sekerja menghadapi cabaran sejauh mana kebenaran kenyataan yang mereka cakapkan. Dalam perkara inilah saya juga merayu kepada ahli-ahli Kesatuan Sekerja apabila Lapuran Ibrahim Ali ini tidak dapat diterima oleh pihak Kerajaan jangan pula mereka menyalahkan pemimpin-pemimpin mereka, janganlah pula kerana penolakan Kerajaan ini menjadi satu tekanan terhadap pemimpin-pemimpin kesatuan ini. Inilah saya menyeru dan meminta demi untuk kepentingan negara memandangkan keadaan negara pada hari ini, saya merayu kepada semua ahli-ahli Kesatuan Sekerja memberikan penghargaan kepada pemimpin-pemimpin mereka dan sebaliknya memujuk mereka supaya menerima bersama-sama Lapuran Jawatankuasa Kabinet.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, kita semua menyedari pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja menjalankan tanggungjawab terhadap ahli-ahli kesatuannya, maka sebab itulah mereka tidak berputus asa, mereka terus memperjuangkan juga untuk dilaksanakan tetapi hendaklah ingat iaitu perjuangan mereka itu bukannya tamat apabila dengan penolakan ini. Lapuran Kerajaan yang dikemukakan sebagai ganti ini adalah berbentuk sementara, bukannya satu lapuran yang tetap yang tidak ada perubahan. Kita tengok keadaan negara kita. Selepas Rancangan Malaysia Ketiga kelak, berapa hasil negara kita, kalau kita bertambah kaya, kita tambahkan lagi gaji ini. Saya percaya ini harapan dan pemikiran pihak Kerajaan. Kalau daripada pihak Kerajaan telah menyedari predicament dan sebagainya terhadap pemimpin dan ahli-ahli kesatuan, saya pula meminta dan berharap kepada pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli kesatuan sekerja menyedari dan bersetuju pula dengan tindakan pemimpin-pemimpin negara kita, khasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam erti kata pepatah: Berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah selesai dipertimbang dan diluluskan.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Usul atas

nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah selesai dipertimbang dan diluluskan.

Perbahasan disambung semula.

2.53 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kakitangan-kakitangan Kerajaan yang dapat menyiapkan satu lapuran yang begitu lengkap seperti yang ada di depan kita pada hari ini. Selepas mengkaji Lapuran tersebut, iaitu Report of the Cabinet Committee, saya percaya dan yakin bahawa semua ahli-ahli kesatuan sekerja akan menerima, mungkin ada keraguan di antara mereka, iaitu hasrat dan harapan mereka ini tidak dipenuhi dengan 100% tetapi saya percaya dan yakin jikalau pemimpin-pemimpin kesatuan-kesatuan sekerja bekerjasama dengan ikhlas dan jujur untuk menerangkan kepada mereka ini keadaan yang sebenarnya, kebaikan dan juga keburukan janganlah dipilih dua-tiga perkara yang buruk dan dibesar-besarkan (magnify). Banyak juga perkara-perkara yang elok yang terdapat dalam Lapuran Jawatankuasa Kabinet ini, malahan ada setengah-setengahnya lebih baik lagi daripada yang terkandung dalam Lapuran Ibrahim Ali.

Satu perkara yang kita mesti terima, iaitu kebenaran. Saya akan menyentuh beberapa perkara di sini yang tidak dapat dinafikan. Yang pertama, kemampuan Kerajaan untuk mengatasi Lapuran Ibrahim Ali ini, kerana Kerajaan sendiri telah mengakui bahawa Kerajaan tidak ada kemampuan, dan ini pada fikiran saya sebagai rakyat Malaysia kita mesti terima. Kalau tidak betul, saya percaya dan yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri tidak membuat perakuan bahawa kita tidak mampu.

Selain dari itu, kenyataan juga ialah negara sekarang menghadapi berbagai-bagai ancaman dan ini memerlukan tenaga kakitangan Kerajaan dan juga perbelanjaan wang yang begitu banyak. Ini juga patut dipertimbangkan oleh ahli-ahli kesatuan sekerja. Jika dikajikan Lapuran Jawatankuasa Kabinet dan dibandingkan dengan Lapuran Ibrahim Ali, beberapa perkara yang memberi faedah

kepada mereka yang berpendapatan rendah, misalnya, gaji maksima bagi pegawai-pegawai peringkat rendah telah dinaikkan lebih daripada yang ada sekarang dan juga lebih daripada yang disyorkan oleh Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali dan ini akan memberi faedah kepada mereka, terutama sekali yang berpendapatan rendah kerana kalau kita bandingkan keadaan sekarang, misalnya, unskilled employees, present salary \$160-190. Apa yang disyorkan oleh Jawatankuasa Kabinet \$222.50-315. Apa yang disyorkan oleh Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali \$150-220. Faedah yang kedua ialah di atas jumlah gaji. Apa yang disyorkan oleh Jawatankuasa Kabinet ialah gaji bersih; ini termasuk allowance, housing, bonus dan juga specil relief allowance dan ini akan ditambah, dikumpulkan sebagai gaji dan faedahnya ialah yang pertama, mereka ini akan menerima arrears lebih daripada apa yang disyorkan oleh Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali.

Yang kedua, mereka juga akan menerima pencen yang lebih kerana kiraan pencen ialah berdasarkan kepada gaji dan apabila gaji mereka lebih, sudah tentu pencen juga akan lebih. Daripada segi kenaikan gaji juga ada perbezaannya di antara syor yang disebutkan oleh Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali dan syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet. Misalnya, increment dalam Lapuran Ibrahim Ali ialah \$5 padahal Jawatankuasa Kabinet mengesyorkan bahawa increment ialah \$7.50 dan ini juga sedikit-sebanyaknya akan memberi faedah kepada mereka yang terlibat. Walau bagaimanapun, satu perkara yang kita tidak dapat elak ialah dengan kenaikan gaji ini tidak secara langsung barang-barang keperluan sehari-hari juga akan naik. Dan ini akan melibatkan mereka yang tidak ada Suruhanjaya Suffian, Aziz, Harun, Ibrahim Ali dan sebagainya untuk membela diri mereka. Misalnya, petani, nelayan dan pekebun-pekebun kecil, mereka terbiar. Adakah mereka ini tidak berguna kepada bangsa dan negara? Adakah kita boleh hidup kalau ikan tidak ada, beras tidak ada? Mereka juga kita mesti timbang. Tetapi malangnya oleh sebab tidak ada Suruhanjaya untuk membela nasib-nasib mereka, keadaan mereka tinggal begitu sahaja. Bagaimanapun mereka ini juga ada perasaan, mereka ini juga boleh melihat dan mendengar, jadi apabila timbul satu suasana yang tidak elok mungkin mereka juga akan bertindak. Ini mesti ingat.

Selain dari itu, seandainya selepas diterangkan faedah-faedah ini kepada ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin tidak juga diterima, kita tidak boleh menyalahkan ahli-ahli ini sahaja, kerana kalau kita ingat masa dahulu ada ditanya mengapakah bangau itu kurus, kita tidak boleh salahkan ikan yang tidak timbul. Kita mesti selidik pangkalnya, apabila kita selidik barulah kita dapat tahu yang bangau itu kurus ialah kerana ular, bukan kerana ikan tidak timbul, ikan tidak timbul kerana rumput panjang dan sebagainya. Pucuk pangkal yang bangau ini kurus ialah ular. Jadi saya harap Kerajaan apabila mendapatkan satu situasi yang tidak elok, sungguhpun kita minta timbang, Kerajaan tidak akan ragu-ragu menggunakan segala kuasa yang ada untuk membendung ular-ular ini supaya jangan jadi naga.

Saya berasa kesal di atas setengah-setengah sikap ketua-ketua Kesatuan Sekerja di mana mereka anggap kepentingan welfare and well-being, stress and strain ahli-ahli mereka ialah tanggungjawab mereka sahaja, orang-orang politik jangan campurtangan. Sikap ini yang kita tidak boleh terima dan ini ialah sikap angkuh dan sombong. Adakah mereka begitu jahil sehingga mereka tidak tahu bahawa semua ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini ialah terdiri daripada ahli-ahli politik, dan tidakkah mereka tahu bahawa semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini ialah dipilih oleh rakyat jelata. Tidakkah masaalah rakyat jelata tanggungjawab ahli-ahli politik terutama sekali dalam Dewan yang mulia ini? Saya percaya dan yakin bahawa mereka ini tidak jahil, tetapi mengapa dilaung-laungkan dan ini semua ialah untuk menunjuk-nunjuk kesombongan mereka. Kalau dua tahun dahulu Dewan ini telah membangkitkan dan menegur-negur misalnya berkaitan dengan penuntut-penuntut, kami menerima taligeram, dicabar untuk berdailog. Tetapi rupa-rupanya sekarang penyakit ini pula telah merebak kepada pemimpin-pemimpin Kesatuan, apa-apa yang disebut dalam Dewan Parlimen, dicabar, tidak boleh ditegur. Ini juga menunjukkan sikap angkuh dan sombong. Satu lagi misal semalam kami ada menerima surat dari Kesatuan Sekerja berkaitan dengan keadilan yang mengatakan, tidak wajar perkara ini dibawa dan dibincang dalam Dewan yang mulia ini demi keadilan. Apakah keadilan yang dimaksudkan? Di manakah yang lebih sesuai untuk membincangkan masaalah yang melibatkan masyarakat selain daripada

Dewan yang mulia oleh wakil-wakil mereka sendiri, bukan dibincang oleh segolongan kecil manusia di dalam pejabat-pejabat sahaja. Ini melibatkan keseluruhan dan cuma tempat ini sahajalah tempat yang sehabis-habis sesuai untuk membincangkan perkara ini supaya dapat kita mengetahui siapa yang menjadi kuman yang menyebabkan penyakit "Ali-phobia" sekarang ini. Dan di sini mungkin kita dapat tahu siapa yang menjadi kuman dan mungkin kuman ini sudah menjadi cacing kerawit.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa kepada perhatian Kerajaan oleh sebab keadaan sekarang telah dinamakan "Ali-phobia" ini Kerajaan terpaksa mengkaji semula kedudukan CUEPACS dan juga kegiatannya. Pada fikiran saya tidak sepatutnya pekerja-pekerja dalam satu jenis kerja berada dalam lain Kesatuan kerana ini akan menimbulkan akibat yang kurang sihat. Yang eloknya pekerja-pekerja dalam satu jenis kerja cuma boleh berada dalam satu Kesatuan, bukan bermacam-macam Kesatuan. Tetapi apa yang ada sekarang tidak. CUEPACS sebagai satu gabungan Kesatuan-kesatuan Sekerja bergerak sebagai sebuah Kesatuan Sekerja dan menyusun segala tindakan-tindakan mereka sebagai satu Kesatuan Sekerja. Padahal badan ini ialah satu gabungan di mana ahli-ahli Kesatuan Sekerja tidak menjadi ahli CUEPACS, cuma Kesatuan Sekerja sahaja yang menjadi ahli CUEPACS sebagai gabungan. Saya yakin dan percaya perkara ini tidak biasa diamalkan di mana-mana negara sekalipun, cuma di sini sahaja, kerana adanya keadaan sekarang ini kemungkinan akan timbul masalah di mana pegawai pangkat rendah dalam Jabatan Kerajaan akan memegang satu jawatan yang lebih tinggi dalam Kesatuan Sekerja. Ini akan mengakibatkan moral, disiplin dan sebagainya. Kalau Ketua Pejabat itu mengidam-idamkan supaya gajinya lebih dan kebetulan pula Office Boynya jadi Ketua Kesatuan maka terpaksalah Ketua Pejabat itu berusaha seberapa daya supaya dia in his good books. Ini akan menimbulkan kerumitan sebagaimana yang diadakan sekarang di dalam CUEPACS terdapat kesatuan pegawai tinggi dan pegawai rendah yang dipilih, sebagai pemimpin CUEPACS. Jadi macam manakah jentera Kerajaan akan berjalan dengan licin dan ini juga akan menimbulkan satu akibat yang paling buruk sekali

iaitu "head-on-collision" di antara parliamentary democracy dengan demokrasi kesatuan sekerja kerana keadaan sekarang akan menimbulkan satu situasi di mana CUEPACS dapat mengarahkan seluruh Kesatuan-kesatuan Sekerja dalam negara ini untuk mengambil satu-satu tindakan sehingga sekarang juga mereka sudah berani memberi kata dua, mengugut kepada Kerajaan. Jadi di manakah duduknya taraf Ahli Parlimen sekarang? Sebagai Negara yang mengamalkan parliamentary democracy kita dipilih oleh rakyat, mereka juga dipilih oleh ahli-ahli mereka dan kalau tak betul kemudiannya, mungkin kedua pihak ini akan bertembung. Pada fikiran saya, Kerajaan patut fikir semula kedudukan CUEPACS dalam kegiatan kesatuan-kesatuan sekerja. Ini bukan bermakna bahawa saya tidak setuju diadakan kesatuan sekerja. Ini memang elok, tetapi cara mereka bergerak sekarang ini akan menimbulkan kerumitan sebagaimana yang kita hadapi sekarang ini.

Demikian juga kalau dalam Lapuran ini kita hendak bandingkan dengan pihak swasta, ini fikiran yang tidak wajar. Saya kata demikian kerana dalam swasta tujuan pihak majikan ialah untuk mendapatkan sebanyak-banyaknya keuntungan dan keuntungan itu masuk dalam poket mereka sendiri. Oleh sebab itu, saya memang tidak setuju terhadap mana-mana pihak yang boleh membandingkan Kerajaan sebagai employer dan kakitangan Kerajaan sebagai employee. Ini kita tak boleh terima kerana jika Kerajaan dapat keuntungan sekalipun, keuntungan itu tak masuk dalam poket Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan sebagainya, tetapi disebarkan kepada rakyat biasa dan rakyat biasa juga termasuk ahli Kesatuan Sekerja. Saya sekali-kali tak boleh terima pendapat daripada mana-mana golongan yang mengatakan bahawa Kerajaan adalah employer. Kerajaan adalah Kerajaan yang memberi perkhidmatan (service) dan tidak mencari keuntungan. Itu bezanya.

Selain daripada itu, kalau kita hendak bandingkan juga dengan swasta, dalam swasta mereka yang memegang jawatan managerial supervisory, kalau tak silap saya, tak boleh jadi ahli trade union, tetapi dalam kakitangan Kerajaan, itu dibenarkan. Tetapi walau bagaimanapun perkara ini patut dikaji semula oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyemak Lapuran Jawatankuasa Kabinet ini, mungkin dengan masa yang begitu suntuk saya tidak

ternampak. Saya cuba mencari tetapi saya dapati satu golongan pegawai Kerajaan yang tak tentu di mana kita hendak masuk, dalam skim mana hendak diletakkan iaitu pegawai-pegawai pangkat rendah Jabatan Penjara.

Dahulu mereka itu diberi kemudahan dan keistimewaan sebagai pegawai polis pangkat rendah, tetapi sekarang saya tak tahu di manakah kedudukan mereka itu. Dan saya harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan memberi sedikit penjelasan supaya kegelisan dan keraguan mereka itu yang terdiri daripada 3,000 orang ahli dapat dilegakan sedikit. Sebab dahulu mereka itu dapat uniform dan banyak kemudahan yang diberi kepada pegawai polis pangkat rendah, tetapi sekarang saya semak, tetapi tak ternampak samada kita hendak bubuh mereka dalam IMG. Jadi oleh sebab itu saya minta supaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi penjelasan kerana sehingga ini mereka ragu-ragu tidak tahu di manakah kedudukan mereka dan saya syorkan dalam mempertimbangkan perkara ini berilah hak kepada mereka sebagaimana yang diberikan kepada pegawai polis pangkat rendah kerana tugas dan tanggungjawab mereka lebih kurang sama dengan anggota polis.

Itulah sedikit sebanyak pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali lagi saya merayu kepada ketua-ketua kesatuan sekerja dan juga ahli-ahli kesatuan sekerja supaya memahami betul-betul apa yang ditawarkan oleh Kerajaan ini dan juga saya menyeru kepada Kerajaan jika suasana yang buruk akan timbul, Kerajaan tidak akan ragu-ragu mengambil tindakan mengikut kuasa-kuasa yang ada padanya.

3.18 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan dengan memanggil sidang Parlimen ini telah kehilangan kesabaran dan telah over-reacted terhadap tuntutan CUEPACS supaya Lapuran Ibrahim Ali yang disemak semula dilaksanakan. Adalah menjadi satu perkara biasa bagi pemimpin kesatuan-kesatuan sekerja untuk mengambil pendirian-pendirian (postures) tertentu dan menyuarakan ugutan-ugutan mereka untuk memperkuatkan lagi tuntutan-tuntutan mereka.

Tetapi malangnya pihak Kerajaan telah kelam-kabut (over-reacted) dengan menekan butang paniknya memanggil Parlimen dengan tergopoh-gapah untuk mendapat kelulusan-nya ataupun rubber stamp; apatah lagi dengan majoritinya yang besar dan dengan demikian meletakkan Lapuran Mahathir ke atas pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang menentangnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu *fait accompli* mungkin boleh dicapai tetapi ianya akan meninggalkan rasa kepahtan di kalangan mereka yang terlibat. Frustrasi-frustrasi dan sungutan-sungutan masih tinggal. Contohnya pada hari ini dalam surat-surat khabar, kita pun nampak beberapa badan seperti Juru-rawat-jururawat dan lain-lain tidak puas hati. Jika sekiranya cara perundingan yang teruji digunakan, justru satu consensus atau compromise dapat dicapai. Kerajaan melaunglaungkan yang ianya merupakan satu majikan yang baik ataupun model employer. Dan dia sentiasa menasihati majikan-majikan yang lain supaya mereka harus berbincang dan berunding dengan Kesatuan-kesatuan Sekerja untuk mencapai satu penyelesaian yang sewajarnya. Tetapi apabila sampai masanya untuk Kerajaan menghadapi ujian, Kerajaan hilang kesabarannya dan menggunakan Parlimen sebagai alat atau senjata untuk menakutkan Kesatuan-kesatuan Sekerja dan memaksa Kesatuan Sekerja tunduk kepadanya. Ini adalah amat tidak bertanggungjawab sama sekali dan ini akan memburukkan sistem untuk mencapai perdamaian perusahaan (industrial peace) melalui dialog di antara Kesatuan-kesatuan Sekerja dan majikan-majikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu smoke-screen alasan-alasan seperti kepentingan negara (national interest) keselamatan, akibat-akibat ke atas sektor swasta dan inflasi telahpun digunakan untuk menghalalkan tindakan Kerajaan untuk menolak Lapuran Ibrahim Ali disemak semula. Dewan ini telah mendengar arguments yang sama dahulu—kerap kali Kerajaan membuat sesuatu. Dewan ini telah dipanggil untuk meluluskan \$613.8 juta ringgit untuk keselamatan tetapi soal deficit budgeting masa itu tidak digunakan sebagai gergasi. Kelulusan berbillion wang ringgit untuk Rancangan Malaysia Ketiga telah dibuat, tetapi ketika itu suasana inflasi tidak timbul. Apabila Dewan ini meluluskan (bulldoze) penambahan elaun sebanyak 50% untuk Ahli-ahli Parlimen pada ketika itu tidak timbul apa-apa pun pertimbangan dan

simpati untuk para petani dan nelayan yang miskin yang mendapat pendapatan yang sangat rendah ataupun tidak pernah mendengar apa-apa suara yang menarik perhatian Dewan ini kepada tanggagaji pekerja-pekerja yang diterima oleh pihak Kerajaan yang termasuk di dalam golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya kepentingan kebangsaan menjadi satu alasan maka kami di dalam Parti DAP berkata bahawa adalah amat mustahak kita mempunyai pegawai-pegawai Kerajaan yang puas hati di mana dedikasi mereka boleh diharapkan dan produksi mereka boleh ditambahkan. Jika sekiranya keselamatan merupakan alasan maka adalah penting pegawai-pegawai Kerajaan dan kakitangan-kakitangan diberi gaji yang adil supaya mereka boleh berkhidmat dengan lebih cekap dan berkebolehan dalam melaksanakan projek-projek sosial dan ekonomi dengan jayanya kerana perang untuk menawan hati dan fikiran rakyat harus diadakan di lapangan sosio-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, issue yang sebenarnya ialah untuk memberi gaji yang adil kepada para pekerja. Bagi pekerja-pekerja di dalam golongan IMG adalah menjadi perkara survival bagi mereka untuk mengadakan tanggagaji yang adil. Sejak tahun 1970 consumers price index telah meningkat hampir 50% dan ini patut digambarkan di dalam penambahan gaji bagi pekerja-pekerja. Sepatutnya penambahan gaji yang ada dan seimbang harus diberi kepada mereka yang termasuk kumpulan perkeranian, teknikal, ikhtisas (professional), pengurusan (managerial).

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru bahawa pintu untuk dialog haruslah dibuka lagi. Pihak Kerajaan telah menyatakan bahawa Lapuran Kabinet atau Lapuran Mahathir adalah lebih adil. Pada masa yang sama pihak NJAC berpendapat Lapuran Ibrahim Ali juga lebih kurang mengesyorkan gaji yang adil dan berpatutan. Walaupun Kabinet ini akan diluluskan pada hari ini, ini tidak bermakna perkara ini akan berakhir begitu sahaja. Rasa tidak puas hati masih berterusan dan kami di dalam parti DAP meminta supaya satu dialog yang berterusan di antara Kerajaan dan pihak Kesatuan-kesatuan Sekerja patut diadakan sehingga satu persetujuan yang sesuai dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah berkata pihak Kerajaan mempunyai kepastian untuk membayar lebih kurang \$350 juta untuk menampung kenaikan gaji dan dengan berbuat demikian ekonomi negara kita tidak akan terjejas.

Pihak Kesatuan Sekerja menganggarkan (estimate) kos bagi tambahan gaji adalah masuk \$300 juta. Jika sekiranya satu dialog dan costing bebas yang realistic diadakan dan jika didapati sebanyak \$200 juta akan dikehendaki lagi, saya berkata di sini pihak Kerajaan boleh mencari untuk menampung perbelanjaan ini. Kita akan dapat wang yang secukupnya jika sekiranya Kerajaan mengambil dua tiga langkah.

Pertama, rasuah dihapuskan atau dikurangkan kepada paras minima.

Kedua, menghentikan dengan segera perbelanjaan yang membazir dan tidak perlu. Saya difahamkan Menteri-menteri dan juga Menteri-menteri Besar masih atau sedang membeli kereta-kereta yang mahal dan luxurious. Cuba bandingkan perkara ini dengan President baru di Amerika Syarikat di mana kereta-kereta yang berharga mahal tidak diberi lagi kepada pemandu-pemandu President itu. Jika sekiranya sebuah Kerajaan yang telah mencapai pembangunan yang begitu pesat, sedang berjimat-cermat patutlah negara-negara yang sedang membangun seperti negara kita juga berbuat demikian.

Ketiga, jika perbelanjaan untuk keselamatan dikurangkan sebagai satu langkah adalah tidak berfaedah jika kita melibatkan diri dalam perlumbaan untuk membeli senjata (arms race). Pembelian kapal-kapal Spica-M adalah merupakan contoh yang baik di mana pelepasan peluru berpandu pada setiap kali akan mengakibatkan perbelanjaan sebanyak \$1 juta. Jika perkhidmatan negara kita diadakan, keperluan untuk mengadakan satu tentera yang besar tidak akan timbul, kerana dengan adanya perkhidmatan negara (national service) ramai rakyat jelata boleh dilatih dan selepas itu masuk ke dalam reserve, dan bila ada apa-apa hal, reserve itu boleh dipanggil. Berjuta-juta ringgit dapat diijamatkan di dalam hal pertahanan dan keselamatan dan wang ini boleh digunakan untuk gaji kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, parti DAP menentang usul yang ada di hadapan Dewan ini kerana kita enggan menjadi rubber stamp untuk tindakan panic yang dilakukan oleh Kerajaan. Dan juga kita pihak DAP berpendapat perkara pertikaian gaji harus dirundingkan di meja perundingan (conference table) di mana ianya boleh dibincangkan oleh pekerja-pekerja dan majikan iaitu Kerajaan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Lapuran Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen juga tidak ditolak oleh Kerajaan dan saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh bersimpati memberi perhatian serta membuat satu keputusan yang segera berkenaan perkara ini.

3.31 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ketahui masaalah di hadapan kita ialah pertikaian gaji di antara Kerajaan dengan Trade Union. Sebagaimana yang kita maklum, masaalah gaji bukanlah satu perkara baharu, semenjak dahulu lagi Kerajaan memberi pertimbangan yang wajar kepada kakitangan Kerajaan dengan mengadakan Suffian Report, Harun Report, Aziz Report dan lain-lain lagi, ini semuanya untuk memberi layanan yang baik kepada kakitangan Kerajaan.

Selama ini report-report itu tidak dipertikaikan begitu hebat dan tidak dibawa ke dalam Parlimen tetapi pada kali ini dengan Lapuran Ibrahim Ali satu pertikaian yang hebat telah berlaku di antara pihak Kerajaan dan Trade Union, dengan kerana itu Dewan ini dipanggil dengan cara mengejut sebagaimana yang kita adakan semenjak hari semalam. Ini semua terbit daripada Lapuran Ibrahim Ali yang tidak memuaskan hati Kerajaan dan Kerajaan memandang satu perkara yang tidak boleh dilaksanakan. Tetapi walau bagaimana, oleh sebab Suruhanjaya Ibrahim Ali ialah ditubuhkan dengan kehendak Kerajaan dan mereka telah menjalankan satu tanggungjawab mereka mengadakan satu report dalam masa yang begitu singkat yang pada pandangan mereka hendak membaiki di antara tanggagaji Suffian, Harun dan lain-lain tetapi malangnya tidak dapat dipenuhi kehendak-kehendak itu. Oleh sebab mereka telah menjalankan

tanggungjawabnya dengan kehendak-kehendak Kerajaan juga, maka saya mengambil peluang di sini mengucapkan terima kasih kepada Suruhanjaya Ibrahim Ali yang telah menjalankan tanggungjawab dan mengadakan report yang begitu rupa, tetapi malang cadangan-cadangan mereka tidak dapat diterima oleh Kerajaan oleh sebab mereka boleh jadi juga barangkali Pengerusi Suruhanjaya itu seorang pegawai tinggi Kerajaan, mereka memberi satu tawaran yang sangat berbeza di antara pegawai-pegawai rendah dengan pegawai tinggi sehingga sampai \$8,000 gaji sebulan kepada pegawai tinggi dan \$150 kepada pegawai yang rendah. Dalam pada itu mencadangkan lagi beberapa elaun yang boleh menjadi beban kepada Kerajaan. Dengan kerana Lapuran Ibrahim Ali begitu rupa yang barangkali menguntungkan setengah-setengah pihak pegawai tinggi yang dalam Trade Union itu juga oleh sebab Trade Union itu sendiri ada pegawai tingginya bersama-sama menjadi committee member, kalau tidak salah, dan juga pegawai rendah dan mereka memandang keuntungan inilah yang menyebabkan mereka menggegarkan Kerajaan supaya melaksanakan dengan sepenuhnya.

Kerajaan telah beberapa kali memberi penerangan kepada pihak Trade Union, pihak pekerja bahawa Lapuran Ibrahim Ali tidak boleh dilaksanakan dengan sebab-sebab sebagaimana kita dengar dan seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam dan juga seperti yang diterangkan oleh Kerajaan beberapa kali, tetapi pihak Trade Union sukar hendak menerima sehinggakan Kerajaan meminta lapuran ini disemak enam bulan pun sukar hendak menerimanya seolah-olah macam mereka memikirkan satu perkara yang pasti dibuat dan tidak boleh lagi ditimbang untuk mengambil masa yang panjang sedikit, sehingga begitu desakan mereka tetapi pihak Kerajaan memberi layanan yang baik juga.

Kerajaan berjumpa, ajak berunding, ajak lawan berfikir dan memberi cadangan, tetapi mereka tidak juga mahu mendengar dan tidak mahu menerima sehinggakan mereka meletakkan di hadapan Kerajaan satu ugutan tindakan perusahaan iaitu mogok. Tetapi dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih mahu menerima mereka dan masih mahu berjumpa dan dapat mengatasi sedikit sebanyak dalam perundingan tetapi mereka masih tidak

puas hati dengan kehendak Kerajaan walaupun Kerajaan berkali-kali memberi tahu Lapuran Ibrahim Ali tidak boleh dilaksanakan dengan sebab melibatkan wang begitu banyak, dan masih ada perbezaan-perbezaan di antara kakitangan yang begitu besar, kalau dijalankan boleh jadi pertikaian antara kakitangan sendiri begitu besar sekali, sebab-sebab ini telah terang dan nyata tetapi pihak Trade Union tidak juga mahu menerima. Kerajaan masih bertolak ansur minta Suruhanjaya Ibrahim Ali mengkaji balik laporannya walaupun lapuran yang dikaji balik itu diserahkan kepada Kerajaan tetapi apabila disemak Kerajaan masih tidak boleh menjalankan juga kerana masih terlibat dengan wang yang banyak sebab tawaran kepada pegawai tinggi cukup berbeza dan melibatkan perbelanjaan beratus-ratus juta ringgit. Kerajaan masih membuka pintu perundingan, masih berunding dengan pegawai-pegawai Trade Unions. Sehingga waktu yang akhir-akhir ini sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam sengaja melampirkan masa berunding dengan mereka. Oleh sebab Kerajaan tidak boleh melaksanakan Lapuran Ibrahim Ali, Kerajaan ada satu cadangan baru yang diberi kepada mereka. Ini cadangan kami iaitu cadangan Jawatankuasa Kabinet Kerajaan, bukan maknanya kami tidak mahu menjalankan langsung masaalah tanggagaji tetapi apa yang terjadi pihak pegawai-pegawai Trade Union dengan rasa tidak bertanggungjawab telah menyiarkan berita-berita dan memberi kenyataan kepada akhbar bahawa Kerajaan langsung tidak mahu melaksanakan tanggagaji Ibrahim Ali walaupun Kerajaan berkali-kali memberi keterangan-keterangan bahawa Kerajaan akan menghadapi satu masaalah yang paling berat dan tidak bertanggungjawab oleh Kerajaan dan pihak Kerajaan atau Menteri-menteri Kabinet tentulah bertanggungjawab menjaga masaalah negara ini. Tetapi sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab rasa yang tidak mahu menghampakan kakitangan, maka memberi satu tawaran baru Lapuran Kabinet.

Malangnya pihak pegawai Trade Unions memekakkan telinga, memekamkan mata tak mahu memandang Lapuran ini, menentang majlis persidangan dengan tak mahu memegang buku itu, tetapi Kerajaan terus membuat tawaran kepada kakitangan dan terus menyiarkan dua hari yang lepas apa yang Kerajaan buat dan serentak dengan itu

barangkali mereka telah mendengar bagaimana sebaran am Kerajaan menawarkan kepada kakitangan yang rendah dapat faedah yang lebih dan dengan menyiarkan di akhbar-akhbar, mereka pusingkan kenyataan dan mengatakan: kenapa tak berikan kami peluang 2 minggu untuk berunding. Apakah Kerajaan ini budak-budak, tidak mengerti sikap Pegawai Trade Unions yang meninggalkan meja persidangan yang ada di atasnya itu lapuran Kerajaan. Kalau pegawai ini begitu bijaksana, fikirannya matang maka mereka akan beritahu Kerajaan: kami akan menyemak selama dua minggu, beri peluang kepada kami dua minggu untuk kami menyemak. Tetapi mengapa kenyataan itu dibuat kemudian di luar apabila Kerajaan telah memberi tahu kepada rakyat tentang Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet, baru mengaku hendak menyemak, baru mengatakan bahawa kami tidak ada peluang hendak menyemak. Kalau sekiranya pihak pegawai Trade Unions ini mengadakan perbincangan dengan fikiran yang sejuk, dengan fikiran yang bijaksana minta timbang balik, maka tidak ada mesyuarat Parlimen tergepar seperti ini, maka tidak ada Kerajaan bertindak seperti yang dianggap oleh pihak Pembangkang tadi kononnya memanggil Parlimen dengan tergepar untuk menjadi satu rubber stamp. Tetapi adanya Parlimen hari ini mestilah Pembangkang ketahui terbitnya panggilan ini ialah daripada sikap pegawai-pegawai Trade Unions yang begitu bongkak terhadap Kerajaan, tidak mahu melihat lapuran, tetapi sebaliknya memberi jawapan, kami tetap dengan keputusan 31hb Januari akan mengambil tindakan perusahaan. Apa ertinya ini? Dari masa perundingan itu hanya ada seminggu lagi hendak sampai kepada 31hb Januari. Apakah Kerajaan mesti berdiam diri, sampai melihat bahawa negara kucar-kucir oleh sebab tindakan perusahaan, maka pada masa itu baru hendak bertindak apabila semua alat negara lumpuh? Ini tidak sedikitpun difikirkan oleh pihak Ahli dari Kota Melaka dan Ahli dari Seremban. Apakah ini tidak ada kena-mengena dengan keselamatan negara? Beliau baru sebentar mengatakan bahawa tidak ada kena mengena dengan keselamatan negara memanggil Dewan ini.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Apakah mereka mahu melihat semua sekali keadaan negara huru-hara baru hendak panggil Parlimen? Pada masa itu

mereka akan menuduh Kerajaan meninggalkan Parlimen, kenapa tidak memanggil kami sewaktu awal-awal lagi. Mereka akan mendakwa di sebalik itu. Apabila Kerajaan memanggil Parlimen hendak mengetahui fikiran semua Ahli, maka mereka menuduh Kerajaan mensia-siakan Parlimen dan kononnya hendak menggunakan Ahli Parlimen pihak Kerajaan ini sebagai rubber stamp. Apakah mereka tidak terfikir antara 24hb Januari hingga 31hb Januari itu hanya masa seminggu dan apa yang Kerajaan mesti buat? Tentulah memanggil persidangan ini oleh kerana dianggapnya besar sebelum berlaku 31hb Januari. Dengan memanggil Parlimen ini saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Ahli-ahli Kabinet dan Kerajaan yang telah memandang begitu jauh ke hadapan mengambil satu sikap yang bijaksana sebelum berlaku sesuatu yang tidak baik kepada negara maka adalah lebih baik kami serahkan kepada rakyat, menunjukkan Kerajaan tidak meninggalkan rakyat tidak meninggalkan Dewan yang mulia ini dan sambil itu memberi pengertian kepada kami semua mengapa Lapuran Ibrahim Ali itu ditolak dan sebagai gantinya diberi satu Lapuran Kabinet yang memberi tawaran gaji walaupun tidak begitu besar kerana Kerajaan telah mengakui bahawa Kerajaan tidak boleh memberi tawaran yang banyak kerana kekurangan wang. Tetapi lapuran itu sangat memberi kesan yang baik terhadap semua kakitangan Kerajaan dan boleh menyelesaikan semua masalah gaji yang selama ini kita duduk dalam keadaan berbeza.

Pekerja-pekerja yang duduk dalam Lapuran Suffian masih cemburu dengan orang yang mendapat Lapuran Harun yang lebih tinggi dengan pihak Badan-badan Berkanun. Setengah Pegawai-pegawai Kerajaan lari berhenti masuk Badan Berkanun kerana Badan Berkanun lebih baik. Ada orang dalam Badan Berkanun kata tanggagaji Suffian lebih baik. Ada yang kata Lapuran Aziz lebih baik, guru diberi layanan yang istimewa. Masih berlaku pertikaian ini. Tetapi dengan terbentuknya satu lapuran Kabinet yang dibuat ini sebagaimana yang kita telah diberitahu tawaran dalam Lapuran gaji ini boleh menyelesaikan semua masalah gaji Suffian, Gaji Aziz dan Gaji Harun. Tidak ada lagi tanggagaji itu, hanya yang ada pada masa yang akan datang ialah Lapuran Kabinet dan semuanya dianggap sama walaupun di pihak Badan Berkanun walaupun guru, walaupun dalam skim Suffian maka

mereka akan hidup dalam satu tanggagaji baru. Tidak ada lagi orang mengatakan Lapuran Harun baik. Inilah masalah yang ada di hadapan kita supaya seluruh kakitangan Kerajaan berasa puas, tetapi ini tidak diambil indah oleh pihak Pembangkang kita yang seolah-olah apa yang dibuat oleh Kerajaan semuanya buruk.

Saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Lapuran Kabinet dan Jawatankuasanya terutama sekali Pengerusinya, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan kepada seluruh pegawai yang telah begitu cekap menyusun Lapuran ini dalam masa yang singkat untuk hendak memberi tahu kepada pihak Trade Unions apakah hasrat Kerajaan berkenaan dengan gaji ini. Walaupun disusun dengan begitu singkat tetapi begitu kemas (complete) dan adil, kerana berani menarik turun sedikit gaji yang begitu banyak ditawarkan oleh Ibrahim Ali kepada pegawai yang tinggi dan berani menambah kepada pegawai yang rendah. Inilah kehendak sebahagian besar kakitangan Kerajaan terutama sekali perengkat rendah supaya jurang perbezaan itu tidak begitu tinggi, tidak begitu jauh. Tetapi keadaan ini tidak difahami sama sekali oleh pihak pegawai-pegawai Trade Unions. Saya tak tahu apakah maksud Trade Union itu ditubuhkan. Tentu mereka akan menjawab hendak menjaga kepentingan ahlinya, tetapi bila kerajaan membuat Lapuran untuk menjaga kepentingan ahli yang di bawah, untuk rakyat di bawah yang bergaji rendah maka mengapa mereka tidak mahu menerima. Di mana dakwaan mengatakan pegawai-pegawai Trade Unions atau CUEPACS itu hendak membela ahli-ahlinya. Saya nampak yang ada di hadapan mereka ialah dengan issue gaji inilah sahaja yang boleh kononnya menaikkan nama mereka sebagai leader yang berjuang masalah rakyat yang di bawah dan kononnya berani menentang Kerajaan. Adakah selama ini tujuan Union itu berniat menentang Kerajaan, tidak mahu mendengar apa yang kerajaan capak?

Di sinilah saya minta kepada Ketua-ketua Trade Unions itu atau CUEPACS itu sendiri mempunyai satu pemikiran yang baharu, satu pemikiran ala-Malaysia. Walau pun ilham Trade Unions itu diambil daripada negeri Barat atau daripada negara-negara Socialis Kominis tetapi jalankanlah Trade Unions itu ala Malaysia, berfikirlah sebagai orang Malaysia. Bukan sebagai seorang Eropah atau seperti pemimpin

Trade Unions di negara komunis, yang sentiasa memandang Kerajaan itu musuhnya. Kita di Malaysia berlainan daripada negeri lain. Kita terdiri dari berbagai kaum, berbagai-bagai kebudayaan, berbagai-bagai peringkat manusia dan kita ada dengan cara kita sendiri walaupun ada demokrasi tetapi ala-Malaysia kita. Kita telah menjalani pemerintahan secara Barat bertahun-tahun lamanya tetapi akhirnya kita sampai kepada zaman kehancuran 13 Mei dan begitulah hendaknya Trade Unions sendiri mesti berfikir cara Malaysia. Tidak boleh berfikir cara Barat (Eropah) tidak boleh berfikir cara Trade Unions di Timur Jauh ataupun di negara-negara komunis.

Di negara mereka tidak ada Rukunegara dan tidak ada Rukun Tetangga, tetapi di-Malaysia ada dan kalau sekiranya mereka cuba juga berkeras dan memberi kepada Kerajaan kata dua pada 31 Januari, mereka tahu akibatnya kerana mereka hendak menunjukkan kepada dunia bahawa pemimpin-pemimpin Trade Unions di Malaysia berani bertindak menentang Kerajaan. Tetapi tahukah akibatnya? Kalau sekiranya terjadi apa-apa huru hara, lumpuh pentadbiran dan sebagainya, pemimpin Trade Unions itu sendiri, pemimpin CUEPACS itu sendiri mestilah bertanggungjawab kalau berlaku sesuatu perkara yang tidak di ingini dalam negara ini dengan sebab pertikaian gaji ini, seterusnya mereka akan bertanggungjawab, tidak boleh lari, tidak boleh lepas. Mereka akan bertanggungjawab kepada anak-anak yang tidak dapat bersekolah, mereka akan bertanggungjawab kepada petani-petani yang tidak dapat pergi kesawah, mereka bertanggungjawab kepada penoreh getah yang tidak boleh pergi menoreh, mereka bertanggungjawab seluruh kakitangan Kerajaan yang tidak boleh sampai ke Pejabat. Mereka bertanggungjawab kalau sekiranya negara ini lumpuh. Mereka tidak boleh lari daripada tanggungjawab ini. Dengan sebab mereka mempunyai satu pemikiran yang keras, tidak mahu bertolak ansur lagi, pasti ini akan menjejaskan keselamatan negara. Ini yang saya hendak terangkan kepada Ahli Yang berhormat dari Seremban yang mengatakan bahawa pertikaian ini tidak ada kena mengena dengan keselamatan negara. Kononnya Kerajaan memainkan issue keselamatan negara itu sebagai suatu ugutan dan mencajangkan pula jangan membeli senjata untuk menjaga keselamatan. Apakah mereka berasa senang sekiranya negara ini menjadi huru

hara? Mereka berasa senang kalau sekiranya komunis mengganggu negeri ini terus menerus. Inilah yang kita minta pihak Trade Unions berfikir dua kali sebelum mereka memberi sebarang kata dua kepada Kerajaan. Dan masa masih ada, pintu masih terbuka, Kerajaan tidak pernah mengatakan bahawa pintu perundingan telah ditutup. Tetapi mereka lah yang menutup pintu perundingan mereka tidak mahu tengok apa yang Kerajaan buat. Adakah ini sikap sebagai satu pemimpin Trade Unions yang berfikir secara kenegaraan sebagai mereka rakyat Malaysia mahu berunding, dan berdamai sebagai rakyat Malaysia untuk kepentingan negara dan sedar mereka ialah rakyat Malaysia sendiri, mereka bukan datang daripada suatu negara asing. Nampaknya sengaja menutup fikiran mereka?

Kalau benar mereka jujur, esok mereka boleh beritahu Kerajaan, "beri masa kami untuk kami mengkaji Lapuran Kabinet. Beri peluang kami berunding balik dengan ahli-ahli kami," jangan memberitahu kepada Kerajaan bahawa kami hendak mogok pada 31hb Januari. Bukan Kerajaan yang menutup perundingan dan adalah diharap pihak pemimpin Trade Unions akan berfikir begitu waras sebelum mereka melancarkan sebarang tindakan. Adakah mereka berfikir bahawa Kerajaan berbohong dengan mengatakan Lapuran Ibrahim Ali tidak boleh dilaksanakan? Adakah mereka tidak boleh sebagai rakyat Malaysia memikirkan bahawa begitu berat beban yang hendak dipikul Kerajaan kalau melaksanakan Lapuran Ibrahim Ali? Ini patut ada di dalam pertimbangan Pegawai-pegawai Trade Unions sebagai ahli atau rakyat di dalam negara ini sendiri. Saya tidak fikir sebarang Trade Unions dalam sebuah negara itu ingin melihat negaranya hancur—ingin melihat Kerajaannya kucar-kacir; ingin melihat Kerajaan itu berbalah, berkelahi dengan kakitangan Kerajaannya tetapi sebaliknya saya rasa yang ada berfikir semacam ini ialah anasir-anasir komunis sahaja, anasir-anasir subversif, tetapi Trade Unions yang jujur, yang waras tidak ada berfikir semacam itu; yang ingin melihat kakitangan Kerajaan berkelahi dengan Kerajaan dan ingin melihat supaya sesuatu perkara yang tidak diinginkan berlaku ialah semata-mata untuk membolehkan mereka mendakwa bahawa Kerajaan hari ini tidak boleh memerintah atau tidak bertanggungjawab.

Rasa saya Kerajaan yang dipilih oleh rakyat yang memenangi 90% tidak boleh diugut dengan begitu rupa. Dan sekali lagi saya meminta pihak Trade Unions sendiri berfikir balik secara rakyat Malaysia dengan tawarkan diri balik berunding dengan Kerajaan, kaji balik Lapurannya ini, kalau sekiranya ada didapati sedikit sebanyak tempat yang tidak betul, saya rasa Kerajaan dengan tangan terbuka, dengan hati terbuka menerimanya di mana tempat yang kurang, tetapi apa yang hendak kita bahaskan ialah Lapuran Kabinet. Kerajaan telah beritahu bahawa Lapuran Ibrahim Ali tidak boleh dijalankan. Itu harus mereka faham dan harus memberitahu seluruh ahlinya keadaan yang sebenar terjadi kepada negara dan mengapa terjadi begitu. Mengapa mereka tidak ingin memberi penerangan ini? Hanya semata-mata penerangan memburukkan Kerajaan tidak adil dan tidak bertimbang rasa dengan menolak Lapuran Ibrahim Ali. Dan sekali lagi pihak Pembangkang juga harus berfikir dua kali sebelum menuduh Kerajaan sesuatu perkara yang sumpama ini yang menunjukkan bahawa mereka sendiri daripada pihak Pembangkang tidak ingin melihat negara tenteram. Tidak ingin melihat sesuatu yang dibuat oleh Kerajaan walaupun perkara itu baik, dengan mengecam Kerajaan memanggil persidangan Parlimen seperti yang dituduh oleh wakil dari Kota Melaka semalam. Tetapi kalau Parlimen tidak bersidang dan berlaku sesuatu yang besar mereka juga akan mengecam balik Kerajaan tidak cekap, tidak pedulikan Parlimen, tidak memanggil kami dengan mengejut, kami patut dipanggil, kami patut dibawa berunding. Inilah sikap mereka yang selama ini sangat meragukan.

Sepatutnya dalam masaalah negara seperti ini mereka mestilah bersama-sama menolong Kerajaan dan memberitahu sebagai Ahli Parlimen Kerajaan kepada Pembangkang mereka patut memberitahu juga kepada wakil-wakil Trade Unions sikap Kerajaan dan sikap yang macam mana patut diambil dan sebagainya, bukan semata-mata menyalahkan Kerajaan. Dengan ini, saya sekali lagi memberi terima kasih yang tinggi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam yang telah dengan begitu bijaksana mengambil sikap yang cergas, yang tegas memanggil kami berunding di Dewan ini dan dapattlah kami mendengar sedikit sebanyak keadaan yang sebenarnya yang terjadi mengenai dengan pertikaian gaji dan terima

kasih juga kepada pihak Kabinet yang sanggup menyediakan lapuran dalam masa yang singkat dan memberi tawaran yang dianggap begitu menasabah dalam segala segi dan juga kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah bersama-sama menolong pihak Kerajaan dalam perkara ini walaupun kami insaf pegawai-pegawai itu sendiri terlibat di dalam masaalah gaji. Oleh sebab memandang kepada kepentingan negara mereka sanggup menolong Kerajaan bertolak ansur, walaupun mereka sedar bahawa dengan Lapuran Kabinet ini sebahagian besar gaji mereka yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Ibrahim Ali itu dipotong dan dikurangkan, tetapi oleh sebab bagi kepentingan masyarakat negara kita seluruhnya dan kakitangan Kerajaan yang lain-lain maka harus mereka tidak kira penat sehingga pagi menyediakan lapuran ini. Ini kami ucapkan sekali lagi setinggi-tinggi terima kasih.

4.02 ptg.

Datuk Albert Mah (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dan menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menolak lapuran semula Suruhanjaya Gaji Di Raja, 1975 dan menerima lapuran Jawatankuasa Kabinet.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah memberi kepada Dewan ini berbagai-bagai sebab yang nyata bagi menolak Lapuran Ibrahim Ali yang dianggap berlebihan dan jika dilaksanakan akan memberi kesusahan bukan sahaja kepada Kerajaan Persekutuan tetapi juga kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, Perbadanan-perbadanan Tempatan dan sebahagian Badan-badan Berkanun yang sekarang telah mengalami kesulitan-kesulitan untuk melaksanakan pengesyoran-pengesyoran suruhanjaya yang lalu.

Satu komentar yang tepat telah timbul dalam fikiran saya. Seorang kawan yang terlibat dalam menyatakan cadangan-cadangan kepada Ibrahim Ali Commission telah berkata kepada saya. Sungguh sedih anda bersara terlalu awal. Suruhanjaya Ibrahim Ali sungguh menarik. Mereka memberi segala apa juga yang kami minta. Senang sahaja, tidak bertengkar. Setelah membaca Lapuran Ibrahim Ali dan Lapuran Jawatankuasa Kabinet, saya yakin bahawa cadangan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet itu adalah cadangan yang lebih baik dan akan

memberi faedah kepada sebahagian besar kakitangan-kakitangan awam kita yang berada di dalam golongan berpendapatan rendah. Banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah menngulaskan dengan sokongan yang menarik di atas Lapuran Jawatankuasa Kabinet dan sebarang yang saya katakan sekarang akan menghiaskan lagi bunga lily.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diizinkan.

Datuk Albert Mah (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, the issue before this House is of utmost importance. Our Civil servants are the backbone of our Government machinery. We cannot afford to have a discontented Civil Service as it would affect the smooth running of Government. No human being is ever contented with what he has, but one must be realistic.

It is most unfortunate that the Ibrahim Ali Report has given false hopes to our Civil Service. The damage is not easily repaired. It is not a question of the Government not being prepared to give more pay for its Civil servants. The truth is that we cannot afford it. We are still in the midst of fighting inflation, a total war against militant communism and subversive elements and the country is plagued with drug dependants and criminal elements. We face strong competition to win more foreign investments to get ourselves on to the road of economic recovery. I appeal to all concerned to think carefully and ask themselves one simple question: Can we afford it?

Tuan Yang di-Pertua, I was quite amused and tickled when I heard the speech of the Honourable Member for Kota Melaka yesterday. His arguments were sound as it sounded. The way he put forward his arguments reminded me of the story of "The Blind Men and the Elephant" I heard as a child. These poor blind men, according to the story, were having a debate on how the elephant looked like. One blind man touched a leg of the elephant and cried out, "Oh! The elephant is like a tree." Another who held an ear of the elephant exclaimed loudly, "No, it is like a fan." They were not wrong in their opinion but they failed to see the whole elephant.

I have made a study of the present basic salary scales—and I repeat "basic salary scales"—and compared them with the two Reports, i.e. the Ibrahim Ali Report and the Cabinet Committee Report on the salary scales of those who are employed in the lower scales of the Government Service and those on the upper scales. In the case of unskilled employees, the percentage of increase given in the Ibrahim Ali Report is between —6.3% to +15.4% for the starting pay; whereas the Cabinet Committee Report shows increments between 30.84% to 50%. In the case of maximum pay increase, the Ibrahim Ali Report gives an increase between 29.4% to 46.7% whereas the Cabinet Committee Report gives increase between 65% to 90%. For a semi-skilled employee, the Ibrahim Ali Report shows an increase from —0.5% to +20.3% whereas the Cabinet Committee Report shows an increase between 24.6% to 39.3%. In the maximum salary, the Ibrahim Ali Report shows an increase from 18.7% to 93.8% whereas the Cabinet Committee Report shows increases from 50.7% to 91.2%. For skilled employees, the starting basic pay increase in the Ibrahim Ali Report is from —33.30% to +28.6% whereas the Cabinet Committee Report gives 20% to 41.3% increases. In the maximum salary the Ibrahim Ali Report gives increases from 9.9% to 140.6% whereas the Cabinet Committee Report shows increases between 30% to 90%. For the subordinate staff workers, i.e., office boys, the Ibrahim Ali Report gives —60% to +40% for starting basic salary whereas the Cabinet Committee Report gives increases between 40.5% to 77.3%. For the maximum basic salary the Ibrahim Ali Report shows increases of —.1% to +65.6% whereas the Cabinet Committee Report shows increases between 21.9% to 40.5%. For the higher basic salary income group, the Cabinet Committee Report gives an average increase of between 15% to 58.3%.

What I have said just now, Tuan Yang di-Pertua, without doubt shows that the Cabinet Committee Report has given very careful consideration to its recommendations. I would like to appeal to all concerned to accept the Cabinet Committee Report as it will give them long-term benefits in terms of bigger gratuity and pension. The people cannot be made to pay more taxes.

On the subject of housing loans for the lower income group who can apply for loans of about \$7,000, Tuan Yang di-Pertua, not

many would be able to utilise this facility unless the Federal Government and the State Government make provision for cheap and readily available land. The Ministry of Housing and Village Development must make immediate steps as to how this could be implemented.

In conclusion, Tuan Yang di-Pertua, I support the Motion.

4.14 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sesungguhnya menyokong cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan Lapuran Gaji yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah ada sesiapa yang tidak menyokong cadangan ini baikpun daripada parti Kerajaan dan juga parti Pembangkang, saya berpendapat mereka ini tidak menggunakan akal yang siuman bahkan menggunakan perasaan mengikut sentimen ataupun kehendak hati. Sebab-sebab saya kata begitu, Tuan Yang di-Pertua, kerana dengan alasan-alasan. Sebelum saya datang ke dalam Dewan yang mulia ini sebagai seorang rakyat telah menjadi tanda tanya dan was-was dihati saya sendiri kerana saya pandang dan saya dengar tiap-tiap kali gaji akan dinaikkan baikpun Lapuran-lapuran Suffian ataupun Aziz, samada diterima ataupun tidak diterima oleh pihak Kerajaan, suasana rakyat amatlah berlainan. Mereka seringkali bersungut dan mengeluh gaji akan dinaikkan pula. Walaupun gaji itu telah dibenarkan oleh Kerajaan, kata mereka dengan naiknya gaji maka naiklah harga-harga barang sedangkan gaji pegawai Kerajaan kata mereka setengahnya lebih daripada \$600 tidak cukup lagi, tetapi kami bagi pak tani setahun \$600 kami makan dapat mencukupi sedangkan perut dan alat kelengkapan tubuh badan tidak kurang daripada apa yang ada pada pegawai-pegawai Kerajaan. Begitulah suasana rakyat pada keseluruhannya walaupun ada di antara anak-anak mereka, adik-adik mereka sendiri yang jadi pegawai-pegawai Kerajaan. Inilah sungutan yang tiap-tiap kali bila gaji akan dinaikkan. Saya tegaskan sekali lagi, walaupun gaji itu diterima oleh Kerajaan ataupun tidak, keluhan pak tani dan rakyat umum tetap mengeluh apatah lagi kalau tidak diterima oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi sebelum saya datang saya amat sedih, saya takut kalau-kalau tindakan Kerajaan akan mengeciwakan penduduk umum ataupun rakyat seluruhnya atau mengeciwakan rakyat yang menuntut gaji itu. Rupa-rupanya Kerajaan kita yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari ini amatlah adil dan penuh cara demokrasi. Mengapa tidak, saya kata begitu, kerana kita telah membuat satu cadangan dalam Dewan yang mulia ini dikala mana Yang Amat Berhormat telah dilantik menjadi Perdana Menteri membuat sokongan dengan sepenuhnya berdiri di belakang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan menyokong segala-galanya. Kalaulah langkahan itu akan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan tidak memanggil kita tentulah kita tidak dapat mengatakan apa-apa kerana ini boleh dijalankan oleh Kabinet ataupun oleh Kerajaan sendiri, tetapi dengan keikhlasan tiap-tiap satu perkara yang akan berlaku dalam tanahair kita pada hari ini, pihak Kerajaan memanggil kita bersama sebagai wakil rakyat, pandai ataupun tidak, bodoh ataupun tidak, tetapi kita adalah dipilih oleh rakyat yang berhak mengundi dalam tanahair kita. Maka kita dipanggil untuk berunding sama.

Saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah memanggil kita bersidang bersama. Kalau tidak dipanggil sekalipun tentu kita rela dan rakyat seluruhnya rela asalkan benda itu menjadi kebaikan walaupun darurat hendak dijalankan, pihak Kerajaan telah mengatakan mereka rela janganlah gaji dinaikkan bukan-bukan, kami juga akan turut menjadi mangsa sebagaimana yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi dengan keadilan Kerajaan kita telah memanggil untuk memberitahu kita bersama, tetapi sebagaimana di kata orang, seseorang yang benci kepada seseorang dia tidak pilih yang baik, segala-galanya dia pilih yang gelap, kerana manusia ada sahaja alasan untuk memburukkan satu benda. Saya contohkan—maafkan saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak menyentuh sesiapa, misalnya arak. Si peminum arak boleh mengatakan dengan minum arak aku berani bercakap, aku kuat dan sebagainya tetapi bagi yang tidak suka minum arak selain daripada yang diharamkan oleh Tuhan, minum arak hilang akal dan sebagainya. Pendek kata, tiap-tiap satu benda boleh dibuat alasan. Begitulah parti Pembangkang.

Saya bersetuju dengan sepenuhnya sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Ledang tadi. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak dipanggil dikatakan kita wakil rakyat tidak diajak berunding, bila kita dipanggil dikatakan kita seolah-olah kita hendak buat "rubber stamp" hanya mengaku apa kata Kerajaan. Tetapi saya ingin mengatakan di dalam Dewan yang mulia ini sebelum saya datang dengan nama Allah saya kata, saya dengan Yang Berhormat saudara saya dari Arau, kami pergi ke satu tempat menziarahi orang meninggal dunia. Mereka bertanya kami, "Kemana tuan-tuan hendak pergi? Kami kata, "Kami hendak pergi ke sidang Parlimen." Ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan, ada orang-orang yang tahu hal Kerajaan meminta kepada kami, kalaulah diberi peluang kepada tuan-tuan bercakap, tolonglah bercakap janganlah diterima sepenuhnya Lapuran Ibrahim Ali. "Kalau tidak bengkoklah kita", kata mereka. Kalau diterima, padahnya tidak baik kepada rakyat. Inilah permintaan kami dan kalau hendak diterima juga ubahsuaikanlah mengikut keadaan terutama yang berpendapatan rendah ditinggikan sedikit.

Bila saya datang ke sini saya bersyukur ke hadrat Illahi sebagaimana diura-urakan oleh umum telah dijalankan oleh Kerajaan kita dalam cadangan ini, bukan kita menolak dengan 100% tetapi kita ubahsuaikan mengikut keadaan yang adil. Orang yang pendapatan rendah kita tinggikan, orang yang tinggi pendapatannya kita rendahkan sedikit kerana kita tahu walau bagaimana tingginya pangkat manusia, dia makan sekadar kenyang, kalau lebih daripada itu sudah tetap membazir. Ada setengah penduduk kampung yang berpendapatan rendah kadang-kadang anaknya lebih banyak daripada anak orang yang berjawatan tinggi dan sebagainya. Maka dengan cadangan Kerajaan yang telah dikemukakan, saya tidak payah ulang kerana saya bersyukur kepada Tuhan, akhbar-akhbar telah menyebarkan dengan seluruhnya, maka ini saya yakin tiap-tiap fikiran yang waras akan terima kenyataan yang benar, kecuali kadang-kadang manusia tidak suka menerima kebenaran kerana mengikut perasaan hati ataupun takut dikatakan aku kalah. Itu sebab kita selalu disuruh sabar, ikut kebenaran walaupun benda itu pahit, kadang-kadang kita kata tidak berkenan dengan perasaan hati.

Saya yakin dan berpendapat tiap-tiap pemimpin, waemah dia daripada Kerajaan atau kesatuan sekerja tentulah dasar-dasar pemimpin itu untuk menolong ahli-ahlinya. Amatlah zalim pada pendapat saya bagi satu-satu pemimpin, baikpun dalam Kerajaan ataupun dalam kesatuan sekerja kalau mereka mementingkan diri mereka semata-mata sedangkan ahli umum diketepikan. Ini tetap tidak adil. Adakah menasabah gaji pegawai-pegawai tinggi dalam Lapuran Ibrahim Ali sampai 28 kali ganda tinggi daripada pegawai-pegawai rendah, ini tidak menasabah, tetapi apa yang disyorkan oleh Kerajaan itu amatlah menasabah kerana orang yang berpendapatan rendah ditinggikan lagi. Inilah juga yang disuarakan oleh rakyat seluruhnya dan apa yang dibuat oleh lapuran yang diketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya mengucapkan syukur dan bukan sahaja saya sebagai Wakil Rakyat, saya yakin ini disuarakan oleh tiap-tiap penduduk yang sebelum saya datang ke sini tiap-tiap rakyat menyuarakan walaupun mereka itu sendiri terdidi daripada pegawai Kerajaan dan ahli kesatuan sekerja. Maka dengan sebab itu saya mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini saya merayu dan berharap kepada kesatuan sekerja sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ledang tadi marilah kita berfikir dengan tenang, dengan waras kerana kita sama-sama manusia yang Tuhan memberi akal dan juga kita sebagai manusia yang ada nafsu, itu kita tidak nafikan, marilah sama-sama kita ikut perasaan yang waras. Siapa yang tidak mahu kepada gaji yang lebih, sebagaimana yang ditanya pendapat oleh *Utusan Melayu* pada hari ini siapa yang tidak mahu kepada gaji yang lebih, tetapi kadang-kadang kita dapat banyak maka banyaklah kita keluarkan. Sebagaimana kata peribahasa; kalau besar periok maka besar keraknya. Dengan kenaikan ini mengakibatkan rakyat umum. Ini yang kita sedih, tetapi kalau tidak mengakibatkan rakyat umum naikanlah sampai \$10,000 seorang sekalipun tidak menjadi sebab tetapi yang kita sedih kerana mengakibatkan rakyat umum.

Saya yakin walaupun Kerajaan kita ada kuasa, seperti kata orang: sekali air bah, sekali pantai berubah, jadi kalau ada mogok dan sebagainya maka akibatnya tidak baik. Kerajaan kita ada kuasa dan Kerajaan kita boleh buat dan saya yakin dan percaya kepada ahli-ahli kesatuan sekerja kalau mereka

mogok sekalipun dengan apa yang ada pada Kerajaan kita hari ini, kuasa dan segala-galanya, begitu juga persediaan yang ada kita tidak boleh lama, tetapi sebagaimana saya katakan tadi, sekali air bah tetap pantai berubah, akibatnya ada sedikit-sebanyak. Maka dengan sebab itu saya berharaplah kepada kesatuan sekerja dan saya yakin ahli-ahli umum kesatuan sekerja bila mereka sendiri tahu apa yang sebenarnya mereka juga akan menyokong sebagaimana kita tengok dalam akhbar hari ini. Saya berkata begitu kerana saya juga selalu bertanya ataupun mendengar kedudukan pegawai-pegawai Kerajaan. Setengah daripada mereka ini tidak tahu, mereka ingat dengan ada sahaja Lapuran Ibrahim Ali aku sudah tetap naik gaji. Itu anggapan mereka tetapi bila mereka tengok lapuran yang diterbitkan oleh Jawatankuasa Kabinet, bagi pegawai-pegawai yang berjawatan rendah lebih baik daripada Lapuran Ibrahim Ali. Mula-mula mereka anggap yang dilapurkan ataupun yang dibentangkan, khususnya Lapuran Ibrahim Ali lebih daripada yang tidak disetujui oleh Kerajaan tetapi sesudah mereka tahu apa yang sebenarnya, saya yakin mereka ini sokong. Dengan sebab itu saya berharap kepada kesatuan sekerja tidak usahlah berdegil dan tidak payahlah berbuat apa-apa lagi sebagaimana yang telah dijalankan berkali-kali berunding dengan pihak Kerajaan. Kadang-kadang kita berasa sedih seolah-olah mereka tidak mahu berjumpa dengan Pengerusi Jawatankuasa Kabinet, iaitu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, mereka hendak semata-mata berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kemudian dengan Perdana Menteri pula mereka sanggup lari keluar tidak mahu tengok Lapuran Jawatankuasa Kabinet dan sebagainya. Amboi! angkuhnya mereka ini. Saya berpendapat siapa yang angkuh dia akan jatuh kerana itu telah dijadikan oleh Tuhan, setinggi-tinggi kita Tuhan maha tinggi lagi. Jadi supaya benda ini tidak menjadi huru-hara kepada negara kita, walaupun lama ataupun sebentar, saya merayu kepada mereka bukan untuk kebaikan kepada kita semata-mata, tetapi juga untuk kebaikan mereka, tenangkanlah fikiran dan terimalah apa yang benar. Kalau mereka ini berkeras juga sekalipun, saya yakin rakyat umum menyokong apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada petang semalam dikala membentangkan Lapurannya banyak pegawai-pegawai Kerajaan bekerjasama dengan kita, saya juga turut mengucapkan terima kasih kerana kita tahu pegawai-pegawai Kerajaan, setengah daripadanya bekerja sampai pukul 5.00 pagi kalau ada satu-satu masalah. Dengan sebab itulah Kerajaan daripada satu masa ke satu masa telah membuat kajian tentang gaji-gaji, baik Lapuran Suffian, Aziz dan sebagainya. Saya yakin kalau perkara itu tidak menjadi halangan atau mudharat kepada negara sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ledang tadi, pihak Kerajaan sanggup menerima. Di atas kerjasama pegawai-pegawai Kerajaan, saya percaya sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, setengahnya bekerja sampai malam bawa balik fail ke rumah. Kita tidak nafikan seperti setangkai nyior kadang-kadang dalam 20 biji itu ada sebiji yang isinya tidak elok. Jadi yang tidak bagus itu kita harapkan diperbaguskan. Jangan kata orang: kerana nila setitik, merosakkan susu sebelanga. Tetapi saya yakin keseluruhan pegawai-pegawai Kerajaan ini banyak yang bekerja dengan sejujur-jujurnya untuk negara dan mereka sendiri tidak setuju dengan apa yang dibentangkan oleh pihak kesatuan sekerja kalau perkara ini akan merosakkan negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya amatlah berseutu dengan yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila naik sahaja gaji, mendapat tunggakan, bonus dan sebagainya, maka banyaklah orang akan mendapat wang. Maka sukalah bagi pihak pekedai-pekedai, terutamanya penjual-penjual motorkar, motosikal dan sebagainya dengan dapatnya kenaikan gaji yang banyak ini, maka pihak-pihak itu akan mengambil kesempatan menaikkan harga dan sebagainya. Kita merayu minta kerjasama. Kita ada kuasa, kita sebagai Kerajaan, kalaulah mereka ini hendak mengambil faedah atau keuntungan yang terlampau lebih, saya berharap Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Janganlah kata orang: bila kapal pecah, yu kenyang. Banyak sangat peniaga ini mengambil keuntungan. Kita tahu bila satu orang itu mendapat wang yang banyak ada setengahnya hendak dapat motorkar atau motosikal cepat dengan harga yang dinaikkan. Saya juga berharap kalau

boleh kita ambil peluang. Oleh sebab pegawai-pegawai Kerajaan akan mendapat wang tunggakan yang begini banyak, pihak Kerajaan mengadakan satu-satu syarikat atau mengadakan satu-satu kompeni untuk ahli-ahlinya mengambil sempena dengan tunggakan yang begini banyak.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya oleh sebab ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, saya sokong dengan sepenuhnya dan saya yakin lapuran ini akan menjadi kebaikan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlupa hendak sebut tadi dalam lapuran ini setengah daripada pegawainya telah tinggalkan langsung anggota Polis. Mereka sangka anggota Polis dan Tentera ini perkara yang kecil, tetapi kita tahu bagaimana gaji besar sekalipun, mempunyai banyak wang, kalau negara tidak aman kita tidak boleh duduk. Kerajaan kita memanglah bijak dan saya ucapkan tahniah sekali lagi, tetapi jika Polis dan Tentera mereka tidak lupakan, dengan kesedaran Kerajaan dan kebaikan Kerajaan saya yakin cadangan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada petang semalam di Dewan Rakyat dan Lapuran Gaji yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam Kabinetnya akan mendapat sokongan bukan sahaja daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat bahkan daripada semua orang yang bermesyuarat dan juga rakyat seluruhnya.

4.32 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi menolak Lapuran Suruhanjaya Gaji Di-Raja yang diketuai oleh Tan Sri Ibrahim Ali dan menerima Lapuran Kerajaan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah kita ketahui bahawa hebohan berkenaan dengan masalah gaji ini telah begitu kuat bunyinya di seluruh negara ini sejak daripada awal tahun 1976 lagi. Pada hari ini kita dapat satu kesimpulan bahawa yang dibising-bisingkan itu sebenarnya banyak kekurangan-kekurangan yang tidak dapat diterima oleh sebahagian besar daripada rakyat negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Ali didapati banyak kekurangan-kekurangan ataupun pembelaan-pembelaan yang tidak memuaskan oleh pihak yang lebih ramai iaitu yang terdiri daripada mereka yang bergaji rendah atau mereka yang berpendapatan rendah, sebab itulah pihak Kabinet melalui Jawatankuasa yang telah dilantik itu menolak syor-syor mereka dan membuat syor-syor baru yang mana ada di hadapan kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar bahawa sambutan orang ramai terhadap syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet yang melibatkan 300,000 pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah amatlah baik sekali. Saya rasa sewajarnya semua pihak menyokong syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet ini. Saya rasa bagi pihak diri saya sendiri dan juga parti saya yang bergabung dalam Barisan Nasional adalah menyokong penuh di atas syor-syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa kerja-kerja keras yang dilakukan oleh Jawatankuasa dan juga pegawai-pegawai yang mengendalikan urusan yang berkaitan dengannya sepatutnya kita mengucapkan ribuan terima kasih demi untuk menjaga ketenteraman awam yang mana kita dapat lihat di hadapan mata kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakala kita membicarakan masalah gaji yang dikemukakan oleh Jawatankuasa ini maka kita dapati bahawa kenaikannya adalah banyak juga, iaitu kenaikan di peringkat buruh biasa ataupun buruh yang kurang mahir (unskilled employee), skilled employee dan juga separa Ikhtisas dan sebagainya. Sepatutnya semua orang menyokong kerana mereka telah merasai nikmat-nikmatnya, cuma kalau hendak kira puas hati, maka sudah tentu tidak memuaskan hati. Mengikut hadis Nabi (s.a.w.) yang bermakna bahawa perut anak Adam ini tidak akan penuh selama-lamanya melainkan tanah, iaitu masuk ke dalam tanah barulah penuh. Demikianlah keadaannya, kalau kita hendak puas hati semua sudah tentu tidak memuaskan hati kerana kalau kita dapat \$100 hendak \$200, dapat \$1,000 hendak \$2,000, dapat \$3,000 hendak \$4,000. Apa yang kita perlu fikir bahawa wang yang kita ambil ini semua adalah duit rakyat atau orang ramai melalui pungutan-pungutan cukai di mana bebannya bukan sahaja ditanggung oleh

orang-orang yang terlibat dalam hal kenaikan gaji tetapi juga melibatkan kepada orang-orang yang tidak terlibat dalam hal yang tersebut, seperti kaum tani, nelayan, pekerja-pekerja kontrak dan sebagainya. Ini harus diambil perhatian oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, kita yakin bahawa syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet ini merupakan syor yang berdasarkan Dasar Ekonomi Baru iaitu mengurangkan jurang perbezaan antara yang berada dan tidak berada. Ini adalah syor yang baik sekali berdasarkan apa yang telah kita putus-kan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, ingin saya menyebut berkaitan dengan satu perkara yang perlu diingat oleh pihak Kerajaan iaitu berkaitan dengan sistem buruh, sistem union dan sistem Kesatuan Sekerja yang ada di negara kita ini yang setahu saya adalah kita ambil (adopt) daripada negara British. Apakah sistem ini masih sesuai dengan negara kita yang membangun seperti negara di sebelah Asia ini ataupun kita perlu pinda mengikut penyesuaian yang ada pada kita. Ini saya rasa harus diambil perhatian kerana kita tidak mahu dalam satu negeri kita ada mempunyai dua Kerajaan iaitu Kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan Kerajaan yang dipilih oleh ahli-ahli Kesatuan Sekerja. Saya dengar di negeri-negeri yang tertentu iaitu di Great Britain masalah ini adalah masalah berat yang ditanggung oleh Kerajaan British sendiri. Oleh sebab kita menerima pusaka dari mereka iaitu undang-undang yang kita ikuti dari mereka apakah keadaan-keadaan yang berlaku di sana juga akan kita alami pada masa yang akan datang. Saya harap perhatian harus diberi dalam hal ini, kerana kalau keadaan-keadaan berlaku sama, saya bimbang kita tidak dapat memikul bebanan-bebanan yang akan terjadi kepada rakyat dan kepada negara kita pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyebutkan pula berkaitan dengan kesan-kesan yang berlaku akibat kenaikan ini. Apakala kenaikan gaji ini diputuskan dan pembayaran akan dilakukan kepada pekerja-pekerja yang terlibat maka tidak dapat tidak inflasi akan berlaku dalam negara kita ini. Ini sudah tentu berlaku kerana sebagaimana kata Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga bahawa manusia itu apakala wangnya banyak maka sudah tentu mereka membeli sesuatu mengikut keperluan atau kehendak mereka,

samada barang itu menjadi keperluan asas ataupun keperluan kemewahan. Sekarang ini saya telah mendengar dari punca-punca yang dipercayai bahawa riak-riak kenaikan harga barang-barang telah berlaku di Bandaraya Kuala Lumpur tentang sewa rumah dan sebagainya.

Saya rasa pihak Kerajaan harus mengkaji dalam hal ini dengan sewajarnya, kerana kalaulah pembayaran ini dilakukan dengan serta-merta maka sudah tentu inflasi akan berlaku dan harga barang akan bertambah mahal, sewa rumah akan naik maka timbul pula tuntutan yang akan dikemukakan kepada Kerajaan, sedangkan orang yang tidak boleh menuntut kepada mana-mana pihak akan merasai penderitaan yang amat pedih. Ini satu perkara yang tidak kurang pentingnya juga. Saya rasa kalau boleh pihak Kerajaan dapat membuat satu sistem tidak banyak mengeluarkan bayaran ini kepada mereka, tetapi disalurkan kepada satu tabung atau satu badan yang mengendalikan wang itu untuk kepentingan mereka dengan mendapat hasil samada dividen, interest atau apa-apa faedah dan wang itu boleh digunakan bagi pembangunan-pembangunan yang tertentu dalam negara kita. Jika tidak, apa yang saya katakan tadi akan berlaku.

Berkaitan dengan pekerja-pekerja yang tidak bekerja dengan Kerajaan iaitu pekerja-pekerja di kalangan swasta. Saya rasa pihak swasta sekarang ada yang merasai kesan-kesan kenaikan gaji ini, kerana pekerja-pekerja mereka sudah tentu akan timbul perasaan mahukan kenaikan gaji mereka dan membuat tuntutan kepada majikan, apatah lagi kalau majikannya terdiri daripada pengusaha-pengusaha kecil. Saya rasa kesan ini pun tidak kurang beratnya, misalnya, seorang pemborong yang telah mengambil kontrak mengikut nilai gaji di satu masa yang lalu, maka sekarang apakala kenaikan ini telah wujud, samada kenaikan kepada pekerja mahir, separuh mahir dan sebagainya, maka sudah tentu kos perbelanjaannya itu akan bertambah, sedangkan mengikut estimate yang ada pada mereka sebelumnya adalah berkurangan. Ini merupakan satu implikasi yang berat kepada mereka, sedangkan tuntutan datang daripada pekerja-pekerja mereka. Saya rasa perkara ini harus diambil perhatian, jadi kepada pekerja swasta, dan kepada kalangan pihak swasta sendiri atau pihak syarikat-syarikat sendiri dan pengusaha-pengusaha persendirian yang mengusahakan

pembangunan yang terlibat dengan kesan kenaikan ini sudah tentu terjejas dan dengan itu pembangunan negara kita tidak akan berjalan dengan baik dan sempurna.

Saya ingin menyarankan pula berkaitan dengan kaum tani dan kaum nelayan. Sudah lama kita merancangkan beberapa perkara dalam mengatasi masalah mereka itu tetapi sekarang saya nampak keadaan mereka tidak begitu banyak berubah, walaupun ada sedikit sebanyak kemajuan. Apakala kenaikan gaji ini berlaku dan bayaran akan dijalankan, maka harga barang akan bertambah mahal, sudah tentu kaum tani dan nelayan akan merasai bebannya sedangkan mereka tidak boleh menambah pengeluaran mereka dengan lebih baik dan mereka tidak boleh menaikkan harga pengeluaran mereka, kerana sehingga ini mereka tidak ada sebarang kesatuan atau union yang dapat membela nasib mereka, melainkan ahli-ahli politik dan perbadanan-perbadanan Kerajaan yang berkaitan dengan mereka dan ini pun tidak begitu memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya Kerajaan harus memikirkan agar satu sekim, atau satu rancangan diwujudkan supaya kaum tani dan nelayan dan sebagainya dapat segera dinaikkan hasil pendapatan mereka dan dapat segera ditambahkan pendapatan mereka. Sekarang ini, kita dapati bahawa kaum tani masih mengeluarkan hasil yang seperti dahulu juga. Di kawasan saya sendiri penduduknya adalah terdiri daripada kaum tani dan nelayan, maka sudah tentu mereka akan merasai kesan-kesan akibat kenaikan ini jika pembayaran ini dilakukan dengan serta-merta.

Saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana menaikkan beberapa tingkatan gaji dalam bidang professional, misalnya doktor yang telah dinaikkan sebanyak \$175 daripada gaji lama. Ini pun satu perkara yang amat baik kerana ini mengelakkan daripada penghijrahan pekerja mahir atau professional dalam Kerajaan kepada swasta. Ini adalah satu perkara yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyebut sedikit berkenaan dengan satu elauan yang saya nampak dipanggil "honorarium" iaitu berkaitan dengan pegawai-pegawai yang bertugas dalam Jabatan Kesetiausahaan untuk persidangan Kebangsaan

dan Antarabangsa di mana diwujudkan, tetapi bila dibaca pentafsirannya tidak termasuk staff Parlimen, sedangkan staff Parlimen adalah tempat yang paling penting untuk kita segerakan dalam hal-hal urusan persidangan kita. Saya nampak ianya tidak termasuk dalam pentafsiran, kalau boleh pentafsirannya dimasukkan supaya kita tidak tergendala dalam urusan Parlimen kita pada masa akan datang. Kalau sekiranya kita tak masukkan, mungkin mereka tidak akan bekerja sampai larut malam, sedangkan Parlimen bersidang kadangkala sampai pukul 8.00-9.00 malam. Ini pandangan saya.

Pada akhirnya saya menyokong penuh di atas Lapuran Jawatankuasa Kabinet yang ada di hadapan kita sekarang ini dan saya harap akan dapat diterima oleh semua pihak dalam negara kita.

4.48 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong sepenuhnya usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri dalam Dewan ini pada hari Rabu semalam. Di samping itu saya suka merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk atas daya usahanya memberi peluang kepada Dewan Rakyat membahaskan Lapuran Gaji Baru Kerajaan yang ditawarkan kepada kakitangannya dan sebab musabahnya Kerajaan terpaksa menolak Lapuran Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali. Dengan membentangkan kes tuntutan gaji dan tawaran Kerajaan kepada pekerja-pekerja ke Parlimen bererti Kerajaan menganggap perkara tuntutan gaji ini bukan hanya masalah pekerja-pekerja malah ianya adalah menjadi masalah negara dan masalah negara bererti masalah yang mesti dihadapi oleh semua rakyat.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hak rakyat untuk mengetahui mengapa dan kenapa dan untuk apa satu-satu perbelanjaan itu dikeluarkan. Lebih-lebih lagi jika perbelanjaan itu melibatkan wang beratus juta ringgit. Selama ini perkara tuntutan gaji pekerja-pekerja hanya diketahui oleh tokoh-tokoh Kesatuan Sekerja dan wakil-wakil Kerajaan sahaja. Apa yang dituntut oleh

Kesatuan Sekerja dan apa pula yang ditawarkan oleh Kerajaan, berapa banyak perbelanjaan yang terlibat, semuanya ini tidak diketahui oleh orang ramai, tidak diketahui oleh rakyat di kampung-kampung. Apa yang diketahui oleh orang ramai ialah kenyataan-kenyataan akhbar selepas selesainya tiap-tiap perundingan. Pihak Unions mendakwa Kerajaan tidak menunaikan janji. Oleh itu, tidak ada jalan lain bagi Kesatuan Sekerja melainkan menjalankan tindakan perusahaan. Kerajaan pula menyatakan pihaknya tidak dapat memenuhi tuntutan pekerja kerana itu adalah di luar kemampuan Kerajaan.

Berdasarkan kepada kenyataan akhbar kita tidak boleh membuat kesimpulan pihak mana yang benar dan pihak mana yang salah. Maka itulah langkah Kerajaan membentangkan kes tuntutan gaji pekerja-pekerja kepada Dewan Rakyat ini, saya katakan satu langkah yang bijak dan kena pada tempat dan masanya.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, tindakan Perdana Menteri bukan sahaja mendapat sokongan dari ahli-ahli Barisan Nasional malah Yang Berhormat Ketua Pembangkang pun memberi sokongan. Beliau cuma tidak bersetuju tentang peruntukan masa yang diberi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kita kepada Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali. Suruhanjaya ini ditubuhkan oleh Kerajaan sendiri dengan tujuan utamanya menyelaraskan sekim gaji yang berbeza-beza yang terdapat dalam Jabatan-jabatan Kerajaan Pusat, Negeri, Badan-badan Berkanun dan Majlis-majlis Tempatan. Setelah diteliti lapuran dan cadangan Suruhanjaya itu, Kerajaan terpaksa menolak dengan alasan:

Pertama, kes perlaksanaannya akan melebihi kemampuan Kerajaan.

Kedua, bahaya implikasi terhadap golongan berpendapatan rendah yang bekerja sendiri seperti nelayan, penoreh, petani dan lain-lain lagi.

Ketiga, Kerajaan memerlukan perbelanjaan yang besar untuk pembangunan dan untuk menjaga keselamatan dan keamanan negara.

Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, tuntutan pekerja-pekerjanya tidaklah ditolak mentah-mentah, sebaliknya Kerajaan menawarkan satu tanggagaji baru.

Dan butiran-butiran tanggagaji itu dapat ditatap, dikaji dan ditimbang bukan sahaja oleh kakitangan yang terlibat malah oleh semua rakyat dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat hairan atas sikap wakil Kesatuan Sekerja yang menolak bulat-bulat untuk membahaskan cadangan balas tanggagaji yang disediakan oleh Kerajaan atas alasan mereka tidak mendapat mandat dari gabungan Kesatuannya. Dalam hubungan ini kita bolehlah pula menuntut jawapan daripada Pengerusi pihak Pekerja Majlis Bersama Kebangsaan itu, iaitu adakah beliau sudah mendapat mandat dari gabungan Kesatuan-kesatuan Sekerjanya menolak dan tidak mahu membincangkan tawaran yang dikemukakan oleh Kerajaan? Kita ingin tahu sudahkah dia mendapat mandat dari ahli-ahlinya menolak bulat-bulat tawaran Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh yakin jika tanggagaji baru yang ditawarkan oleh Kerajaan ini dapat dibaca, disemak dan diteliti oleh pekerja-pekerja yang terlibat terutamanya pekerja-pekerja yang diperingkat bawah mereka tidak akan teragak-agak lagi menerima sekim tersebut. Lantaran sekim baru ini menawarkan tambahan gaji jauh lebih tinggi daripada apa yang dikemukakan oleh Lapuran Ibrahim Ali sendiri.

Saya tidaklah berniat mengajar itek berenang. Namun begitu pada hemat saya, wakil-wakil Kesatuan Sekerja patutlah mengkaji dengan teliti dahulu tawaran Kerajaan ini sebelum mengambil sikap menolak ataupun menerima tawaran itu. Perbuatan atau tindakan wakil-wakil Unions langsung tidak mahu membincangkan tawaran dari Kerajaan itu boleh pula dianggap sebagai cuba untuk menyembunyikan dari pengetahuan ahli-ahli mereka tentang faedah-faedah dan keuntungan yang akan mereka perolehi.

Dalam kenyataan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam beliau menegaskan dalam tawaran gaji baru Kerajaan tidak seorang pun yang akan mendapat kurang dari gaji yang diterimanya sekarang. Ini bererti dalam tanggagaji baru Kerajaan semua pekerja mendapat kenaikan. Dan kenaikan yang lebih tinggi diberi kepada pekerja-pekerja yang diperingkat rendah yang berjumlah 300,000 dari semua pekerja yang berjumlah 560,000 orang. Kalau dikira peratusnya ini bererti 55% hingga 60% pekerja-pekerja yang akan mendapat faedah yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak ada sebab-sebab yang menasabah bagi wakil-wakil Kesatuan Sekerja menolak tanggungjawab baru Kerajaan. Jika mereka masih berdegil dan berdiri atas sikap yang lama iaitu menolak tawaran Kerajaan, ini sudah membuktikan dengan terangnya bahawa tokoh-tokoh unions itu tidak mewakili atau memperjuangkan kepentingan hak-hak sebilangan besar ahli-ahlinya. Sebaliknya mereka hanya bermati-matian berjuang untuk segolongan kecil pekerja-pekerja. Dan sekarang terpuanglah kepada ahli-ahli Kesatuan Sekerja untuk menghakimkan apakah tindakan yang akan diambil oleh tokoh-tokoh mereka ini semada sikap itu adil atau jujur.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun selesai membentangkan kesnya kepada rakyat. Maka sekarang tibalah masanya tokoh-tokoh Kesatuan Sekerja itu menyatakan sikap mereka masing-masing. Jika sikap mereka masih dengan tuntutan asal dan menolak bulat-bulat alasan-alasan Kerajaan maka akibatnya nanti negara ini akan jatuh bankrupt, sebab perbelanjaan Kerajaan akan melebihi daripada kemampuannya. Dan kehidupan mereka yang bekerja sendiri seperti nelayan, penoreh dan petani akan menghadapi kesengsaraan, akibat dari kenaikan harga dan lain-lain lagi. Dan juga ini bererti bahawa tokoh-tokoh Kesatuan Sekerja itu tidak mahu pembangunan negara kita ini dijalankan dan mereka barangkali suka melihat negara kita ini terancam dan berada dalam keadaan huru-hara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang-orang bertanggungjawab, saya tidak fikir tokoh-tokoh unions sanggup melihat kemusnahan berlaku dalam negara kita. Oleh yang demikian, dalam masa negara kita ini menghadapi satu-satu kegentingan, pengorbanan dari setiap individu adalah sangat-sangat diperlukan dan sekarang rakyat sedang menantikan pengorbanan dari saudara-saudara tokoh-tokoh Kesatuan Sekerja sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya suka menarik perhatian Kerajaan tentang peranan Kesatuan Sekerja amnya dalam negara kita ini.

Sejarah telah membuktikan bahawa negara-negara di mana kesatuan-kesatuan sekerjanya begitu kuat, kesatuan-kesatuan sekerja ini tindakan-tindakan mereka pada akhirnya akan membawa negara kepada kehancuran. Saya katakan begini adalah berdasarkan kenyataan-kenyataan sejarah. Mari kita lihat

apa yang terjadi kepada negara-negara di Eropah, oleh sebab begitu kuat, begitu maju kesatuan Sekerjanya, mereka menuntut lebih daripada yang hak, mereka memohon supaya masa bekerja dikurangkan, masa rihat dilebihkan, diberi cuti yang bukan-bukan, maka dengan sendirinya ini menyebabkan kos pengeluaran barang-barang negara itu meningkat tinggi. Dan apabila kos pengeluaran barang-barang negara meningkat tinggi lebih-lebih lagi jika ini terlibat kepada barang-barang pengeluaran yang akan dieksport dipertandingkan dalam pasaran antarabangsa, maka dengan sendirinya barang-barang pengeluaran negara itu tidak akan mendapat tempat dan tidak laku di dalam pasaran. Kita lihat sahaja dalam negara kita, pada masa dahulu kita boleh dapati banyak barang-barang dari England, banyak kenderaan-kenderaan, mesin-mesin yang kita boleh dapati dari Britain, sekarang 10-1, 100-1 susah kita hendak tengok. Ini menunjukkan bahawa kos pengeluaran barang-barang itu sudah tinggi dan apabila kos pengeluaran barang-barang sudah tinggi maka dengan sendirinya dia akan kalah dalam persaingan dengan barang-barang di negara lain. Mari kita lihat negara Jepun yang kesatuan sekerjanya tidak begitu mementingkan kepentingan ahli-ahli bahkan sebaliknya mementingkan kepentingan negara, barang-barang negara Jepun dapat dipertandingkan dan sentiasa menang dalam pasaran antarabangsa. Inilah saya katakan dan Kerajaan patut mengkaji peranan kesatuan sekerja ini dan jika mustahak kita adakan satu garis panduan bagaimana harus mereka bertindak, kalau kita biarkan perkara ini berleluasa, negara kita akan menghadapi kehancuran dan kemusnahan.

Perkara yang kedua yang patut saya menarik perhatian Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, ialah pada masa yang akan datang segala report yang dibuat oleh Suruhanjaya yang dilantik oleh Kerajaan janganlah hendaknya disiarkan kepada mana-mana pihak selagi Kerajaan belum berpuas hati ataupun selagi Kerajaan belum meneliti segala report itu samada Kerajaan mampu atau tidak mampu untuk melaksanakannya. Sekarang report itu sudah disiarkan dan sudah diberi kepada orang-orang yang tidak bertanggungjawab maka report itu menjadi senjata menikam Kerajaan balik. Inilah yang saya hendak tegaskan. Saya harap pada masa yang akan datang janganlah lagi berulang. Hendaknya segala report yang dibuat oleh

Suruhanjaya yang dilantik oleh Kerajaan akan menjadi rahsia selagi Kerajaan belum melihat ataupun belum, berpuas hati dengan isi kandungannya.

5.03 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut serta dalam membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri dan di samping itu saya memberikan sokongan yang kuat terhadap usul ini.

Pada pendapat saya, laporan gaji yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet ini adalah sangat adil kerana ianya memberi perhatian yang penting kepada mereka-mereka yang berpendapatan rendah terutama sekali mereka yang berpendapatan \$500 sebulan ke bawah. Saya harap ini akan dapat menolong golongan ini untuk meninggikan taraf hidup mereka serta menikmati cara hidup yang lebih baik serta dapat mengurangkan beban mereka seharian. Keadilan dalam pemberian kenaikan gaji ini terbayang jelas dengan memberikan mereka yang di dalam golongan ini satu kadar kenaikan yang agak tinggi juga jika dibandingkan pemberian atau tambahan gaji yang diberikan kepada mereka yang berpendapatan besar. Walaupun begitu, saya harap semua kakitangan kerajaan serta pegawai-pegawai sekalian akan memberikan perkhidmatan mereka yang lebih cekap serta dengan dedikasi dalam menjalankan tugas mereka seharian.

Dengan ini juga iaitu dengan bertambahnya pendapatan saya yakin amalan rasuah dapat dikurangkan atau dihapuskan kerana kita tahu amalan yang tidak baik ini timbul dari kekurangan pendapatan.

Juga saya harap dengan terlaksananya laporan ini nanti tuntutan dari pihak pekerja tidak akan timbul lagi, akibat rasa tidak puashati berkenaan dengan gaji yang di-utuskan kepada mereka. Pihak pekerja sebelum ini telah mendesak Kerajaan dengan ancaman tindakan perusahaan, walaupun tuntutan mereka itu tidak menasabah dari segi kemampuan Kerajaan.

Lagi satu perkara ialah berkenaan penubuhan sebarang jawatankuasa untuk mengulang-kaji tanggagaji dan sekim perkhidmatan. Saya rasa elok Kerajaan kalau timbul sebarang desakan untuk menubuhkan jawatankuasa seperti ini supaya jangan mengambil

mereka dari pegawai-pegawai Kerajaan yang bersara. Tetapi hendaklah dipilih daripada mereka yang pakar dari berbagai bidang seperti ahli ekonomi yang benar-benar tahu kedudukan kewangan Kerajaan supaya sebarang laporan yang dikeluarkan boleh diterima. Selain daripada ahli ekonomi, elok dipilih seorang yang mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam hal-hal perkhidmatan, supaya perkara berkaitan dengan kenaikan pangkat dan sebagainya akan dapat dibereskan menerusi laporan itu, yang mana laporan itu nanti sudah tentu dapat memuaskan hati kedua-dua pihak iaitu Kerajaan atau majikan dan pekerja.

Dalam masa sekarang Rancangan Malaysia Ketiga masih berjalan. Kalau pembayaran gaji yang terlampau tinggi dilaksanakan, saya percaya rancangan ini iaitu perlaksanaannya akan terjejas. Kerajaan terpaksa membiayai rancangan ini dan juga gaji kebelakangan. Ini sudah tentu akan melibatkan Kerajaan dengan keadaan kewangan yang banyak.

Kakitangan Kerajaan ada tempat hendak mengadu atau mengemukakan tuntutan mereka untuk pertimbangan Kerajaan. Tetapi mereka yang bekerja sendiri seperti nelayan dan petani tidak ada tempat hendak mengadu jika mereka mahukan pendapatan mereka atau taraf hidup mereka ditinggikan. Tetapi kaum inilah yang mengalami penderitaan yang paling teruk jika harga barang-barang keperluan melambung naik akibat kenaikan gaji ini, sedangkan pendapatan mereka tidak bertambah. Oleh itu saya harap Kerajaan akan dapat mengawal kenaikan harga makanan dan lain-lain keperluan harian. Tiada gunanya sebarang kenaikan gaji kalau harga barang turut naik serta.

Satu perkara lagi ialah, gaji berkaitan dengan kakitangan serta pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Parlimen. Saya telah difahamkan bahawa sekim perkhidmatan dan tanggagaji Perkhidmatan Parlimen sedang dikaji oleh Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen. Oleh itu, saya suka menarik perhatian jawatankuasa ini supaya mengeluarkan laporan serta perakuannya dengan seberapa segera yang boleh supaya kakitangan dan pegawai-pegawai Parlimen dapat membuat bandingan antara laporan Jawatankuasa Kabinet dan laporan jawatankuasa ini dan mudahlah mereka ini membuat pilihan.

Seterusnya kepada perkara honorarium. Dalam masa setahun hitung panjang Dewan Rakyat bersidang selama 60 hari dan Dewan Negara 30 hari ini bererti semuanya ada lebih kurang 90 hari mesyuarat atau Sitting Days. Jika pegawai-pegawai bekerja lebih 3 jam dalam sehari—tetapi biasanya lebih dari 3 jam—dalam satu tahun ada 270 jam atau lebih kurang 34 hari bekerja atau working days berasaskan dengan bekerja 8 jam sehari. Jika mereka diberi cuti sebagai gantinya mengikut Perintah Am atau General Orders ini tidak dapat dilaksanakan kerana akan melumpuhkan pentadbiran Parlimen manakala ramai pegawai-pegawai bercuti.

Sebaliknya jika diberi time-off di sebelah pagi pada hari ada persidangan, ini akan mengakibatkan penyediaan atau preparation Aturan Urusan Mesyuarat atau Order Paper tidak dapat dilaksanakan termasuk juga *Hansard*; oleh kerana pegawai-pegawai Bahagian *Hansard* terdiri daripada Pemberita, Jurutaip, Kerani yang membaca peruf serta yang lain-lain yang terlibat dengan perkara ini bercuti. Oleh itu *Hansard* tidak dapat dikeluarkan seperti biasa.

Lagi satu perkara ialah berkaitan dengan cuti pegawai-pegawai di Parlimen. Kebanyakan daripada mereka tidak dapat menghabiskan cuti mereka kerana Parlimen iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara biasanya bersidang semasa cuti sekolah. Oleh itu mereka yang mempunyai anak yang bersekolah tidak dapat mengambil cuti pada waktu itu. Lagi satu sebabnya ialah Parlimen juga memang ada bersidang pada penghujung tahun, iaitu dalam bulan Oktober hingga Disember dan kadang-kadang sampai bulan Januari tahun yang berikutnya, iaitu Budget Session. Jadi apabila mereka berhajat hendak menghabiskan cuti mereka pada penghujung tahun sebagaimana biasanya dibuat oleh lain-lain jabatan, permohonan cuti mereka terpaksa ditolak kerana kepentingan perkhidmatan.

Akhir sekali saya merayu kepada Kerajaan atau Jawatankuasa Kabinet supaya mengkaji semula kedudukan berkaitan dengan Honorarium ini. Honorarium seperti ini tidak dibayar kepada lain-lain jabatan kerana walaupun ada persidangan Kebangsaan ataupun antarabangsa tetapi biasanya tidak menepati syarat-syarat sebagaimana yang dikehendaki oleh Surat Pekeliling yang berkenaan. Lagi pun penglibatan dari segi kewangan tidak begitu banyak. Ahli-ahli Parlimen juga kan menghadapi sulit untuk

menemui kakitangan Parlimen untuk mendapati lapuran, Rang Undang-undang dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan Persidangan Parlimen jika mereka meninggalkan pejabat kerana telah diberi time-off. Saya harap perkara ini akan diberi pertimbangan semula dengan tujuan supaya pembayaran Honorarium ini diteruskan seperti biasa.

5.14 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun membawa sokongan rakyat daripada kawasan saya terhadap usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengambil ketetapan di atas pendirian Kerajaan tidak menerima perakuan-perakuan Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Di Raja dan memberi sokongan sepenuhnya keputusan Kerajaan untuk melaksanakan Sekim Gaji Baru berasaskan kepada Lapuran Jawatankuasa Kabinet dan menyokong di atas apa sebarang tindakan Kerajaan untuk menjaga ketenteraman umum dan ekonomi negara supaya tidak terjejas.

Banyak sudah diperkatakan di dalam dan di luar Dewan ini dalam hal Lapuran ini. Perbincangan terdengar di mana-mana sahaja kerana soal hasil daripada Lapuran Ibrahim Ali ini dan juga lapuran pihak National Staff maka akan menentukan nasib hadapan ekonomi negara yang mungkin akan menjadi kucar kacir. Di atas tapak demokrasi yang kukuh, Kerajaan yang dipilih dengan suara yang terbanyak adalah menjadi harapan dan tumpuan rakyat jelata yang terdiri daripada semua golongan: nelayan, buruh, peladang, peniaga, petani dan juga kakitangan Kerajaan dan lain-lain lagi pekerja. Rakyat meletakkan kepercayaan yang sepenuh kepada Kerajaan yang ada pada hari ini iaitu Barisan Nasional untuk membawa mereka ke arah bukan sahaja kemajuan dan kesejahteraan tetapi juga keselamatan dan ketenteraman hidup, dan di atas landasan inilah tiap-tiap satu langkah dasar dan tindakan yang dibuat itu berlaku. Penolakan Kerajaan terhadap syor-syor Lapuran Ibrahim Ali dibuat dan menerima pula syor-syor Lapuran Jawatankuasa Kabinet itu adalah semata-mata berasas Kerajaan bertanggungjawab terhadap kepentingan semua golongan rakyat jelata di dalam negara ini, bukan terhadap sesuatu golongan sahaja. Sudah sepatutnya dan wajar sekali pihak pegawai-pegawai

Kesatuan Sekerja menerima tawaran Kerajaan dengan perasaan yang terbuka dan bersyukur kerana sikap Kerajaan yang bermurah hati dan adil ingin memberi perhatian yang mendalam terhadap nasib pekerja-pekerja di dalam negara ini dengan bersungguh-sungguh.

Kemampuan Kerajaan untuk menunaikan tuntutan tanggagaji baru itu adalah mengikut kemampuan dan keupayaan negara yang menghadapi anika dan berbagai-bagai masalah. Pada mata rakyat umum hari ini pihak Kesatuan Sekerja itu hanya mempunyai pandangan satu hala sahaja dan kalau dengan keadaan pandangan satu hala tentu akan kelak kaki akan terjerumus ke dalam gaung jauh yang dalam. Mereka memikirkan diri mereka sahaja tanpa mengira nasib manusia-manusia lain yang juga menjadi rakyat yang setia dalam negara ini. Mereka lupa kepada golongan tani yang siang berjemur di bawah sinar matahari, peluh membasah daripada kepala ke kaki, membanting tulang mengeluarkan makanan, padi, sayur-sayuran, buah-buahan dengan tidak pernah bersungut ataupun merengek apa-apa kepada Kerajaan. Pihak Kesatuan Sekerja lupa kepada rakyat di kampung dan desa yang sangat berharap kepada pembelaan Kerajaan terhadap perubahan nasib mereka yang sekian lama daripada sejak ratusan tahun di bawah tapak kaki penjajah sehingga negara ini mencapai kemerdekaan adalah sentiasa tertekan dan terbiar. Kerajaan harus membayar hutang kepada rakyat di kampung terlebih dahulu daripada memikirkan hal-hal yang lain. Sejak berkalkali pilihanraya diadakan iaitu Kerajaan demi Kerajaan yang ingin bersungguh-sungguh memberi khidmat kepada semua golongan rakyat yang tertindas, kerana itu ialah Kerajaan Barisan Nasional. Walaupun Kerajaan telah membuat banyak perubahan dan kemajuan untuk rakyat di luar bandar tetapi penyakit yang ditinggalkan oleh penjajah semenjak zaman berzaman masih belum sembuh dan Kerajaan harus menitikberatkan lagi segala rawatan perubahan yang lebih baik. Golongan ini berjumlah $\frac{1}{3}$ daripada jumlah penduduk-penduduk negara ini. Sikap dan pandangan Kerajaan yang saksama dan adil kepada golongan-golongan miskin di luar bandar itu mendapat sanjungan di seluruh negara dan di luar negara ini.

Ahli-ahli Kesatuan Sekerja manakala dalam perundingan dengan Perdana Menteri setelah mereka diberi buku Lapuran Kabinet

yang setebal 280 muka mengandungi segala hujjah-hujjah penolakan terhadap Lapuran Ibrahim Ali telah menunjukkan sikap angkoh iaitu keluar dari persidangan tersebut dengan meninggalkan buku Lapuran serta sikap acoh tak acoh adalah satu penghinaan terhadap Kerajaan rakyat. Ahli-ahli Kesatuan Sekerja yang berhadapan dengan Perdana Menteri dan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan menganggap diri mereka seolah-olah sebagai dewa-dewa yang ketahui semua hal dan boleh membuat apa sahaja yang mereka lakukan. Mereka tolak tawaran Kerajaan walaupun mereka tahu dan sedar bahawa Kerajaan akan menghadapi masalaah-masalaah mencari wang yang banyak untuk memenuhi tawaran tersebut, bermakna mereka menampar muka rakyat, mereka menghina rakyat, mereka menunjukkan kelibat mereka yang tinggi, sombong terhadap sebuah Kerajaan yang selalu bersikap penuh kesabaran dan keadilan terhadap rakyat. Ahli-ahli Kesatuan Sekerja mengancam hendak menjalankan terus tindakan perusahaan mereka yang mereka anggap dapat melumpuhkan perjalanan Kerajaan ini. Rakyat berkata, biar mereka ancam, rakyat hendak melihat sejauh mana kekuatan yang mereka cuba hendak mengugut ketenteraman dan keselamatan negara. Rakyat hari ini bertanya siapa dia pegawai atau pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja itu? Adakah benar mereka ini sayang dan cinta kepada negara ini. Apakah mereka ini mewakili rakyat seluruhnya atau mendapat sokongan sepenuhnya daripada seluruh rakyat termasuk petani-petani, penoreh getah, peniaga-peniaga kecil, nelayan-nelayan dan kakitangan Kerajaan yang berpangkat rendah pada hari ini dibela oleh Kerajaan menerusi Lapuran Kabinet ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mereka ugut hendak bertindak jauh maka rakyat berseru supaya mereka terlebih dahulu berdiri di hadapan cermin muka dan melihat sendiri wajah mereka itu, mereka patut mengukur baju di badan sendiri terlebih dahulu sebelum memakai kalau tidak kelak akan diketawakan orang bahawa baju yang ketat dan singkat ataupun baju yang labuh atau pun besar, mereka jangan sekali-kali cuba hendak membuat ugutan terhadap Kerajaan. Rakyat di seluruh pelusuk negara ini telah bersedia untuk bersama-sama tenggelam timbul dengan Kerajaan. Saya fikir ugutan pihak Kesatuan Sekerja yang menolak Lapuran Jawatankuasa Kabinet ini akan disambut oleh pihak rakyat dengan segala persediaan yang cukup, mereka sedia

menanti dengan penuh kesabaran di atas sebarang tindak-tanduk pihak-pihak daripada yang mencabar di atas kejujuran Kerajaan. Kalau rakyat negara ini dapat menghadapi ancaman komunis dan pancaroba komunis yang sekian lama di dalam dan luar negeri, adakah rakyat tidak berupaya hendak berhadapan dengan pihak-pihak Kesatuan Sekerja yang ingin hendak melumpuhkan perjalanan Kerajaan. Lagi sekali rakyat meminta supaya pihak-pihak Kesatuan sekerja itu memikir kembali sikap mereka itu dan kembali, kembali berlembut dan bekerjasama dengan Kerajaan untuk menegakkan keamanan dan kesetabilan negara.

5.23 *ptg.*

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan sokongan yang penuh kepada usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Dewan ini pada hari semalam berhubung dengan Lapuran Gaji Suruhanjaya Di Raja dan juga saya menyokong tindakan yang diambil oleh Kerajaan menolakan Lapuran Ibrahim Ali dan di samping itu membawakan kepada kakitangan Kerajaan kita satu "ang pow" yang berpatutan dan sederhana iaitu realistic and unpretentious. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini yang telah memberi penjelasan dengan butir-butir yang lengkap untuk memberi satu gambaran yang jelas kepada semua pihak ahli-ahli politik, kakitangan Kerajaan dan pihak ahli-ahli Kesatuan Sekerja. Dan saya harap selepas itu semua pihak tidak dikelirukan lagi di atas issue-issue ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah kerja berat untuk memberi satu skim gaji yang baharu yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita boleh memuaskan semua pihak (to satisfy all concerned).

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar daripada beberapa punca bahawa sekiranya Lapuran Ibrahim Ali itu dilaksanakan, kakitangan Kerajaan kita boleh dikatakan ada sedikit mampu (the well-off officers) akan menjadi lagi mampu (become richer) tetapi kakitangan yang mendapat pendapatan

rendah akan menjadi makin miskin (become poorer). Tuan Yang di-Pertua, ini bukan dasar Kerajaan kita, dasar Kerajaan kita ialah untuk meninggikan taraf hidup rakyat kita khususnya di golongan berpendapatan yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita sekarang sedang menjalan atau melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga; itu ialah satu cara untuk meninggikan hidup rakyat kita. Walaupun Kerajaan kita pada masa sekarang menghadapi kesukahan kewangan tetapi Kerajaan kita adalah rational, Kerajaan kita ketatkan tali pinggang (tighten the belt) untuk mencari satu "ang pow" yang sewajarnya pada masa sekarang untuk kakitangan Kerajaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap selepas melaksanakan gaji baru kakitangan Kerajaan kita akan bekerja dengan satu semangat dan kecekapan yang baharu dan boleh menikmati satu kehidupan yang lebih baik dan yang lebih maju. Sekurang-kurangnya, Tuan Yang di-Pertua, harapan saya pada tiap-tiap akhir bulan kakitangan Kerajaan kita khususnya di dalam golongan yang berpendapatan kecil tidak dapat dikacau (harass) oleh money-lenders lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya juga harap kakitangan Kerajaan dalam golongan ini tidak dapat dikotorkan oleh rasuah lagi (not tempted by petty corruption). Tuan Yang di-Pertua, dari segi sejumlah wang yang besar yang telah dibayar kepada kakitangan Kerajaan, saya merayu kepada Kerajaan untuk mengadakan satu Jawatankuasa untuk mengkaji semula keperluan tenaga pekerjaan (work force requirement) di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita berkali-kali nampak biasanya satu kerja yang boleh diselesaikan oleh dua atau tiga pekerja tetapi nampaknya selalu tidak kurang daripada setengah dozen atau satu dozen orang buat kerja itu dan selainnya hanya duduk di bawah pokok (cooling-off only under the trees).

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat yang banyak white elephant atau redundant workers bukan hanya mencerminkan kecekapan pentadbiran jentera negara kita, bahkan juga mengalirkan ekonomi dan revenue negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya rasa sampailah masanya untuk saya sebagai Wakil Rakyat merayu lagi kepada Kerajaan kita

untuk mengkaji kedudukan gaji golongan pekerja swasta. Saya terlebih dahulu mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Kerajaan yang telah banyak menolong pekerja-pekerja dalam golongan ini tetapi saya rasa sudah sampai masanya bagi Kerajaan untuk menimbangkan satu minimum wage scheme kepada pekerja-pekerja (employees) di dalam sektor swasta, sebab hingga hari ini ada banyak kaum buruh kasar, penolong kedai-kedai (shop assistants), petani, nelayan dan lain-lain dan juga mereka yang berpendapatan unrealistically low.

5.31 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan penolakan Lapuran Ibrahim Ali dan menyokong Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet.

Bagi kakitangan Kerajaan pada biasanya ada disediakan berbagai-bagai lapuran untuk menentukan nasib masa depan keluarga mereka. Dengan adanya lapuran-lapuran tersebut sebahagian besar daripada mereka dapat menikmati hidup yang lebih baik. Tetapi bagaimana keadaannya bagi mereka yang hidup sebagai petani, nelayan, pekebun kecil lain-lainnya. Kepada siapa mereka hendak mengadu dan lapuran siapa yang mesti mereka tunggukan? Tidak ada pengiraan yang boleh dibuat oleh mereka, melainkan mereka itu akan berusaha dan berharap bersungguh-sungguh akan usahanya itu dapat nilainya daripada pihak-pihak yang tertentu membolehkan mereka ini mendapatkan hasil yang baik. Oleh itu, sudah sewajarnya Kerajaan menolak lapuran yang dicipta atas nama Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Ali seolah-olah lapuran ini berlatar belakangkan suara daripada Kesatuan Sekerja, kerana lapuran ini adalah lebih tepat merupakan menambak bukit yang sudah tinggi dan mengorek lurah-lurah yang sudah dalam. Jadi, menyusahkan mereka yang berpendapatan rendah dan menyenangkan kepada mereka yang memang telah senang dengan berpendapatan tinggi. Dengan itu, kita semua berharap kesatuan dan ahli-ahlinya dapat menerima Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet yang boleh dikatakan dapat mencapai matlamat beberapa segi ahli-ahli ataupun pekerja-pekerja berdasarkan kelulusan dan akademi mereka.

Dengan kenaikan gaji yang ditawarkan oleh Jawatankuasa Kabinet ini pun pihak-pihak petani dan orang-orang awam merasa bimbang dan cemas kerana setiap kali lapuran dikeluarkan ataupun diistiharkan maka harga barang-barang turut naik, tambang-tambang kenderaan sama naik. Bagi petani-petani akan lebih bimbang lagi kerana peralatan kegunaan untuk mengusahakan ladang-ladang mereka mungkin juga naik seperti kegunaan baja, racun dan sebagainya sedangkan hasil keluaran mereka tidak ada ditentukan harganya pada masa-masa yang tertentu. Bagi pekerja-pekerja buruh kasar tidak ada memberi ertinya yang sebenar pada mereka kerana mereka terpaksa menerima kadar yang ada itu merupakan sedap didengar sahaja sedangkan penggunaannya tidak dapat sepenuhnya kerana mereka menerima akibat daripada kenaikan harga barang-barang dan penggunaan kenderaan pada setiap hari.

Kesempatan ini juga akan diperolehi oleh tuan-tuan punya rumah-rumah sewa yang mana telah mengarahkan penyewa-penyewa keluar rumah dengan alasan untuk membaiki tetapi hakikat yang sebenarnya ialah untuk memasukkan orang-orang yang baru dengan nilai sewa yang baru pula. Kesusahan yang dialami oleh pekerja-pekerja juga berat dengan naiknya tambang-tambang kenderaan dan makanan kerana mereka duduk tidak berhampiran dengan tempat mereka bertugas. Oleh itu, saya lebih setuju wang yang banyak untuk membayar kenaikan gaji itu dibuat atau disediakan rumah-rumah deret ataupun berkembar atau rumah-rumah pangsa di mana-mana pejabat atau pejabat-pejabat Kerajaan atau Badan Berkanun atau badan swasta diadakan dengan mengasingkan khas bagi mereka yang berkeluarga, bagi mereka (lelaki) yang bujang ataupun khas bagi gadis-gadis pada sesuatu tempat.

Rasa saya di Kuala Lumpur ini sahaja kawasan-kawasan kediaman yang luas satu atau dua ekar bagi rumah-rumah khas kepada pegawai-pegawai patutlah diperkecilkan membolehkan banyak rumah-rumah memberikan kesenangan dan menjimatkan belanja kepada pekerja-pekerja yang ada di sekitar sesuatu pejabat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh bangga di atas sikap tegas Kerajaan menolak Lapuran Ibrahim Ali itu, samalah juga menolak tuntutan Kesatuan-kesatuan Sekerja dan jika diterima akibatnya tentulah tidak

sihat seperti yang saya sebutkan tadi. Saya harap pihak Kerajaan hendaklah mengadakan Jawatankuasa Penyiasat khas kepada badan-badan kesatuan ini bagi meneliti dan mengkaji keadaan bilangan ahlinya yang benar-benar duduk dalam kesatuan yang sah dan juga mengkaji tentang perjalanan kewangan kesatuan yang dikenakan kepada ahli-ahlinya kerana dikhuatirkan pungutan wang yang berlebihan daripada yang diluluskan oleh sesuatu badan atau sesuatu kesatuan itu, kerana ada maklumat yang boleh dipercayai bahawa ada ahli-ahli terpaksa membayar sebulan sehingga \$10 ke \$20 dengan tujuan untuk menghadapi sebarang ancaman yang mungkin mereka akan lakukan dan adalah dikhuatirkan ahli-ahli yang menjadi mangsa kepada mereka yang menjadi pucuk pimpinan kesatuan. Tambahan pula pihak Kerajaan memberikan kemudahan-kemudahan yang baik kepada kesatuan tetapi sampai masanya mereka mendesak mengancam Kerajaan dengan berbagai-bagai tuntutan yang mereka kehendaki. Oleh itu, saya sungguh-sungguh bersetuju sekiranya ancaman-ancaman yang dilakukan itu pihak Kerajaan hendaklah bertindak lebih tegas tanpa ragu-ragu lagi.

Penduduk-penduduk di luar bandar yang saya wakili mereka lebih bersedia menerima sebarang arahan bagi membantu Kerajaan untuk membolehkan Kerajaan meneruskan dan memberikan perkhidmatan kepada mereka daripada mereka menerima sebarang ancaman yang boleh merosakkan perpaduan dan keamanan negara.

5.39 ptg.

Tuan Oo Gin Sun (Alor Star): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya tahu adalah amat sukar untuk mengemukakan satu struktur gaji yang dapat memuaskan hati setiap golongan pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam. Tanggagaji baru yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet atas lapuran semula Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali ialah satu ikhtiar yang jujur oleh Kerajaan untuk memenuhi tuntutan-tuntutan daripada kumpulan berpendapatan rendah dan dalam usaha lapuran Kabinet memberikan tanggagaji yang realistik kepada pekerja-pekerja dalam kumpulan yang berpendapatan rendah yang memang memerlukan pertolongan.

Saya percaya setiap orang Ahli dalam Dewan ini akan memberikan sokongan mereka. Kita memang faham atas kekeciwaan beberapa kategori pekerja dalam perkhidmatan awam yang merasakan bahawa mereka tidak mendapat jumlah wang yang diharapkan, tetapi harus pula kita memikirkan samada Kerajaan mempunyai punca-punca kewangan yang cukup untuk memikul beban ini sekiranya Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Ali dilaksanakan. Lebih-lebih lagi apabila Kerajaan terpaksa memperbesarkan rancangan pertahanan negara untuk mempertahankan negara daripada ancaman anasir anti-nasional serta perbelanjaan yang besar yang terpaksa dibelanjakan untuk membiayai rancangan-rancangan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga demi untuk membasmikan kemiskinan di kawasan luar dan dalam bandar.

Saya percaya setiap orang Ahli dalam Dewan ini akan bersetuju dengan saya bahawa setiap orang rakyat yang jujur dan taat akan menyatakan kepentingan negara lebih dari kepentingan diri supaya Kerajaan dapat menggunakan segala keupayaannya untuk membina sebuah negara Malaysia yang lebih baik untuk semua rakyatnya dan dalam perkara ini, saya suka merayu kepada pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam supaya jangan mengambil tindakan dengan tergopuh-gapah yang mungkin mengujudkan keadaan huru-hara dalam negara kita dan keadaan sedemikian tidak akan membawa faedah kepada rakyat dalam negara atau kepada negara kita sendiri. Sekiranya keadaan kacau-bilau yang mungkin timbul akibat tindakan perusahaan akan hanya memberikan peluang yang baik bagi mereka yang bertujuan memusnahkan negara kita.

Sebelum saya akhiri ucapan saya ini, suka saya membuat sedikit komen atas Lapuran Jawatankuasa Kabinet. Saya perhatikan bahawa Suruhanjaya Ibrahim Ali telah menghapuskan tidak kurang daripada 87 elaun tetapi Jawatankuasa Kabinet selepas membuat kajian yang teliti telah memberikan semua tidak kurang daripada 37 jenis elaun tetapi saya perhatikan bahawa Jawatankuasa Kabinet telah mengambil keputusan menarik balik pembayaran honorarium yang patut dibayar kepada kakitangan dalam Perkhidmatan Parlimen. Saya percaya setiap orang Ahli dalam Dewan ini memang tahu bahawa persidangan Parlimen ini biasanya berjalan selepas waktu kerja pejabat yang biasa

dan kadangkala sehingga larut malam dan kakitangan Parlimen terpaksa bersamasama kita sehinggalah selesai semua Urusan Mesyuarat. Oleh yang demikian, saya suka merayu kepada Kerajaan supaya menimbangkan semula keputusan untuk menarik balik pembayaran honorarium itu, kerana saya rasa adalah patut dan adil bagi mereka menerima kerana telah bertungkus-lumus untuk membolehkan mesyuarat Parlimen berjalan dengan licin.

5.44 ptg.

Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah (Silam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama rakan sepejuangan bangsa menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri kita.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Pada saya usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat itu adalah wajar dan kena pada tempatnya serta juga masanya kerana Kerajaan negara kita adalah Kerajaan yang datangnya daripada rakyat dan dipilih oleh rakyat. Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat ini memang menjadi tradisi kita membawa perkara-perkara yang mengenai kewangan dan kepentingan negara ke Parlimen dibincangkan bersama. Sepatutnya kajian mengenai gaji seperti dari dahulu lagi hendaklah dibawa ke Parlimen tetapi perkara ini sudah berlalu—tidak mengapa.

Tuan Yang di-Pertua, adalah salah pada pendapat segolongan kecil yang cuba hendak menonjol-nonjolkan diri mereka sebagai champion of the workers, sekiranya Kerajaan tidak hendak melayani tuntutan mereka, mereka cuba hendak mengancam keselamatan dan keharmonian hidup rakyat. Kalau Kerajaan melayani tuntutan mereka ini hanya segelintir sahaja yang mendapat faedah dan kita takut pula negara kita ini sebagai kata pepatah: "Di tengah-tengah kekayaan, ada pula kemiskinan". Tetapi pihak segolongan kecil ini telah lupa pada dasar Kerajaan yang memerintah, Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Saya suka mengingatkan kepada Kerajaan bahawa Kerajaan negara kita ini adalah Kerajaan rakyat dan bukan dipilih oleh Trade Unions. Kita tengok apa telah jadi kepada Britain bagaimana lumpuhnya negara itu apabila Trade Unions mengambil tindakan. Semuanya musnah, ekonomi musnah, rakyat

susah, ahli-ahli Trade Unions susah, cuma ketua-ketua mereka sahaja senang. Kita tidak hendak mengikut telunjuk orang-orang yang cuma hendak mengancam kestabilan dan keharmonian rakyat dan negara kita.

Kerajaan Barisan Nasional kita ada perinsip-perinsip sendiri. Pemerintahan Kerajaan kita tidak takut dengan gertakan dan ancaman dan rakyat sedia menyokong apa-apa tindakan yang boleh menstabilkan negara. Kita lihat telatah segolongan kecil ini apabila tuntutan mereka tidak dilayani, mereka cuba menghebahkan kepada rakyat bahawa Kerajaan tidak adil kepada pekerjaannya. Tetapi sebaliknya mereka menuntut bukannya untuk semua tetapi untuk perut mereka sendiri. Kerajaan telah membalas pula dengan lapuran yang baru yang mana telah menguntungkan dan menafaatkan kepada bilangan besar pekerja-pekerjanya.

Menyentuh dengan usul tadi, oleh kerana keadaan negara kita sekarang sedang di-ancam keselamatannya dan ini pula timbul ancaman baru hendak mengambil tindakan perusahaan dari segolongan yang dikatakan champion of the workers dan saya berdiri teguh di belakang Kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan sebilangan besar terdiri daripada rakyat luarbandar dan miskin hidup mereka melaksanakan Lapuran ini mengikut ukuran. Bak kata orang: "Buat baju biarlah sama ukuran badan". Apa yang kita lihat di luar bandar seperti kaum nelayan, kaum tani, tidak pernah merasai durian runtuh seperti kaum makan gaji. Kalau kaum makan gaji dapat durian runtuh, kaum di luar bandar yang membawa kita ke mari sangat teruk penderitaan hidupnya. Sudah tentu barang-barang keperluan akan naik melambung tinggi dan nilai wang kita nanti seperti wang di zaman pemerintahan Jepun dahulu.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Usul Kerajaan biarpun Kerajaan terpaksa menggunakan kuasa dharurat kalau sekiranya difikirkan perlu untuk kepentingan negara.

5.48 ptg.

Tuan Au How Cheong (Teluk Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Keduanya, campurkan.

Tuan Au How Cheong: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dengan sepenuhnya usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang issue gaji.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerangkan bahawa syor-syor Lapuran Ibrahim Ali itu tidak boleh dilaksanakan kerana akan meruntuhkan keadaan ekonomi negara kita. Nampaknya kedua-dua Lapuran Ibrahim Ali asal dan yang disemak telah disediakan dengan tergopoh-gapah tanpa membandingkan kebolehan Kerajaan membayar gaji ini. Yang Amat Berhormat juga telah menjelaskan menafaat yang pekerja-pekerja akan mendapat daripada cadangan-cadangan terhadap Jawatankuasa Kabinet khususnya kepada golongan berpendapatan rendah. Struktur tanggagaji yang baru ini telah mengurangkan jurang perbezaan antara pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah dengan pekerja-pekerja yang berpendapatan tinggi.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, it may be of interest for the Trade Unions to know that the Government's case is very well received by the general public who are not involved in the dispute. The Unions should take note of this sympathy of the people that is with the Government. I appeal to the Unions to set aside their emotions for a little while and take a serious look at the new proposals and see their way to accept the Cabinet Committee's salary scheme as a basis for further negotiations. After all, for all practical purposes, the Ibrahim Ali Report has been set aside.

The Government has frankly admitted that claims of various kinds are to be expected when a salary revision is made and it has offered to set up an independent body in which both the employers and the employees are represented to look into all the claims. That is a very reasonable offer and should be acceptable by all reasonable men—and the Union leaders are reasonable men. Being reasonable men, I do not understand why some of the Union leaders would show disrespect to Members of Parliament by telling us not to meddle in their affairs in the past, but now they want us to read their "open" letters. I can assure them that we shall read their letters with an open mind when we receive them.

I, as a Member of Parliament, do not pretend to understand fully and completely the complexity and details of the whole salary

issue; for that matter, however, nor does every member of the Union understands fully what is being argued. But I do understand that the Government cannot give full benefits or attention to only one section of the people and neglect or sacrifice the benefits of the people in other fields. The Government has to look after the nation as a whole and it will be a sheer folly and irresponsibility if the Government would implement a policy or decision which they know very well that would bring economic disaster to the nation.

Under the new proposals, Government servants would be receiving a pay better than what they are now receiving. After all, they will be receiving an additional sum of more than \$300 million and the sum of \$300 million by any standard is no small sum of money. While they may have cause to grumble that they are not getting the maximum of what they asked for, I urge them to spare a thought for the many others by the thousands who cannot or have not yet found a job.

Before I sit down, I join my fellow Members to appeal to the Government to reconsider restoring the Honorarium which seems to have been withdrawn from our members of the staff of Parliament.

Di samping itu, I also hope that in creating a new scale of salary, the Government should consider consolidating the security of tenure of office of those engaged in our statutory and quasi-statutory bodies, so that they too can enjoy the same type of job security and stability as those in the Civil Service.

Dengan ini, saya mohon menyokong usul ini.

5.55 *ptg.*

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul ini. Dalam ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang, mereka telah mengambil peluang menegaskan bahawa Parlimen telah bersidang dengan tergesa-gesa dan Usul ini telah dibuat dengan tidak memberi masa yang cukup untuk meneliti dan membaca segala penyataan-penyataan dalam laporan-laporan yang berkenaan. Jikalau dipandang dengan sekali lalu tanpa dikaji dengan mendalam gambaran yang mereka beri itu mungkin boleh diterima oleh umum tetapi apabila masalaah yang berbangkit adalah terbesar dan akibatnya

melibatkan negara dan segala penduduk dalam negeri ini, bukan golongan yang terkecil sahaja, pihak yang memegang teraju pemerintahan negeri ini bukannya sahaja patut tetapi wajib dan mustahak mengambil tindakan walaupun secara kilat.

Yang menjadi soal ialah adakah kita menaruh kepercayaan penuh kepada Yang Berhormat Menteri-menteri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Kami dalam Barisan Nasional dan golongan yang terbesar penduduk-penduduk dalam negeri ini memang menumpukan kepercayaan yang penuh kepada mereka untuk mentadbirkan hal ehwal kita dalam negeri dan untuk mengambil tindakan-tindakan yang mereka fikirkan patut diambil bagi mengatasi masalah-masalah yang biasa yang terbesar dan yang mungkin menimbulkan krisis seperti masalah yang ada di hadapan kita sekarang ini. Tetapi jikalau tidak percaya apa yang mereka buat dan apa langkah yang mereka ambil semuanya tentulah tidak betul dan semuanya ada salah. Pendek kata, saya percaya segala rakan-rakan kami dalam Barisan Nasional mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri-menteri yang telah sedia mengambil tindakan yang begitu tegas dalam hal ini. Jikalau sekiranya Kerajaan menerima nasihat dari sahabat-sahabat kita dari pihak Pembangkang, iaitu beri masa lagi dan rundingkan lagi walhal ancaman hendak mogok, ancaman hendak mengambil langkah perusahaan yang melibatkan kakitangan Kerajaan yang banyak dalam Lembaga Letrik Negara, dalam Jabatan Talikom dan dalam Jabatan-jabatan essential services yang lain, nyata riak dan kesan sebagai awan gelap di atas kepala mungkin menimpa kita bila-bila masa sahaja. Oleh itu adakah salah bagi Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri-menteri mengambil keputusan me-rojok dengan serta-merta kepada Parlimen. Bagi saya bukannya mereka bersalah tetapi sebaliknya jikalau mereka tidak mengambil langkah seperti yang telah diambil mereka akan dan mungkin bertanggungjawab kepada masyarakat dan negara jikalau dan apabila berlaku akibat-akibat yang buruk disebabkan oleh langkah-langkah yang tegas tidak diambil dengan serta-merta.

Pihak CUEPACS dan rakan-rakannya, boleh kata kami sebenarnya hendak berunding lagi, bukan hendak mogok, tetapi kata-kata hendak mogok, hendak ambil tindakan perusahaan sering didengar dan tingkah-laku yang ditunjuk dari berita-berita yang kami dapat dan tahu dari akhbar-akhbar memberi gambaran bahawa mogok dan tindakan perusahaan adalah, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, around the corner, jikalau sekiranya tuntutan dan kehendak-kehendak kami tidak dipersetujui. Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang begini membuatkan kita cemburu lagi apabila dalam sehari dua ini kami masih membaca dan mendengar kata-kata yang diberitakan terbit dari mulut ketua-ketua dan wakil-wakil yang bercakap bagi pihak CUEPACS dan persatuan-persatuan yang berkenaan. Perkataan deplore dan perkataan force dan sebagainya sering menyulami penjelasan-penjelasan dan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh mereka mengikut berita dalam akhbar-akhbar tempatan. Seperti yang kami diberitahu semalam, akhirnya mereka telah enggan menerima dan telah meninggalkan di atas meja Lapuran Jawatan-kuasa Kabinet. Tidakkah sepatutnya Kerajaan curiga bahawa mogok dan tindakan perusahaan seperti yang diugutkan itu mungkin dijalankan jikalau tuntutan dan kehendak-kehendak mereka tidak diikuti. Dalam keadaan yang begini saya anggap dengan nyata mengancam ketenteraman masyarakat dan membahayakan perjalanan pentadbiran dan kejayaan projek-projek pembangunan demi kepentingan negara dan bangsa. Tidak syak dan tidak waham lagi bahawa merujuk soal ini ke Parlimen dengan serta-merta adalah satu langkah yang bijak yang telah diambil demi kepentingan rakyat dan negara keseluruhannya dan bukannya satu langkah yang diambil untuk melayani atau sebagai mengabaikan kepentingan satu-satu golongan atau siapa-pun.

Tuan Yang di-Pertua, kami tidak ragu-ragu dan syak lagi bahawa dalam soal ini Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri-menteri telah bertindak dengan jujur dan ikhlas dan dengan berpanduan kepada prinsip-prinsip yang tertentu dan tegas tetapi adil untuk kepentingan rakyat seluruhnya. Dengan tawaran-tawaran yang dibuat dalam

Laporan Jawatankuasa Kabinet di atas Laporan Semula Suruhanjaya Ibrahim Ali adalah nyata bahawa Kerajaan sedar yang gaji pegawai-pegawai Kerajaan dan pekerja-pekerja patut dinaikkan. Tetapi dalam hal ini kemurahan hati Kerajaan hendaklah pula diukur mengikut keupayaan Kerajaan dengan implikasi-implikasi yang mungkin timbul di kalangan masyarakat keseluruhannya, lebih-lebih lagi di kalangan golongan-golongan yang berpendapatan rendah seperti pak-pak tani, kaum nelayan, pekebun kecil dan pekerja-pekerja yang bergaji kecil baik di luar bandar atau di dalam bandar yang boleh dikatakan kais pagi, makan pagi dan kais petang, makan petang. Saya sebagai seorang Ahli Dewan yang mulia ini yang mewakili sebuah kawasan di luar bandar sering ditanya oleh penduduk-penduduk kawasan itu, kata mereka: "Yang Berhormat kami di kampung-kampung dan di Kampung-kampung Baru di luar bandar bilakah akan dapat pendapatan-pendapatan yang lebih seperti kawan-kawan kami yang bekerja dengan Kerajaan. Kebanyakan daripada kami, Yang Berhormat, kalau dapat \$2 atau \$3 sehari sudah nasib baik, gaji kakitangan Kerajaan selalu kami dengar naik, gaji kami bilakah pula hendak naik?" Tuan Yang di-Pertua, susah kami menjawabnya, tetapi baru-baru ini kami senang hati sedikit apabila muncul Rancangan Malaysia Ketiga. Kami beritahu kepada mereka bahawa di bawah Rancangan Malaysia Yang Ketiga ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri-menteri telah memberi akuan dalam Parlimen bahawa keutamaan yang tinggi akan diberi kepada dayausaha dan projek-projek untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar dalam negeri ini. Dengan akuan-akuan ini penduduk-penduduk di luar bandar sungguhpun masih gelisah, tetapi dengan harapan yang penuh menunggu buah-buah yang mereka harap mungkin luruh dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang tidak payahlah saya beri gambaran apakah perasaan mereka apabila mereka dengar durian akan runtuh lagi. Tetapi yang akan dapat mengutipnya bukan petani-petani nelayan-nelayan atau pekebun-pekebun kecil di luar bandar, mereka bukan dengki atau bukan khianat. Tetapi kali keempat atau kelima durian runtuh mereka masih putih mata.

Tuan Yang di-Pertua, yang sangat merungsi-kan ialah Rancangan Malaysia Ketiga bergantung banyak dan lebih kepada sumbangan dan pelaburan dari pihak swasta tempatan dan asing. Jikalau sekiranya masa permulaan ini belum dapat kita lancarkan dengan betul-betul dalam Rancangan Malaysia Ketiga, kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan yang akan mengambil bahagian yang begitu besar dan penting dalam dayausaha melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga mengugut hendak mogok, hendak ambil tindakan perusahaan dan hendak hentam keromo dengan tidak hirau samada Kerajaan berupaya memberi gaji yang lebih atau tidak. Bukankah ini akan mengoncangkan hati pelabur-pelabur, lebih-lebih lagi pelabur-pelabur dari negeri asing, walhal kita mengharapkan kerjasama dan sumbangan yang lebih daripada mereka. Dengan itu, jikalau Kerajaan tidak mengambil tindakan yang tegas seperti yang diambil sekarang kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga mungkin tidak dapat dicapai. Segala projek-projek yang telah disusun dan sedia untuk dilaksanakan mungkin tidak dapat dijalankan dan walaupun dapat dijalankan mungkin banyak menjadi terbengkalai di tengah jalan. Oleh itu, saya harap tawaran-tawaran kenaikan gaji yang dibuat dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet dapat diterima oleh pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja dalam Kerajaan. Kosnya kita telah beritahu meningkat lebih daripada \$600 juta. Ini adalah satu jumlah wang yang terbanyak, walhal Kerajaan masih sangat memerlukan wang ini untuk projek-projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Bukankah ini dengan terang dan nyata menjadi bukti bahawa Kerajaan bukannya tidak bertimbang rasa, bukannya bakhil dan bukan tidak hendak mengambil berat berkenaan dengan keadaan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan. Memang tanggungjawab Kerajaan sebagai majikan yang bertanggungjawab menjaga keadaan kakitangan, tetapi di samping itu Kerajaan juga lebih bertanggungjawab menjaga kepentingan masyarakat dan negara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan rakyat dan negara keseluruhannya mestilah mengatasi kepentingan satu-satu golongan dalam negeri jikalau menepati kehendak-kehendak golongan itu bertentangan dengan kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang ini menyentuh tugas-tugas yang telah diberi kepada Suruhanjaya Ibrahim Ali yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka semalam. Tugas-tugas itu adalah di dalam satu list yang berjumlah enam semuanya. Tugas-tugas ini antara lain termasuk tugas menyemak prinsip-prinsip yang telah dijadikan panduan oleh Suruhanjaya-suruhanjaya Gaji yang dahulu daripada Suruhanjaya Ibrahim Ali dan selepas itu Suruhanjaya Ibrahim Ali ditugaskan menyemak semula dan menyelaraskan kenaikan-kenaikan gaji yang telah diberi oleh Suruhanjaya-suruhanjaya yang dahulu itu iaitu Suruhanjaya-suruhanjaya Suffian, Aziz dan Harun dan juga Jawatankuasa-jawatankuasa Sheikh Abdullah dan Tun Aziz.

Kepada saya untuk memahami apakah sebenarnya tugas-tugas yang telah diberi dan apakah tugas-tugas utama di antaranya, sepatutnya dianggapkan keenam-enam tugas tersebut sebagai merangkap satu dengan lain dan tidak sepatutnya dipetik satu-satu sahaja secara berasingan. Apabila dibuat demikian nyatalah bahawa tugas-tugas yang utama Suruhanjaya Ibrahim Ali adalah menyemak dan menyelaras kenaikan dan tanggagaji yang telah dibuat oleh Suruhanjaya yang dahulu daripada itu, bukannya semata-mata untuk mengesyorkan kenaikan gaji, jika mengesyorkan kenaikan gaji, sekalipun hendaklah dengan tujuan menyelaraskan gaji-gaji di bawah Suruhanjaya-suruhanjaya Suffian, Aziz, Harun dan Jawatankuasa Sheikh Abdullah dan Tun Aziz. Oleh itu kepada saya apa-apa yang disyorkan di bawah Suruhanjaya Ibrahim Ali jika tidak bercorak penye-larasan adalah keluar daripada landasan. Satu lagi perkara yang menjadi tandatanya kepada saya ialah masa yang telah diambil oleh Suruhanjaya-suruhanjaya ini untuk bertugas dan menyiapkan laporan itu. Saya faham suruhanjaya-suruhanjaya yang lain seperti Suruhanjaya Suffian, Aziz dan Harun yang dahulu mengambil masa bertahun-tahun, walhal Suruhanjaya Ibrahim Ali mengambil masa hanya enam bulan dan apabila dikehendaki oleh Kerajaan membuat laporan semula, laporan semula itu disiapkan dalam masa dua bulan. Jika dipandang sekali lalu apabila kerja siap lekas, tentulah elok dan baik dan lebih cekap mereka yang bertugas, tetapi soal tanggagaji dan elaun kakitangan Kerajaan adalah perkara yang kompleks dan berjilid-jilid penyata dan skim

yang berkaitan yang hendak disemak, diteliti dan dibahas, selepas itu dibuat syor. Oleh itu, segala tatapan dan penyelidikan yang perlu dibuat sebelum disyorkan dan dibuat laporan termasuk minit-minit mesyuarat dan sebagainya mengambil masa yang singkat selama enam bulan sahaja tidaklah boleh disalahkan kepada saya jika saya berperasaan ragu-ragu samada masa yang cukup telah diambil oleh Suruhanjaya ini untuk menyiasat secara teliti dan mendalam dan membuat laporan dalam perkara yang kompleks dan terpenting seperti yang saya katakan tadi. Agaknya itulah satu daripada sebabnya Laporan Suruhanjaya Ibrahim Ali ini tidak dapat memuaskan dan tidak dapat diterima seperti Laporan Suruhanjaya Gaji yang terdahulu daripadanya. Isi sesuatu laporan suruhanjaya yang ditubuhkan oleh Kerajaan bukan semestinya diterima oleh Kerajaan, jika sekiranya didapati apa yang disyorkan di dalamnya tidak sesuai dan juga menjejaskan keupayaan Kerajaan menjalankan tugas-tugasnya yang banyak dan besar selain daripada gaji sahaja dan seterusnya bertentangan dengan kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

6.15 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh sahabat-sahabat saya dari Kota Melaka dan Seremban iaitu Parlimen yang dipanggil untuk bermesyuarat secara tergesa-gesa dengan menghantarkan pemberitahu dalam jangka masa yang sangat singkat kepada semua Ahli-ahli Parlimen untuk membincangkan usul Kerajaan ini, pada pendapat saya tindakan ini adalah dikesalkan. Apa yang sangat mengecewakan sekali ialah Ahli-ahli Parlimen diberi dua buku tebal, Laporan yang pertama menyentuh kajian semula Laporan Ibrahim Ali dan satu lagi Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengandungi 280 muka dan mereka dikehendaki mengkaji butir-butir lanjut dalam masa yang sangat suntuk sekali. Saya percaya ramai di antara Ahli-ahli di Dewan ini tidak dapat secara jujur menjawab pertanyaan untuk diri mereka sendiri iaitu samada mereka telah benar-benar faham secara menyeluruh dengan apa yang terkandung di dalam Laporan di hadapan kita ini. Saya mesti tegaskan di sini bahawa Kerajaan tidak sepatutnya memanggil mesyuarat Parlimen dalam jangka masa yang sangat

singkat dan diharapkan supaya Dewan ini meluluskan usul Kerajaan ini tanpa memberikan peluang dan masa yang cukup bagi tiap-tiap ahli membaca dengan lebih mendalam mengenai kedua-dua lapuran ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dalam memberikan alasan menolak Lapuran Gaji Ibrahim Ali telah menyebut bahawa Lapuran Jawatankuasa Kabinet adalah lebih memberi faedah yang tinggi kepada golongan pekerja yang berpendapatan rendah seperti buruh kasar dalam perkhidmatan awam dan sebagainya. Lapuran Jawatankuasa Kabinet menyatakan bahawa mata gaji permulaan yang ditawarkan kepada pekerja buruh yang berpendapatan rendah telah dinaikkan daripada \$150 kepada \$195 iaitu lebih tinggi daripada apa yang telah disyorkan oleh Lapuran Gaji Ibrahim Ali. Perkataan-perkataan yang dikeluarkan itu memang sungguh menggembirakan untuk didengar, akan tetapi pada hakikatnya pengertian perkataan-perkataan itu sungguhlah mengelirukan. Tuan Yang di-Pertua, kenyataan itu dapat ditegaskan di sini kerana jumlah yang ditawarkan oleh Kerajaan itu sebenarnya adalah merupakan gaji bersih (clean wage) apabila dibandingkan dengan jumlah gaji yang disyorkan oleh Ibrahim Ali yang lebih besar apabila diambil kira elaun bantuan khas, elaun rumah dan bonos. Sebaliknya, apa yang ditawarkan oleh Kerajaan nampaknya lebih kecil dan ini telah menafikan perkataan-perkataan Kerajaan yang terdahulu yang menyatakan hendak menjamin dan membela kaum yang berpendapatan rendah. Dalam bentuk apakah tawaran Kerajaan sebanyak \$195 itu yang dikatakan sebagai menguntungkan itu boleh sebenarnya memberi faedah yang lebih besar kepada pekerja perkhidmatan awam, Kerajaan Tempatan dan lain-lain perkhidmatan yang berkenaan, lebih-lebih lagi dalam kawasan Kuala Lumpur yang mana saya mewakilinya di mana terdapat perbelanjaan sara hidup yang sangat tinggi berbanding dengan bandar-bandar lain di negara ini di samping keadaan inflasi yang tinggi dan masaalah perumahan yang semakin serius dari semasa ke semasa. Adalah diakui bahawa bagi pekerja-pekerja tidak mahir, sekil (scale) Ibrahim Ali ialah \$150 hingga \$220 sementara sekil Jawatankuasa Kabinet ialah \$195-\$285.

Pada zahirnya sekil yang diberi di dalam Lapuran Kabinet adalah lebih tinggi tetapi pada hakikatnya bukanlah satu gambaran yang sebenarnya. Sebagai contoh seorang

pekerja IMG yang sekarang ini mendapat gaji \$150.00. Selain daripada elaun bantuan khas sebanyak \$30, pekerja ini juga berhak mendapat bonos satu bulan gaji yang berjumlah \$12.50 dan ini akan menjumlahkan gaji keseluruhannya sebanyak \$192.50. Lapuran Kabinet menyatakan bahawa seseorang pekerja IMG akan mendapat \$195.00. Ini akan bermakna bahawa tawaran Kerajaan hanya akan mendatangkan \$2.50 lebih. Tetapi di bawah Lapuran Ibrahim Ali pekerja IMG ini akan berada di sekil \$150 hingga \$220. Walau bagaimanapun, Lapuran Ibrahim Ali memperuntukkan bahawa di dalam sefer pemindahan (conversion) pekerja itu selain daripada mendapat elaun bantuan khas sebanyak \$30 yang akan berjumlah sebanyak \$180, pekerja ini akan terus mendapat satu bulan bonos iaitu \$12.50 dan dengan elaun perumahan purata sebanyak 15% yang lebih kurang berjumlah \$27.00. Ini akan berjumlah gaji bawa balik "take-home pay" sebanyak \$219.50. Ini akan bermakna bahawa di bawah Suruhanjaya Ibrahim Ali seorang pekerja IMG boleh memperolehi \$24.50 lebih daripada rekomen-dasi Lapuran Jawatankuasa Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Lapuran Jawatankuasa Kabinet itu melaporkan bahawa mata gaji maksima \$285 akan diperakukan kepada pekerja-pekerja IMG. Ini sedap didengar tetapi pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah akan mencapainya selepas 10 tahun iaitu 10 tahun dari tahun 1976, maknanya dalam tahun 1986, kalau pekerja itu masih hidup dalam tempoh itu. Saya mesti menyatakan bahawa jumlah pekerja-pekerja IMG dalam kumpulan ini ialah lebih kurang 120,000 dan inilah kumpulan pekerja-pekerja yang Kerajaan hendak menolong sungguh-sungguh.

Saya mestilah menyatakan di sini bahawa perubahan gaji bagi pekerja-pekerja IMG telah berlaku dalam bulan Mei 1969. Mengikut Lapuran Jawatankuasa Kabinet Kenaikan gaji tahunan bagi mereka yang menerima \$150 ialah \$10, dan inilah yang ditawarkan setelah menunggu enam tahun bagi pekerja-pekerja yang miskin dan berpendapatan rendah. Cuba kita fikir setelah enam tahun menunggu kenaikan gaji bagi pekerja-pekerja ini hanya \$10 dan mengikut perangkaan Kerajaan kadar inflasi dalam tempoh ini meningkat lebih dari 40%. Kerajaan sekarang berkata mahu menolong pekerja-pekerja berpendapatan rendah tetapi benarkah Kerajaan hendak menolong mereka

itu. Tidakkah kita mengelirukan pekerja-pekerja miskin ini. Tindakan kita menaikkan harapan mereka secara menunjukkan sekil \$195 hingga \$285 tetapi sebenarnya si pekerja itu mendapat hanya \$10 lebih daripada apa yang mereka mendapat sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini kita selalu mendengar teriakan Kerajaan hendak menolong orang-orang miskin dan kumpulan berpendapatan rendah mempunyai rumah-rumah mengikut konsep "house owning democracy". Semua ini sedap didengar bagi pekerja-pekerja kumpulan berpendapatan rendah, tetapi benarkah Lapuran Jawatankuasa Kabinet itu menolong pekerja-pekerja IMG mempunyai rumah mereka sendiri? Kerajaan baru-baru ini mengumumkan satu skim khas untuk menolong pekerja-pekerja berpendapatan rendah untuk mempunyai rumah sendiri tetapi bolehkah tambahan sebanyak \$10 sebagaimana yang diperakukan oleh Jawatankuasa Kabinet kepada pekerja-pekerja ini boleh menolong mereka itu untuk mempunyai rumah sendiri melalui skim sedemikian.

Saya mesti menyatakan di sini bahawa sekiranya kita meluluskan Lapuran Jawatankuasa Kabinet maka skim mempunyai rumah sendiri bagi pekerja-pekerja I.M.G. tidak akan dicapai. Kita akan dapat membuktikan bahawa perakuan-perakuan Suruhanjaya Tan Sri Ibrahim Ali memberi tawaran yang lebih baik kepada pekerja-pekerja tidak mahir ataupun berpendapatan rendah dalam sektor awam dari apa yang terkandung dalam Jawatankuasa Kabinet. Bagaimanakah tawaran baru Kerajaan sebanyak \$195 sebagai gaji bersih yang Kerajaan tawarkan sebagai tambahan besar kepada kumpulan pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah memberi faedah kepada pekerja-pekerja berpendapatan rendah dalam sektor awam terutama sekali dalam kawasan saya?

Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat mendukacitakan bahawa Kerajaan telah mengelirukan rakyat dengan Lapuran Jawatankuasa Kabinet yang sebenarnya tidak memberi faedah kepada pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah dalam sektor awam. Biar pekerja I.M.G. menentukan mereka mahu menerima Lapuran Ibrahim Ali ataupun Lapuran Jawatankuasa Kabinet. Berpandukan kepada pendapatan di atas saya suka mencadangkan di sini bahawa pekerja-pekerja I.M.G. hendaklah dibenarkan memutuskan samada mereka mahu menerima Lapuran

Ibrahim Ali ataupun Lapuran Jawatankuasa Kabinet. Adalah tidak adil bagi Kerajaan memaksa pekerja-pekerja I.M.G. menerima Lapuran Jawatankuasa Kabinet apabila lapuran itu tidak berfaedah kepada mereka. Ini ialah menentang prinsip perjalanan industry justice dalam negara ini. Dan atas alasan itu saya sekali lagi menyeru kepada Kerajaan untuk memberi satu peluang kepada pekerja-pekerja I.M.G. untuk memutuskan sendiri terhadap satu perkara yang amat mustahak dan penting.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masaalah honorarium yang disebutkan di muka 124—Perenggan 97 di sini ingin saya menarik perhatian Dewan ini bahawa Lapuran Jawatankuasa Kabinet yang telah dibentangkan di dalam Dewan ini telah mengesyorkan bahawa honorarium kepada pekerja-pekerja Perkhidmatan Parlimen ditarik balik. Syor ini pada pendapat saya adalah tidak adil kepada kakitangan Parlimen yang telah bekerja dalam Parlimen dengan penuh dedikasi dan di sini saya mengesyorkan bahawa Kerajaan patut timbangkan semula mengenai syor ini dan mengambil tindakan memberikan balik kepada kakitangan-kakitangan Parlimen mendapatkan honorarium yang patut diberikan kepada mereka.

Di sini saya ingin merojok sedikit kepada tanggagaji pemegang-pemegang diploma. Dan izinkan saya memberi satu contoh tentang perhatian buruk yang diberi kepada pemegang-pemegang diploma oleh Lapuran Jawatankuasa Kabinet. Di bawah Lapuran Harun, gaji tingkatan biasa ialah \$440 dan ianya meningkat \$1,200. Tanggagaji bagi gred khas ialah \$1,200 dan ini meningkat kepada \$1,600. Bilangan yang diambil oleh seseorang pemegang diploma untuk mencapai tanggagaji kadar superscale iaitu \$1,600 ialah sebanyak 28 tingkatan atau 28 steps sekiranya beliau meningkat secara normal.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Lapuran Jawatankuasa Kabinet seorang pemegang diploma akan mengambil cuma 24 langkah ataupun 24 steps dan bukan 28 langkah untuk mencapai gaji maksima sebanyak \$1,765 dengan gaji permulaan \$645. Akibatnya seorang pemegang diploma akan rugi berjumlah \$240 untuk 4 tingkat tersebut kerana tambahan tahunan ialah \$60. Ini menunjukkan Lapuran Jawatankuasa Kabinet telah menjauhkan jurang gaji di antara kadar gaji pemegang-pemegang diploma dengan gaji

M.C.S. atau Perkhidmatan Pentadbiran. Saya harap Kerajaan akan mengambil perhatian tentang hal ini dan akan mengambil langkah untuk membetulkannya.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menarik perhatian Dewan ini kepada teriakan yang selalu dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga lain-lain Menteri Kerajaan bahawa ianya menggalakkan gerakan kesatuan sekerja yang bebas dan kuat wujud di negara ini. Begitu juga Kerajaan selalu menyeru supaya kesatuan sekerja dalam sektor swasta selalu berbincang di meja bulat untuk menyelesaikan masalah perusahaan mereka. Seruan ini ada baiknya untuk menenteramkan keadaan perhubungan perusahaan. Bagi Kerajaan yang memerintah jika ia mengharapkan majikan-majikan swasta untuk mematuhi segala seruannya maka Kerajaan sendiri terlebih dahulu mestilah bersikap jujur kepada segala yang diserukannya dan bukannya menyeru pihak swasta berbuat apa yang diserukannya tetapi ianya sendiri bersikap sebaliknya seperti yang berlaku dalam pertikaian Kerajaan dengan kakitangannya. Bertindak secara persendirian (unilateral) dalam kes yang berlaku pada masa ini dan menyebabkan Kerajaan memanggil Parlimen bersidang dalam masa dua hari untuk membincangkan Lapuran Kerajaan, ini bukanlah menunjukkan kesetiaan Kerajaan mewujudkan konsep industrial democracy yang ia menggalakkan wujud dalam Malaysia pada hari ini. Sebagai bukti Kerajaan baharu-baharu ini telah membentuk satu tatacara keharmonian perusahaan dan dalam tatacara itu beberapa perbekalan telah dibekalkan untuk digunakan dalam menyelesaikan pertikaian perusahaan. Jika kesatuan sekerja telah sudi menandatangani dokumen ini seperti yang diminta oleh Kerajaan mengapa pula Kerajaan sekarang menentang bekalan-bekalan dalam dokumen ini. Contoh tindakan Kerajaan melayani soal gaji bagi kakitangannya adalah memalukan selain daripada menghapuskan industrial democracy. Kerajaan dalam usaha-usahanya hendak melayani soal gaji bagi kakitangannya tidak membuat penyelidikan yang mendalam terhadap pendirian kesatuan sekerja yang mewakili kakitangannya terutama sekali apabila mereka menyatakan bahawa Kerajaan mestilah memberi satu pengakuan terhadap Lapuran Tan Sri Ibrahim Ali. Kerajaan menganggap bahawa kesatuan sekerja dalam perkhidmatan awam akan mengambil tindakan perusahaan

dan dalam keadaan panicky telah memanggil Parlimen bersidang. Kegagalan Kerajaan mengetahui pendirian kesatuan sekerja bagi kakitangannya adalah membazirkan wang awam. Parlimen sepatutnya tidak harus dipanggil bersidang untuk membincangkan soal gaji baru ini. Tuan Yang di-Pertua, jika diadakan perundingan mengenai hal gaji ini dengan pihak pekerja, saya yakin boleh menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh kita.

6.34 ptg.

Tuan Mohamed Sovie bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun memberi sokongan kepada usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya percaya usul ini disokong juga oleh orang ramai. Bagi diri saya sendiri saya mengambil sikap menyokong usul ini selepas memikirkan dan menimbangkannya secara mendalam. Saya juga telah mendengar dan memberi pertimbangan kepada berbagai-bagai fikiran dan pendapat yang telah dikemukakan. Saya sendiri adalah seorang bekas pelupur, pemimpin dalam gerakan buruh dan kesatuan sekerja (trade union). Saya sendiri adalah di antara 9 orang yang asal yang telah mengasaskan CUEPACS yang telah menjadi satu nama yang disebut-sebut dalam suratkhbar dan yang terlibat pada hari ini dalam masalah menimbulkan perbincangan berkenaan dengan soal gaji ini. Saya juga seorang bekas pegawai atau kakitangan Kerajaan. Oleh yang demikian, apa yang saya hendak kata atau sikap yang saya ambil ini tidak dapat tidak berdasarkan kepada latar belakang ini, latar belakang di mana saya masih mengira ramai rakan sejawat dan kawan-kawan yang masih berkhidmat dalam jawatan Kerajaan. Barangkali di antara pemimpin-pemimpin CUEPACS pada hari ini ialah orang-orang baru yang saya tidak begitu kenal akan tetapi kepada saya Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services ialah satu pertubuhan bukan sahaja halal akan tetapi satu pertubuhan yang telah berkhidmat kepada negara ini melalui beberapa zaman lebih daripada 20 tahun lamanya, sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan, bekerja dalam Majlis Bersama pihak Kebangsaan (National Joint Council) yang lahir daripada Whitley Machinery yang diasaskan pada zaman penjajah dahulu. Tujuannya untuk mengadakan perundingan

dengan secara damai supaya dapat mengelakkan sebarang perselisihan ataupun pertikaian industrial antara majikan dan pekerja yakni antara majikan terbesar dalam negeri ini iaitu pihak Kerajaan sendiri dan pekerja yang sangat penting di negara ini iaitu orang yang mendukung Kerajaan, yang menjadi upahan iaitu orang-orang yang makan gaji dengan Kerajaan, yang menjalankan perintah Kerajaan, dan yang menyokong Kerajaan negeri ini. Pekerja swasta dan pekerja Kerajaan itu memang berlainan tentang kedudukan, tentang kelebihan, tentang sifat dan sebagainya. Di sini tidak dapat tidak mesti kita anggap bahawa pekerja-pekerja Kerajaan adalah satu golongan yang sangat penting demi ketenteraman negeri, kemajuan negeri dan tentang perjalanan Kerajaan Negeri.

Saya ingat waktu kita membahaskan perkara ini, saya diberi izin mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap pekerja, samada yang berpangkat setinggi-tingginya, mahupun serendah-rendahnya yang telah berkhidmat dengan Kerajaan, mahupun masa sekarang atau pada masa peralihan daripada zaman penjajah kepada zaman kemerdekaan, sebab tidak dapat dinafikan bahawa segala kemajuan yang terdapat dalam negeri ini sedikit sebanyak sumbangan daripada pekerja-pekerja ini mesti diambil kira dan patut sumbangan itu kita rakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya.

Begitu juga tentang kedudukan dan peranan kesatuan-kesatuan sekerja yang mewakili kakitangan Kerajaan ini, setahu saya segala kesatuan ini sehingga sekarang telah menjalankan kerjanya dan peranannya dengan baik dan telah mengambil bahagian sewajarnya, bukan sahaja semata-mata untuk memperjuangkan nasib pekerja, akan tetapi juga sentiasa menyatukan kepentingannya dengan kepentingan negara. Saya tidak pernah rasa yang kesatuan-kesatuan sekerja yang mewakili kakitangan dan pegawai Kerajaan pernah mengasingkan atau sanggup mengasingkan kepentingan kesatuan dan pekerjaannya daripada kepentingan nasional. Saya berharap pada masa ini dan pada saat ini begitulah juga keinsafan bahawa kepentingan kesatuan sekerja (trade union) yang mengandungi kakitangan Kerajaan kepentingan yang sama juga dengan kepentingan nasional, kepentingan Kerajaan tak dapat diasing tak dapat diceraikan.

Saya juga telah memberi fikiran dan pertimbangan kepada pendapat yang telah dikemukakan, samada kena ataupun tidak kena pada tempatnya Kerajaan mengadakan persidangan Parlimen ini. Ada juga tuduhan-tuduhan yang mengatakan ini telah diadakan secara terburu-buru, ada pula yang mengatakan tidak ada precedentnya atau tidak pernah dilakukan. Itu fikiran seseorang. Bagi diri saya berkenaan dengan tuduhan bahawa ini "unprecedented" atau tak pernah diadakan; barangkali betul. Tetapi begitu juga barangkali suasana dan keadaan kita hadapi pada hari ini juga luar biasa, tak pernah jadi, dan tak pernah berlaku dahulu. Jadi tidak ganjil kalau satu-satu keadaan yang tidak pernah berlaku yang diikuti pula oleh satu tindakan satu langkah yang dibuat tak pernah dibuat dahulu, kerana tak dapat kita nafikan bahawa National Joint Council ataupun Majlis Bersama Kebangsaan yang telah wujud yang telah lama bekerja dengan baik untuk mengatasi berbagai-bagai soal berkenaan dengan berbagai-bagai golongan kumpulan pekerja dalam Kerajaan—itu tak dapat dinafikan. Akan tetapi yang kita menghadapi sekarang ialah satu masalah di mana barangkali National Joint Council ini tidak mampu (incapable of handling the situation) tidak mampu menyelesaikan keadaan, kerana setakat yang saya tahu sendiri dari pada pengalaman, Menteri-menteri dan ahli-ahli politik tak terlibat dalam Majlis Bersama Kebangsaan ini. Semata-mata satu machinery atau jentera di mana kedua-dua pihak, satu pihak Official dan satu pihak Staff, iaitu satu pihak bagi pekerja dan satu pihak bagi pegawai biasanya daripada pihak PSD dan Ketua-ketua Jabatan dan sebagainya. Ini yang kita tiru yang kita ikut coraknya daripada Whitley Council yang kita mewarisi dahulu di mana jika timbul sesuatu masalah, satu problem, satu pertikaian dan satu situation dapat machinery ini menguruskannya, kerana bagi pihak Official Side ini barang kali dia sendiri tidak terlibat, tidak ada direct personal interest dan dapat menjalankan kerjanya mengikut peraturan biasa tanpa menimbulkan sesuatu keadaan yang susah hendak diatasi kalau terdapat sebagaimana terdapat sekarang setiap orang samada dia

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*)

Official Side atau Staff Side terlibat. Sebab yang hendak ditimbang apa yang hendak diputuskan dan apa yang akan dibincangkan

akhirnya pegawai yang setinggi-tinggi iaitu Ketua Setiausaha Negara sendiri terlibat dalam hasil yang akan dirundingkan. Pada orang ramai sendiri entahlah bagaimana pendapatnya, bagi pihak pemimpin-pemimpin kesatuan sendiri bagaimana pendapatnya. Tetapi bagi pendapat saya sendiri sekiranya lah dikatakan bahawa cara kita menghadapi soal-an ini sekarang luar biasa, tak pernah dilakukan, tak patut pula kita rasa malu ataupun rasa salah (there is no need for any guilty-complex about it) sebab situasi atau keadaannya memerlukan barangkali satu kedudukan yang lebih tinggi, satu cara yang boleh kita menimbangkan ini tanpa melibatkan orang yang terlibat dalam masaalah yang hendak ditimbangkan itu. Pendeknya, tak mungkin seseorang itu masuk dalam bakul dan angkat bakul itu sendiri. Ini sahaja secara ringkas jawapan saya terhadap mereka yang menuduh tentang kenapa kita adakan Parlimen, ini unprecedented dan sebagainya. Saya sendiri tidak ada keraguan, saya terima ini.

Timbul juga soal sikap Kerajaan sendiri. Kalau sekiranya saya rasa Kerajaan menolak cadangan ataupun perakuan Ibrahim Ali dan tidak membuat sesuatu untuk menunaikan kesanggupannya dan untuk mempertimbangkan gaji kakitangan-kakitangan Kerajaan, ini barangkali menimbulkan satu suasana yang mana terpaksa saya sendiri rasa mesti mem-bidas sikap itu. Sungguhpun dalam usul yang dibentangkan ini disebutkan supaya kita di sini menolak Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Di Raja iaitu Lapuran Ibrahim Ali, kalau kita semak betul-betul dan saya sudah dua malam ini sampai pukul 4.00-5.00 pagi baca semua beratus-ratus muka ini, nampaknya pada hakikatnya Jawatankuasa Kabinet bukan menolak terus Lapuran Ibrahim Ali ini dan tidak memandang dan tidak memeriksanya. Apa yang saya dapati point by point, para by para, subject by subject kita dapat bandingkan Lapuran Ibrahim Ali yang asal, yang saya baca dan saya harap semua orang baca dengan Lapuran Kabinet yang kita dapati ialah komentarnya. Pendeknya, kalau saya tahu boleh saya ketepikan Lapuran Ibrahim Ali, tak payah baca langsung, sebab boleh ambil Lapuran Kabinet sahaja, kerana apa yang disebutkan dalam Lapuran Ibrahim Ali itu diulang dan disebutkan balik dan dibentangkan: Lapuran Ibrahim Ali kata sekian, sekian. Kami berpendapat sekian, sekian. Ini setuju, okay

terima. Ini kurang senang patut dikaji semula. Ini terang-terang tak dapat diterima. Kami sebaliknya cadangkan sekian-sekian.

Ini saya ingat penting untuk orang ramai di luar yang barangkali tidak ada kesempatan dan tidak dapat segala surat-surat ini dengan bermacam-macam propaganda yang akan dibangkitkan bahawa Kerajaan semata-mata tolak, barangkali unfortunate phraseology, Kerajaan semata-mata tolak. Sebenarnya pada hakikatnya bukan ditolak, akan tetapi berasaskan kepada Lapuran itu Jawatankuasa Kabinet telah membuat satu Lapuran yang setengah-tengah yang diusul yang dicadang dan yang direkomen oleh Ibrahim Ali diterima kerana didapati eluk dan sempurna yang mana nampaknya patut dikaji semula dikatakan patut dikaji semula dan yang mana didapati tidak dapat diterima itu yang di-reject. Ini saya ingat satu juga perkara, satu point yang penting kita memperhatikan dan lagi satu yang telah menarik perhatian saya sendiri iaitu dalam tempuh kira-kira empat bulan Jawatankuasa Kabinet ini yang terdiri daripada Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan, separuh Menteri-menteri Kabinet dan diundang pula Ketua-ketua Menteri atau pun Menteri-menteri Besar daripada empat negeri yang telah bekerja, bermesyuarat dan bersidang tidak kurang daripada 20 kali. Ertinya mereka telah bermesyuarat tidak kurang daripada seminggu sekali. Pendeknya, Lapuran Ibrahim Ali ini dikaji dengan seriousness—dengan betul-betul barangkali pihak Ibrahim Ali sendiri saya tidak tahu berapa kali dia mesyuarat, boleh jadi Suruhanjaya Ibrahim Ali sendiri daripada faktor masa, jam, usaha yang dimasukkan untuk mengeluarkan Lapuran itu kurang barangkali daripada masa, waktu dan usaha yang ditumpukan oleh Jawatankuasa yang lebih high-powered, yang lebih ramai, yang lebih bertanggungjawab.

Saya sendiri kalau diminta jadi Ahli Jawatankuasa Suruhanjaya lain kali tidak berani hendak terima, sebab inilah soalnya, tanggungannya berat, tetapi setakat manakah empat atau lima individu dapat mengemukakan satu dasar, satu corak yang barangkali akan mendatangkan kesan dari segi pekerja lebih daripada setengah juta, dari segi bangsa macam-macam kesan yang akan terlibat. Saya berpendapat daripada comparison meritsnya kalau terpaksa memilih antara dua report ini, saya lebih suka report yang kedua ini, sebab dia menjadi second opinion. Ia berasas

kepada apa yang telah dicadang oleh empat, lima individu dan tidak ada tanggungjawab, bebas boleh keluaran segala idea. Saya ingat hendak ke bulan pun boleh taruh ke bulan, tetapi orang yang menimbang kemudian masing-masing bertanggungjawab, seperti Menteri Kewangan mesti kira, hitung, berapa duit dan sebagainya. Dengan keadaan itu, saya sendiri rasa sungguhpun tidak dapat dikatakan Lapuran Jawatankuasa Kabinet sudah lengkap 100%, sudah cukup segala-galanya, tidak ada yang patut dibetulkan, tidak dapat dikatakan begitu, tetapi, as far as humanly possible, setakat mana dapat diusahakan oleh manusia boleh dikatakan ini ialah satu earnest effort, satu usaha yang jujur yang betul-betul bertujuan untuk menunaikan tujuan Kerajaan untuk memberi gaji tambahan sebagaimana yang telah dijanjikan kepada pekerja-pekerja. Sungguhpun telah diterangkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri semalam bahawa banyak orang akan dapat faedah, banyak duit akan dibelanjakan beratus-ratus juta, dan juga yang masih menuduh yang mengatakan banyak pekerja ini tidak dapat apa langsung.

Pada saya sendiri, saya tidak dapat faham tentang usul-usul dan hujjah-hujjah yang telah disebutkan semalam atau pun hari ini. Kalau sekiranya kita terpaksa membelanjakan \$200 juta lebih dengan tunggakan, dengan back-pay atau \$500 juta lebih, mungkin \$600 juta ke mana duit itu pergi, kalau wang yang kita hendak beri tambahan gaji tidak dapat faedah tambahan. Inipun dari segi quantum banyaknya wang yang akan dibelanjakan dengan itu sendiri ternyata bahawa sekian banyak duit \$236 juta ini akan dibahagi oleh 500,000 orang. Soalnya banyak mana dan siapa mesti dapat lebih, siapa mesti dapat kurang. Ini yang saya tertarik, sebab jikalau mereka yang berkaitan dengan CUEPACS atau ada lagi pioneers CUEPACS yang masih hidup atau masih berjawatan yang bersama-sama dengan saya menandatangani 24 tahun dahulu akan ingat pada masa kita ujudkan CUEPACS bahawa tujuan asal atau tujuan utama kita ialah untuk utamakan pekerja-pekerja yang bergaji rendah, barangkali masih ingat kita tuntutan supaya pekerja-pekerja akan dapat \$8 sehari. Pada waktu itu \$8 itu besar, banyak sekali. Sungguhpun kita belum dapat \$8 tetapi dengan cadangan ini sudah hampir \$8 sehari kalau kita bekerja 24 hari sebulan. Saya ingat \$195 gaji minima ini tidak jauh daripada

tuntutan ataupun tuntutan asal kita mahu \$8 sehari untuk pekerja rendah. Jadi di dalam soal wage fund dalam satu tabung, satu kumpulan wang yang dikhaskan untuk gaji ini pada masa ini ialah tambahan gaji cara apakah hendak kita membahagi-bahagikan tambahan ini. Ini menjadi soal pokok saya rasa, secara jujur bahawa kawan-kawan saya yang berpangkat tinggi di dalam Kerajaan yang masih dapat kerja lagi itu, kalaulah takdirnya telah diluluskan dan diterima gaji tambahan sebagaimana yang dicadangkan oleh Ibrahim Ali itu, saya tidak cemburu, sungguhpun saya sendiri terlepas, sebab ada juga tempat-tempat lain yang orang gaji semacam ini. Dan barangkali di pihak swasta ada orang yang setaraf itu yang sama yang barangkali lebih tinggi. Ini kita terima dan saya sendiri terima akan tetapi jikalau kita cukup duit dan duit sebanyak itu dapat ditaburkan, saya ingat Kerajaan barangkali dapat menimbangkan, tetapi jikalau wang yang mampu Kerajaan membayar sekian-sekian dan kita terpaksa pilih kepada orang atas ataupun orang bawah yang kita mesti utamakan.

Di sini saya setuju sekali, saya sokong Jawatankuasa Kabinet kerana dia telah mengutamakan 300,000 orang lebih, saya ingat lebih daripada separuh orang itu yang bergaji rendah, at their expense, dan yang kurang untung, yang rugi sedikit ialah orang di atas, tetapi saya percaya orang di atas itu sanggup. Tetapi saya percaya orang di atas itu sanggup menerima keadaan ini. Sebab itu, saya rasa kalau ahli-ahli unions yang terdiri daripada Government Servants, Government Officers diberi peluang secara bebas tanpa pressure, tanpa blackmail dan masing-masing dapat penjelasan yang secukupnya, saya percaya tidak ramai yang akan menolak Lapuran Jawatankuasa Kabinet ini. Sebaliknya sebahagian besar, saya ingat akan menerima cadangan yang dikemukakan ini. Soalnya adakah dengan diadakan Parlimen dan kita Wakil-wakil Rakyat semua memberi sokongan yang penuh kepada Kerajaan dan perkara ini diselesaikan, bererti kita mendatangkan pressure kepada trade unions supaya memaksa mereka terima. Soal samada peranan National Joint Council itu sudah habis lenyap, ini mungkin boleh berbangkit dan barangkali sudah dibangkitkan.

Saya rasa setakat yang saya tahu Kerajaan kita tidak pernah menyekat sebarang trade unions, sebaliknya dasar semua parti dalam

Barisan Nasional dalam pilihanraya yang lepas memberi perakuan yang tegas bahawa kita percaya tentang kebebasan dan kita memberi kebebasan untuk bersekutu, association dan ini termasuk juga kebebasan trade unions. Keadaan samada kita bersetuju atau tidak bersetuju dengan tindak tanduk setengah-setengah pemimpin trade unions, saya ingat pada dasarnya tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional dan juga parti-parti dalam Barisan Nasional kesemuanya mendokong kebebasan trade unions, menghormati dan menghargai sumbangan yang diberi oleh trade union bukan sahaja di dalam Kerajaan akan tetapi seluas-luasnya termasuk swasta dan sebagainya. Barangkali ada setengah-setengah orang yang bersikap sedemikian sehingga menimbulkan pertikaian personal grudges. Personal grudges tidak boleh disamakan sebagai pertentangan antara Barisan dengan trade unions. Ini penting.

Pada fikiran saya sendiri, saya rasa tidak merbahaya sama sekali, tidak ada sebarang bahaya ataupun kemungkinan (likelihood) yang sebarang trade unions akan divictimised atau sebarang sekatan akan didatang akan mengurangkan ketegangan-ketegangan ini. Akan tetapi trade unions sendiri mesti faham di mana-mana negeri pun ada terkongkong kebebasan-kebebasan itu. There is no absolute freedom dan undang-undang ada dalam tiap-tiap negeri yang menjamin ketenteraman, yang menjamin keselamatan. Dalam negeri kita sendiri ada undang-undang ini.

Saya sendiri berasa boleh jadi ketua-ketua kita, pemimpin-pemimpin kita, kerana mereka menghormati trade unions ini semua take seriously, ertinya apa yang dikatakan oleh pemimpin-pemimpin trade unions ini diberi penilaian yang secukupnya, tidak pula tidak ambil peduli. Itu sahaja satu penghormatan kepada mereka sebab dalam surat-suratkhabar sudah terbit macam-macam perkataan yang setengahnya boleh dikatakan meningkat menjadi ugutan yang menyatakan, kalau kami tidak dapat ini pada sekian tarikh, kami akan bertindak, bermogok dan sebagainya. Sebarang Kerajaan yang bertanggungjawab tidak dapat tidak mengambil langkah-langkah untuk menjamin keselamatan dan saya percaya setiap anggota Parlimen ini dan setiap pemimpin kaum dalam negeri ini dan setiap ahli parti dalam Barisan Nasional dan orang ramai bukan sahaja akan memberi sokongan kepada Kerajaan sepenuh-penuhnya untuk

sebarang langkah yang akan diambil sekarang ataupun yang diambil kemudian kelak untuk menyelamatkan orang ramai, untuk menjamin bahawa setiap perkhidmatan yang penting samada letrik ataupun air ataupun keretapi ataupun talipon atau telegraph dan sebagainya, sebarang kenderaan dan barangan dan sebagainya dapat berjalan seperti biasa. Ini menjadi kewajipan sebarang pemerintah dan saya kata bukan sahaja semua pihak yang bertanggungjawab akan memberi sokongan, tetapi saya fikir ramai orang dalam Dewan ini dan juga di seluruh negeri akan mendesak, akan meminta, akan membuat rayuan kepada Kerajaan supaya terus menjalankan langkah-langkah dan persediaan supaya kita menjamin pada saat ini di mana kedudukan negara kita barangkali juga terugut dengan ada beribu-ribu perajurit kita di batasan menahankan negeri daripada pencerobohan komunis di kota-kota dan juga di desa-desa kita, kehidupan dan pekerjaan biasa mesti diteruskan.

Sekiranya kalau ada setengah-setengah pemimpin buruh yang oleh kerana sesuatu sebab sudah kehilangan pedomannya dan tidak lagi bersikap dan bergerak sebagai seorang yang penuh bertanggungjawab dan menceraikan kepentingan unions atau dirinya daripada kepentingan nasional, dia mesti mula mempelajari bahawa kepentingan nasional ialah kepentingan utama. Kalau kita menghadapi kepentingan diri dengan kepentingan kebangsaan, kepentingan kebangsaan mesti diberi keutamaan. Kalau kita menghadapi satu masalah di mana kita mesti pilih antara union ataupun bangsa, negara dahulu—union itu nombor dua. Sebarang pemimpin trade unions sebarang pegawai Kerajaan yang tidak menerima hakikat ini akan gugur, akan pecah akan hapus, tidak siapa lagi walaupun jadi hero sehari, hero sebulan, akan tetapi saya percaya akan hilang dan lenyap.

Sebelum saya duduk, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya sudah membaca dengan mendalam segala repot ini dan juga repot yang telah dibentangkan oleh pihak Kerajaan semalam, saya rasa barangkali niat dan tujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengadakan persidangan ini bukanlah untuk kita masing-masing mengeluarkan fikiran dan pendapat berkenaan point-point atau details dengan halus. Sungguhpun saya sudah dapati ada setengah-setengah Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah menyebut

dan telah menarik perhatian kepada bukti-bukti ini, sebab saya rasa yang penting sekarang ialah suatu undi kepercayaan penuh kepada Kerajaan kita dan memberi kuasa untuk menawarkan tanggungaji ini, sungguhpun akan memakan belanja yang begitu banyak, terus akan ditawarkan, akan tetapi saya percaya oleh kerana barangkali ada lagi butir-butir halus, details ataupun ada sedikit sebanyak anomalies yang perlu diperhatikan dan barangkali perlu diadakan dialog ataupun fikiran-fikiran ataupun perundingan, tidak payah secara besar-besaran, tetapi pada satu-satu sektor, satu-satu kumpulan, satu-satu golongan saya percaya bahawa tanpa kita menyuruh ataupun meminta, kerana ketua-ketua kita bertanggungjawab akan melakukan perbuatan-perbuatan semacam ini, tidak payah kita meminta lagi. Dengan sebab itu, saya tidak mahu meminta, saya cuma menyatakan yang saya tidak membangkitkan perkara seperti ini, sebab saya percaya bagi pihak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri, barangkali semasa beliau mengulas nanti akan diterangkan bahawa tentu ada butir-butir seperti ini yang dapat diatasi.

Bagi diri saya sendiri, akhirnya saya suka sebutkan soal pencen. Dalam Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Ali ada beberapa paragraph yang menyebutkan berkenaan dengan soal pencen dan orang-orang yang sudah pencen dan tentang usaha untuk adjustkan pencennya apabila ada kenaikan gaji dan sebagainya. Kabinet sendiri mendapati bahawa ianya sudah luar daripada terms of reference dan tidak membincangkan sepenuhnya, tetapi walaupun begitu ada disebutkan bahawa perkara ini mungkin dan patut barangkali disemak dan dikaji oleh Kerajaan. Itu juga saya tidak dengan secara resmi minta ataupun mendesak kerana sudah Kerajaan sendiri membuat cadangan seumpama itu, cuma saya kata ini demi kepentingan 50,000-60,000 pensioners, mereka merasa kenapa kami ketinggalan tidak juga diambil perhatian. Saya cuma ambil kesempatan ini menarik perhatian bahawa kepentingan mereka itu ada di dalam ingatan Kerajaan sebab Jawatankuasa ini sendiri telah sebutkan bahawa perkara ini sungguhpun di luar daripada terms of reference Ibrahim Ali, barangkali perkara ini patut dikaji. Saya harap ada usaha untuk mengkaji keadaan 50,000-60,000 pensioners supaya bila sudah ada perubahan gaji ini penerimaan mereka juga dapat ditambah sedikit.

Penghabisannya, satu soal sudah berbangkit iaitu kalau gaji ini berjalan tentulah akan timbul perasaan di kampung dan lain-lainnya di mana orang bekerja sendiri dan sebagainya tidak mendapat pendapatan dan sebagainya berbanding dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang begitu untung. Saya sendiri ada memikirkan satu cara iaitu apabila pegawai-pegawai Kerajaan dapat gaji yang sewajar, gaji yang Kerajaan rasa patut mereka terima, durian runtuh, kata orang, tetapi kadang-kadang bila durian runtuh itupun tidak habis tuan kebunnya makan, dia juga membahagi-bahagikan sedikit-sebanyak kepada kaum keluarga, kawan teman dan sebagainya. Begitu juga saya rasa tidak patut kalau kita yang tidak dapat gaji, yang barangkali bercucuk-tanam ataupun menjadi penjaja-penjaja dan membuat perniagaan kecil dan sebagainya merasa keciwa kerana pegawai-pegawai Kerajaan dapat kenaikan gaji, kita tidak dapat langsung.

Pada hemat saya apabila orang-orang yang bekerja dalam Kerajaan ini dapat duit tambahan sedikit tentu mereka ada lebih duit untuk belanja. Bila orang ini dapat lebih duit belanja jikalau dahulu dia beli dua bungkus nasi lemak barangkali sekarang dia beli tiga bungkus, kalau dahulu dia beli sehelai kain sebulan, barangkali dia beli dua helai kain sekarang dan sebagainya. Jadi dengan cara ini saya harap segala kelebihan dan kemewahan yang dinikmati oleh kakitangan Kerajaan ini akan tidak terhad kepada gulungan dan keluarga mereka sahaja, akan tetapi dengan sendirinya (natural) akan merebak dan akan mendatangkan juga sedikit-sebanyak kemewahan dan kesenangan dan untuk orang yang berniaga itu lebih laris lagi perniagaannya. Tetapi saya harap sebagaimana telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat ini ada dua cara perbandingan, kalau ada lebih duit di dalam masyarakat membolehkan lebih banyak dibelanjakan akan membolehkan untuk menghasilkan lebih bahan supaya boleh dijual ataupun ditukar supaya dia dapat lebih untung, ini patut digalakkan dan satu perkara yang tidak patut menimbulkan sebarang perasaan bimbang.

Saya harap selain daripada ini yang kita bimbangkan ialah profiteers iaitu orang yang tidak menambah hasilnya dan tidak menambah perkhidmatannya dan tidak beli barang yang lebih. Kalau dia beri tiga helai baju kerana kita beri \$3.00, dia beri lima helai baju kerana kita beri \$5.00—O.K., tetapi yang

takut ini kita beri \$1.00 dahulu dia beri sehelai baju sekarang jikalau kita beri \$2.00 sama juga sehelai baju. Ini saya harap kita semua, bukan Kerajaan sahaja, semua pengguna mesti daripada masa sekarang siap sedia menentang sebarang usaha daripada profiteers, orang yang akan menggunakan kesempatan menaikkan harga.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan tegasnya memberi sokongan sepenuhnya kepada usul yang dikemukakan itu.

7.15 mlm.

Tuan Leo Moggie (Kanowit): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong sepenuhnya usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam atas beberapa perkara yang masuk di dalam usul itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta izin untuk bercakap dalam Bahasa Inggeris di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Leo Moggie: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, sesudah mendengar Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas I was wondering whether I should stand up to speak because a lot of what I intended to say has been well said by the Honourable Member for Kepala Batas. However, Sir, I would like to add in some parts and maybe to help in elaborating some points that the Honourable Member has already touched on.

Yang pertama sekali, kita banyak mendengar bukan sahaja di dalam Dewan ini ataupun dalam suratkhbar kenapakah Kerajaan memanggil Dewan ini bersidang sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, there has been some questioning as to the propriety in adopting this procedure, tetapi masalah yang menentang kita ini is much higher than a matter of procedure. It is not on a wrong assumption that we meet. Betul semalam seorang Ahli Yang Berhormat ada mengatakan bahawa that the unions will not be in a position to call for a strike because this would be illegal in terms of the Industrial Act. Apa yang kita faham, Tuan Yang di-Pertua, is that this is true in terms of the essential services only. They cannot strike because the notice to strike is now no longer

valid. Tetapi, this point does not apply, I believe, to services which are not considered as essential services. The ballot that was issued before is still very much valid and in this respect, it would seem there is nothing to prevent those who are not dealing with the essential services from engaging in industrial action. Jika ini berlaku mestilah the Government, which has to be responsible for a wider group of people, must take appropriate, preventive and anticipatory action.

Yang kedua, kenapakah ketua-ketua Union yang berkenaan ini tidak senang hati, not happy with the intention of the Government to publicise the text and the contents of the Cabinet Committee's proposal. Mengapakah mereka tidak senang? Kerana di sini one of the objectives that we would achieve is that we can take this opportunity to explain to the majority of members of the unions the facts and the implications, bukan sahaja facts and implications which the union leaders choose to transmit to their members, but the facts and the implications which are based on the original and the revised Ibrahim Ali Report and examined by a high powered Committee of senior Ministers responsible not only for the welfare of the members of the unions and the Civil service, not only responsible for the welfare of some 500,000 people who account to some 4% of our national population, tetapi juga bertanggungjawab atas 11 million people in this country. Kita berharap cadangan ini bukanlah Kerajaan does not take into account the interest of the public servants; the interests of the public servants have been examined and within the capacity of the Government, the senior Cabinet members who sit in the Cabinet Committee have formulated a counter proposal, realistic in terms of ability to pay in terms of our financial requirements for the next few years. Ini masalah yang betul kerana jika kita implement Laporan Ibrahim Ali sepenuhnya, if we just even roughly calculated the figures of the financial implication involved, it would amount to a national deficit amounting to a few billion dollars by 1980. On the Cabinet Committee's Report we will still experience by 1980 a deficit but it would not amount to a billion dollars; it will be very much below that. So, here we are! If the requirements of the leaders of the unions that the implementation of the Ibrahim Ali Report in full must be

done, it is a prescription for the nation to be in deficit of multi billion dollars by 1980 which will reduce to zero our credit-worthiness and our ability to raise loans for projects and for the running of this country. Bukan juga kita mendatangkan masalah atas Kerajaan Pusat tetapi Kerajaan Negeri juga. The Ibrahim Ali Report has implications not only for the Federal services, but it also has implications for State services. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana beberapa sebab yang sudah diterangkan the questioning of the procedure of bringing the matter to Parliament is not valid.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, we are faced with having to assess two basic groups of people and we are asked here to express in no uncertain terms as to which group we have more confidence in—the leaders of the unions and their calculations—seperti yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas, they obviously, understandably have to be concerned with the welfare of their members—and a group of responsible senior Cabinet Ministers who made a counter proposal based not only on the Civil Service alone but on the nation as a whole. Jika inilah masalah yang timbul kepada saya sendiri ini tidak ada menjadi masalah lagi because the basic question of confidence and credibility between the two groups is something that appears very obvious if it comes to a choice. Kerana di sini bukanlah kita tidak menambahkan gaji-gaji orang-orang yang bekerja because we must be thankful for the dedication and contribution of our public service both at Federal and State levels. We must also be mindful of their needs. I am being honest here and I do not claim to know the full details of either the Ibrahim Ali Report or the Cabinet Committee's Report, but I am prepared to accept and to place my confidence in the group of people who are responsible for drawing the alternative proposals that we have in front of us kerana saya nampak it is a question in simple terms of whether we approve 500 odd million dollars or whether we accept some 240 odd million dollars. But there is definitely an increase in simple terms without going into the detailed ramifications, and whether anomalies that may still exist, there is an improvement of some 249 million odd dollars to the present pay that our Civil Service takes. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, it is obvious as I stand here

that the choice is a pretty clear one and that that choice is to support in full Usul yang sudah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam.

7.25 mlm.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri yang bijak dan tegas menyokong pendirian Kerajaan menolak tuntutan Majlis bersama Kebangsaan bagi pegawai-pegawai dan pekerja dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan supaya melaksanakan Lapuran Gaji Ibrahim Ali.

Rakyat di kawasan saya turut menyokong Kerajaan bagi melaksanakan satu skim tanggagaji Lapuran Jawatankuasa Kabinet yang telah tersiar di akhbar dua hari yang lalu. Mereka telah mengharapakan supaya Kerajaan berteliti dan tegas. Saya yakin rakyat seluruh negara berpuas hati tindakan Kerajaan ini.

Kita juga berkeyakinan bahawa pemimpin Kesatuan Sekerja bertujuan untuk mendapatkan satu tanggagaji yang baik untuk ahli-ahlinya ini adalah satu langkah yang bagus sebagai satu pembelaan. Tetapi mereka lupa atau tidak mahu memahami akan kesulitan negara yang sedang membangun bagi melaksanakan pembangunan negara dan keselamatan negara yang menelan perbelanjaan yang besar ditanggung oleh negara pada hari ini.

Begitu juga rakyat di luar bandar yang hidup menderita dan 95% daripadanya mereka hidup dengan hasil tani, nelayan, pekebun kecil, setengah tempat mereka makan sekali sehari, pendek kata 2 kati getah tak boleh dapat sekati ikan rebus, atau 6 kati getah baharu boleh dapat segantang beras sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah dilaksanakan gaji Ibrahim Ali—kenaikan barang-barang sudah pasti berlaku. Maka mereka yang menikmati gaji yang lumayan ini, tidak akan terasa. Tetapi bagaimana dengan rakyat yang susah tadi mereka akan bertanya kepada kami di mana pula lapuran kami, apa pula yang hendak dijawab.

Tuan Yang di-Pertua, hendak hidup, makan, pakai dan tempat perlindungan—tetapi barang mahal, mereka akan menuduh Kerajaan tidak adil.

Sepatutnya pemimpin Kesatuan Sekerja sedar dan turut melaksanakan dasar penyusunan masyarakat dalam kontek Dasar Ekonomi Baru supaya mereka benar-benar mewakili seluruh keturunan negara kita ini.

Kita telah menengok contoh negara luar seperti di England, dengan adanya pemimpin Trade Unions yang begitu lantang dan bongkak dengan menggunakan senjata mogok dan Industrial Action maka negara itu hampir meleset. Inilah akibat mementingkan segelintir manusia dan tidak mahu meletakkan keutamaan bagi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu pemimpin Kesatuan Sekerja yang militant seperti ini kerana adalah bercanggah dengan falsafah Dasar Ekonomi Baru. Kalau terjadi hal yang demikian, siapa yang susah melainkan Kerajaan yang menanggung beban dan rakyat jelata yang menderita dan saya berasa curiga dan sangsi kalau rakyat memberontak kerana tidak puas hati sekiranya Lapuran Ibrahim Ali ini dilaksanakan. Wang begitu banyak dibayar kepada gaji dan barang-barang pula bertambah naik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi masalah yang akan timbul, sekiranya berlaku tindakan mogok maka pihak Kerajaan tidak ada jalan lain melainkan mengisytiharkan kuasa-kuasa dharurat dan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyiasat apakah motif yang sebenarnya, adakah perjuangan mereka ini tak cukup gaji atau ada motif yang lain dan diharapkan menggunakan segala kuasa untuk mencekup pemimpin yang militant kerana perbuatan mereka akan menimbulkan huru-hara dan kepincangan ekonomi serta menebas jalan untuk kominis dalam negeri ini kerana sekarang kita berhadapan dengan kominis dan jangan pula kita timbul sejenis musuh dalam masyarakat yang akan menguntungkan kominis.

Sebaliknya kalau pemimpin ini jujur dan ikhlas, mereka akan menerima cadangan Lapuran Jawatankuasa Kabinet yang ada di hadapan saya ini, saya berkeyakinan sebilangan besar pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan serta Badan-badan Berkanun dan Kuasa Tempatan dalam negara

kita ini patuh dan dedikasi menjalankan kerjanya dengan tenang dan yakin demi kepentingan negara.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri petang semalam di Dewan yang mulia ini, semoga kita memperolehi titik pertemuan yang direstui oleh Allah.

7.34 mlm.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama menyokong sepenuhnya usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri di dalam Dewan ini semalam.

Kami sukacita dan bersetuju sangat Dewan ini mengadakan mesyuarat khas ini berkenaan dengan membahaskan perkara yang begitu penting mengenai tanggagaji yang melibatkan kepentingan rakyat dan negara seluruhnya. Apabila saya memerhatikan syor yang dibuat oleh Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali di mana peruntukan kewangan yang begitu banyak diperlukan bukan sahaja pada hari ini bahkan di masa-masa akan datang yang boleh menjejaskan segala rancangan pembangunan yang sangat-sangat diperlukan oleh rakyat yang tidak bernasib baik yang bertaburan di seluruh negara seperti kaum tani, nelayan atau pekebun-pekebun kecil baik di Semenanjung mahupun di Sarawak dan Sabah lebih-lebih lagi di saat negara ini begitu memerlukan wang untuk keselamatan negara yang terancam oleh anasir jahat seperti Dewan sedia maklum.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali juga tidak begitu menimbang atas pegawai-pegawai Kerajaan yang mendapat gaji rendah seperti kenyataan di dalam laporannya, segala elaun yang menasabah pun dibatalkan. Ini saya rasa tidak begitu sesuai pada masa sekarang, elaun-elaun yang penting dihapuskan; elaun seperti ini juga sudah tentu dapat meringankan beban yang ditanggung oleh pegawai-pegawai yang berkenaan. Jika sekiranya syor Gaji Ibrahim Ali dilaksanakan, saya berasa bimbang banyak Majlis Tempatan seperti di Negeri Sarawak menjadi bankrupt. Mungkin juga ada negeri-negeri dalam Malaysia ini menerima nasib yang serupa itu juga. Oleh hal yang demikian, dengan berpanduan kepada segala kenyataan dalam buku Lapuran Suruhanjaya Gaji Di Raja 1975 maka sudah tentu maksud dan

tujuan tanggagaji yang disyorkan itu tidak begitu menasabah dan boleh mengakibatkan kepentingan golongan yang berpendapatan rendah tidak seimbang dengan golongan yang mendapat gaji yang tinggi dan juga kes pelaksanaannya melebihi kemampuan Kerajaan menanggungnya seperti yang telah dihuraikan panjang lebar oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri sewaktu membentangkan usul ini semalam. Oleh sebab yang demikian, saya rasa adalah kena pada masanya pihak Kerajaan meminda atau menolak Lapuran Tanggagaji Ibrahim Ali dengan menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet untuk melayan dan memperbaiki lagi tuntutan gaji dari pihak Perkhidmatan Awam dan sebagainya dengan lebih bertimbang rasa dan mengutamakan kepada yang kurang bernasib baik serta juga memikirkan berbagai bidang mengenai ekonomi negara dan kewangan Kerajaan, baik secara langsung atau tidak dan melibatkan bebanan kepada rakyat jelata terutamanya golongan yang miskin yang tidak mempunyai pendapatan yang tetap. Oleh kerana keadaan yang demikian, saya rasa syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet adalah berpatutan dan menasabah bagi melaksanakan tanggagaji dan pencen yang boleh menjamin setiap pegawai dalam Perkhidmatan Awam atau Badan-badan Berkanun di seluruh negara ini. Ini sudah jelas kepada rakyat yang setia sama-sama bertanggungjawab kepada keselamatan untuk berkorban sedikit sebanyak bagi kepentingan negara tidak hanya menyerahkan segala urusan untuk kebaikan dan kemakmuran terserah bulat-bulat sahaja kepada tanggungjawab pihak Kerajaan sepertimana yang telah disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap terdahulu dari saya di dalam Dewan ini.

Bagi menyokong cadangan Kerajaan melaksanakan satu tanggagaji berasaskan kepada Lapuran Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, di sini ingin juga saya menyentuh mengenai elaun khas bagi pekerja atau Polis dari Negeri Sarawak yang bertugas di Semenanjung haruslah diberi pertimbangan supaya mereka itu diberi elaun khas sepertimana pekerja atau ahli-ahli Pasukan Keselamatan mendapat elaun khas bertugas di Sarawak dan Sabah seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Kabinet. Bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam dan Jabatan-jabatan di bawah kuasa Persekutuan

seperti Jabatan Kesihatan, Imigresen dan lain-lain lagi, mengikut yang saya ketahui Travelling Allowance mereka sewaktu menjalankan tugas jauh lebih kecil dari pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Negeri seperti yang terdapat di Sarawak sekarang walaupun tanggagaji mereka lebih kurang sama. Oleh itu, saya ingin mengesyorkan kepada Jawatankuasa Kabinet supaya memberi pertimbangan yang sesuai kepada perkara ini supaya Travelling Allowance pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam baik di peringkat Jabatan Persekutuan dan Negeri seperti terdapat di Sarawak hendaklah disamakan mengikut tanggagaji masing-masing.

Di sini suka juga saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan baik Majlis Tempatan dan Badan-badan Berkanun di Negeri Sarawak samada pegawai-pegawai kanan dan bawahan atas dayausaha mereka berganding bahu bagi menayakan segala tugas dan rancangan Kerajaan untuk kemajuan rakyat dan negeri itu dengan tidak memikirkan sangat masalaah gaji mahupun elaun mereka. Saya juga mengucapkan syabas kepada union kakitangan pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak yang tidak terlibat atau tidak masuk campur dalam tuntutan gaji ini. Saya anggap mereka ini mempunyai persefahaman dan bertimbang rasa kepada pihak Kerajaan di dalam keadaan masa negara menghadapi kesulitan kewangan bagi melaksanakan projek raksaksa Rancangan Malaysia Ketiga.

Saya anggap mereka itu mempunyai perasaan sefahaman dan bertimbang rasa kepada pihak Kerajaan di dalam keadaan masa negara menghadapi kesulitan kewangan bagi melaksanakan projek raksaksa Rancangan Malaysia Ketiga. Di samping itu juga memerangi berbagai masalaah seperti dadah berbahaya, membasmi kemiskinan, memperbaiki moral di kalangan muda-mudi dan lain-lain lagi yang menjadi masalaah besar seperti kekurangan bahan makanan yang diperlukan oleh rakyat terutama beras. Ini semua sudah tentu menggunakan wang yang begitu banyak untuk melaksanakannya. Oleh itu, saya merayu terutamanya kepada pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam yang ada kaitan dengan perubahan tanggagaji ini khususnya di negeri Sarawak dan amnya di seluruh Malaysia supaya menyambut baik keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet yang telah dibuat untuk kebaikan dan keselamatan seluruh rakyat di

tanahair kita. Pihak Kerajaan sudah cukup bertimbang rasa atas masalah gaji ini jika dibandingkan dengan negara-negara jiran kita yang lain. Saya berharap pihak Kerajaan akan bertindak dengan tegas menghadapi masalah yang mungkin timbul daripada perbuatan yang tidak puas hati atas perkara masalah tanggagaji yang disyorkan oleh Jawatankuasa Kabinet itu. Rakyat jelata adalah berdiri teguh di belakang Kerajaan bagi menegakkan keadilan.

Akhirnya sekali lagi saya menyokong syor Jawatankuasa Kabinet tentang tanggagaji Perkhidmatan Awam dan lain-lain dan menolak syor yang dibuat oleh Suruhanjaya Ibrahim Ali.

7.42 mlm.

Tuan Chin Hon Ngian (Rengam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong penuh pendirian Kerajaan atas usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya tidak bimbang menyentuh tentang details yang telah pun terkandung dan disentuh di dalam beberapa lapuran yang berkenaan. Masalah atau pilihan yang kita hadapi sekarang adalah samada kita mengimplementasikan sekim tanggagaji yang berasaskan kepada Lapuran Jawatankuasa Kabinet yang baru dibentangkan dalam Dewan ini ataupun sekim tanggagaji yang berasaskan kepada Lapuran Ibrahim Ali bagaimana yang dikehendaki oleh Majlis Bersama Kebangsaan bagi pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam, badan-badan berkanun dan pengusaha-pengusaha tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris di mana-mana perlu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Chin Hon Ngian: Terima kasih. Setahu saya, walaupun Kerajaan menolak sekim tanggagaji yang disyorkan dalam Lapuran Ibrahim Ali akan tetapi Kerajaan tidak menolak tuntutan naik gaji. Sebaliknya Kerajaan telah pun mencadangkan kenaikan tanggagaji yang akan mendatangkan faedah kepada tidak kurang daripada 300,000 pekerja atau kakitangan Kerajaan yang berpendapatan rendah. Tambahan pula mereka yang dalam tanggagaji yang lebih tinggi akan dapat kenaikan gaji juga walaupun kenaikan yang disyorkan adalah kurang

daripada apa yang disangkakan atau diharapkan. Ini bermakna dan membuktikan bahawa Kerajaan bergerak dengan "good faith" dan kita harap bahawa Staff Side akan menerima tawaran Kerajaan dengan semangat yang sama. Tidak boleh dinafikan bahawa semua pekerja di mana-mana pun berkehendakkan gaji yang paling tinggi tetapi tuntutan yang dibuat mestilah menasabah. Tuntutan yang tidak menasabah akan menyebabkan akibat yang serius. Di dalam private sector tuntutan naik gaji yang tidak menasabah akan mengakibatkan pihak majikan menjadi bengkrap dan menutup firma atau kilang-kilang dan ini akan mengakibatkan beratus-ratus atau beribu-ribu pekerja hilang pekerjaan mereka.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, the first and most attractive recommendation is that it would give about 300,000 public servants in the lowest categories substantial increases. In the lowest category the monthly salary of \$150 has been increased to \$195, an increase of about 30%. Perhaps in the not-too distant future this figure of \$195 can be changed to a round figure of \$200. Taking into consideration the present cost and standard of living, even \$200 a month is not very much.

The second attraction is that the 300,000 public servants form the majority of Government employees and any decision made to benefit the majority fits in, or is in accordance with the principle or concept of democracy.

In giving a better deal to its employees in the lowest rung of the Public Service, the Government is, in fact, carrying out its promises of raising the standard of living of the low income group.

I cannot understand why the Staff Side should reject the Government's proposal, which is fair and reasonable, especially when this pay offer will be back-dated to 1-1-1976. This is certainly a windfall or a bonanza for the lower paid Civil servants.

It is understood that the implementation of the above salary scales for 1976 and 1977 will cost the Government a total of about \$604 million. This is certainly a staggering amount. But if the Government were to implement the Ibrahim Ali Commission's recommendations fully for the same period, it would cost the Government \$1,300 million.

There are two points worth our attention. first, it would cost more than twice the amount as recommended by the Cabinet Committee and the Government simply cannot afford it, and, secondly, the benefit that would accrue to the 300,000 Civil Servants in the lowest categories will be less as well. This is not fair to this low income group.

Another important point to bear in mind is that even if the Government can afford to pay out the \$1,300 million, it will be more beneficial as a whole to use the balance of \$696 million to build more low-cost houses for the poorer section of our people. Taking the figure of \$10,000 per unit, this amount of \$696 million can provide 69,600 more houses.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah mencapai kemerdekaan hanya baru dua-puluh tahun berasaskan kepada sistem demokrasi berparlimen dan kita masih dalam eksperimen dengan sistem ini dan kita semua ada obligasi moral (moral obligation) untuk memperkukuhkan institusi-institusi yang amat perlu dalam sistem demokrasi.

Salah satu institusi dalam sistem demokrasi ialah a free and strong trade union movement with the right of collective bargaining. If the trade union movement is free and strong, it must also be mature and responsible, and I must emphasise here that the trade union movement in this country has shown their maturity and responsibility.

While fighting for the rights of the members, the trade union movement must not overlook the higher national interest. With maturity and responsibility comes restraints. In this respect, we must make a distinction between the trade union movement in a portion of the private sector and the trade union movement involving the whole Public Service. Of the ultimate weapon of strike is used, say, by those employed in the hotel industry, the consequences to society will not be that serious compared with the general strike by the public sector unions. Therefore, strikes in strategic and essential services, if sufficiently widespread or prolonged, may threaten or cause a collapse of the national economy. This is a very powerful weapon and a threat to use this weapon can cause great alarm and in the case before us, it cannot be denied that this very threat has been used.

Tuan Yang di-Pertua, di public sector sebagai kedudukan yang kita hadap sekarang prospeknya adalah amat serious. Kita berharap pimpinan Staff Side tidak menganggap situasi yang kita hadapi sekarang ini satu situasi test of strength. Tetapi nampaknya dan dari lapuran-lapuran akhbar yang kita baca dalam suratkhbar, pemimpin-pemimpin unions atau Kesatuan Sekerja menganggap ini sebagai test of strength kerana mereka dilaporkan mengancam industrial action yang mana termasuk mogok dan mungkin "go slow". Jikalau mereka buat begitu bencana besar atau malapetaka nasional akan terjadi dan akibatnya kita semua yang rugi.

Kita harap perkara ini tidak akan terjadi, jikalau ada tanda-tanda yang menunjukkan krisis ini akan terjadi, maka kita cadang bahawa untuk survival negara kita, Kerajaan pasti mengisytiharkan keadaan dharurat untuk menghadapi kedudukan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, it is fair to say that our Civil Service is one of the best in this part of the world and we are proud of it. The Civil servants have shown their dedication to duty and all this while have been very responsible and have co-operated well with the political leadership of this country. I am confident that the same dedication, responsibility and co-operation will continue, so that the political leadership and the Civil Service can move forward as a united team to ensure the success of the Third Malaysia Plan which has just entered its second year. Working together the political leadership and the Civil Service can build a more just, equal and prosperous democratic society for all of us and when we are prosperous I am sure another revision of salary will be forthcoming.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cadang hendak menempohkan persidangan pada pukul 8.15 malam lebih kurang. Nampaknya ada dua orang Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, jadi masa yang ada ini hendaklah dibahagi dua supaya kedua-dua dapat bercakap.

Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

7.55 mlm.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam satu usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kelmarin mengenai Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Di-Raja 1975.

Tuan Yang di-Pertua, Parti DAP telah dengan terang menentukan sikap dan kedudukannya dalam issue ini oleh rakan-rakan saya dari Kota Melaka dan Seremban bahawa Parti DAP menentang keras usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sungguhpun Ahli-ahli Parlimen dari Pembangkang bilangannya sangat kecil, tetapi suara kita nyaring dan terang dan saya rasa suara ini adalah mencerminkan 560,000 kakitangan-kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam issue yang ada dihadapan Dewan ini, saya rasa credibility Kerajaan adalah menyusahkan. Kepercayaan Kerajaan Barisan Nasional adalah menjadi satu soal sekarang. Oleh kerana pada masa ini Kerajaan Barisan Nasional adalah memberi satu pengharapan yang tidak benar (false hopes) kepada CUEPACS serta semua kakitangan Kerajaan. Pengharapan yang tidak benar itu ialah Kerajaan akan melaksanakan Suruhanjaya Gaji Di-Raja. Kerajaan Barisan Nasional telah menyesatkan union-union bahawa apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang balik dari Egypt, issue gaji itu akan diselesaikan. Tetapi malangnya seperti kita semua tahu Kerajaan hanya gunakan masa untuk "menipu" CUEPACS serta kakitangan Kerajaan. Hari ini kita semua dapat tahu Kerajaan telah menolak Lapuran Ibrahim Ali dalam wholesale

Tuan (Timbalan Yang di-Pertua): Ahli Yang Berhormat, cuba jangan gunakan perkataan "tipu" itu, kerana unparliamentary. Gunakan perkataan lain.

Tuan Oh Keng Seng: Barangkali Tuan Yang di-Pertua ada baca satu gambar cartoon semalam

Tuan (Timbalan Yang di-Pertua): Saya tidak peduli cartoon itu. Tarik balik perkataan "tipu" itu. Banyak perkataan lain lagi yang seerti dengannya.

Tuan Oh Keng Seng: Saya akan gunakan perkataan "menyesatkan" (misleading) CUEPACS.

Tuan (Timbalan Yang di-Pertua): Bolehlah.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, patutlah Kerajaan menerima Lapuran Ibrahim Ali dengan pindaan di mana-mana yang sesuai atau perlu. Saya rasa kalau Kerajaan menolak Lapuran Ibrahim Ali dengan wholesale atau total, ini tentulah tidak adil. Dan ini boleh jadi Kerajaan telah salah gunakan wang untuk melantik satu Suruhanjaya. Suruhanjaya ini telah menjalankan tugas dan memberi satu lapuran kepada Kerajaan dan Kerajaan pula tidak terima lapuran itu, sebaliknya menolak dengan wholesale. Ini telah membuang masa, tenaga dan juga wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, apa gunanya Kerajaan menggunakan wang rakyat yang banyak serta tenaga bagi melantik satu Suruhanjaya kemudian menolak lapuran daripada Suruhanjaya itu? Kita nampak ada banyak contoh dimana Kerajaan telah salah gunakan wang untuk melantik Suruhanjaya, kemudian menolak lapuran daripada Suruhanjaya itu.

Hari ini Parlimen diminta menolak Lapuran Ibrahim Ali dan menerima satu lapuran daripada Kabinet. Sikap Kerajaan ini macam dictator, Tuan Yang di-Pertua—take it or leave it. Saya rasa attitude ini tidak elok. Dengan membawa usul kepada Dewan ini, Kerajaan telah menutup semua pintu untuk membincangkan issue-issue antara Kerajaan dengan CUEPACS dan juga dengan membawa usul ini ke Parlimen, Kerajaan telah menggunakan Parlimen ini sebagai alat to fix up CUEPACS. Ini saya rasa tidak berdemokrasi. Kerajaan sepatutnya memberi peluang kepada CUEPACS untuk membincangkan semula cadangan-cadangan yang boleh dapat dipersetujukan oleh kedua-dua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan usul ini semalam dan hari ini kita dapat mendengar banyak ucapan-ucapan dari pihak Barisan Nasional yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi ugutan (threat) kepada pemimpin-pemimpin CUEPACS. Saya rasa ini tidak perlu dan tidak elok, oleh kerana dalam Parlimen ini patutlah kita berbincang pros dan cons mengapa Kerajaan tidak boleh melaksanakan Lapuran Ibrahim

Ali, Parlimen bukanlah satu tempat yang kita boleh memberi ugutan dan Parlimen juga bukanlah satu tempat yang kita boleh menuduh pemimpin-pemimpin CUEPACS bahawa jika mereka menjalankan tindakan perusahaan, mereka akan menjadi anti nasional atau kominis dan sebagainya. Saya rasa forum seperti Parlimen ini patutlah ditimbangkan di mana kita tidak boleh melaksanakan Lapuran Ibrahim Ali. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan hari ini janganlah meluluskan usul ini dan menarik balik supaya kedua-dua pihak, Kerajaan dan CUEPACS boleh duduk dalam satu round table untuk mencari solution yang memuaskan kepada kedua-dua pihak. Saya rasa kalau kita gunakan Parlimen sebagai satu alat, implikasi-implikasi yang akan datang sangat berat.

8.03 *mlm.*

Tuan R. Rajasingam (Jelutong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Lapuran Jawatankuasa Kabinet. Oleh sebab perkara yang saya hendak sebutkan mengandungi technical terms saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan R. Rajasingam (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, firstly there was this questioning of how this could be brought to Parliament. If all Honourable Members had only read the Constitution of Malaysia, they would have seen that under Article 40 (1) it is the Executive that can advise the Yang di-Pertuan Agong to do certain acts and he has no prerogative powers but to act on it. In the appointment of the Ibrahim Ali Commission, it was the Executive who appointed the Commission and therefore it cannot be challenged that the Executive had the residual powers when there was a national crisis. Here I would take the words of the Honourable Prime Minister and the Honourable Deputy Prime Minister that the national economy was in no state to implement the full implications of the Ibrahim Ali Report. By virtue of Article 40, the Executive had the powers which were rightfully exercised. On the 19th and 20th of this month it was decided by the Federal Court in an appeal where I appeared that these were Executive powers; the Yang di-Pertuan

Agong exercises four functions as the prerogative powers and the other functions are on the Executive and here the Executive, notwithstanding the appointment of a Commission for salaries to be reviewed, rightfully did refer this to this august House because they found that the full implementation of this policy would bring about a disaster in our national economy. I personally feel that the question of Parliament usurping the powers of negotiation does not arise. Legally, this House has done the right thing. The Honourable Prime Minister has done the right thing in calling and in assembling all Members of Parliament who are the Representatives of the people.

Secondly, Sir, many speakers have spoken on the pros and cons of the Ibrahim Ali Commission Report. I would only like to make two comments: one is that the Ibrahim Ali Commission when it sat never considered the ability of the Government to meet the increased commitments in the salary scales. That we do not blame them. In all the collective agreements with which I have been involved involving many trade unions, the first question is to look into the ability of the employers to pay. If the employers are unable to pay, the workers cannot demand because it is going to kill the goose that lays the golden eggs.

The second fallacy which the Ibrahim Ali Commission made was that they widened the gap between the "have-nots" and the "haves". In this respect, Mr Speaker, Sir, I say that differential rating (gap) in the Ibrahim Ali Report between the lowest paid and the highest paid groups was 25 times, but the Committee appointed by the Cabinet under the chairmanship of our Honourable Deputy Prime Minister reduced this gap to 18 times which in terms of our Third Malaysia Plan and, personally to my conscience, we should never widen but we should narrow this gap.

As regards the pros and cons on the other items which were brought by the CUEPACS and the Government or our Executive, I have not had much time to go through the Report in detail, but I will take the words of the Honourable Deputy Prime Minister to say that our economy will not sustain the full implementation of the Ibrahim Ali Report. But here once again I must say that the Cabinet Committee did one thing which I support fully, that is increasing the pay of the IMG group, and I wish that in two years

or three years to come we could increase the pay of the lowest income group, i.e. the IMG group and the workers in the lowest paid group in our Government services to a higher amount rather than increasing the salaries of the sub-professional and professional groups. Here once again, the Cabinet Committee at last for once has made a decision in differentiating between the professional and other groups, in that, Mr Speaker, Sir, there was a time in this country prior to the implementation of the scheme, an ordinary graduate from the University of Malaya, a B.A. graduate who did three years study and a medical graduate who did six years study, subsequently the medical graduate did two years registrarship in a hospital and three years post-graduate course and that would take him to the 11th year and at the 11th year when he came back as a specialist he would be drawing less than a B.A. graduate. This anomaly has been rectified by the Committee and I hope with this we would not have an exodus of specialist doctors leaving our country because of frustration. This is one good anomaly that has been rectified.

Sir, I am not going into the details of the Report because I have not fully read it, but I am with the Honourable Deputy Prime Minister who chaired this Committee when he said that the national economy was at stake, and I would call upon every Malaysian who claims to be a Malaysian in the Government sector that if our national economy is at stake, then they should withhold, restraint all their claims till it is stabilised and then possibly the Government or the Cabinet would review this matter again.

Lastly, Sir—I do not know whether any Member in the House has already done so— notwithstanding that we have rejected the Ibrahim Ali Commission, I would like to say a word of thanks to them for having put in 190 days of work, if I am not mistaken, and subsequent to that for their Revised Report. I think it is only proper for us at this stage to say “thank you” to them and also to this sub-Committee formed by the Cabinet and the Secretariat for producing a very voluminous record on schedule. Though many of us may say that we did not have the time to read it, but the efficiency of the Civil Service is shown in this one particular instance where they worked over-time and produced a voluminous record, and I would like to thank these two particular Committee. I would not

go further into the details because I am not in a position to do so. However, if the national economy is at stake, then all of us will have to give in if we are Malaysians, if we are going to live in this country if we are not going to live here, if we are thinking of migrating, then that in another question, Mr Speaker, Sir, (*Ketawa*) There are many who are thinking of migrating and many who have migrated. If we are going to adopt their attitude, then let us oppose this move by the Government and take this opportunity to oppose it. But if we are true Malaysians, then let not the country go into bankruptcy because we are unable to pay the public sector within our current expenditure, that is a very bad sign to our economy. So I call upon the workers, especially the lower income group, to accept this as a temporary measure and when the country's economy is in a more stable condition the passing of this Motion does not stop them completely from opening or negotiating again next year or the year after. Possibly our off-shore petroleum drilling may bring us a windfall, and I am sure that I as a Barisan Nasional Member would support that and would table a Motion in this House to review the pay.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ini ditempohkan selama 14 minit. Dewan akan bersidang semula pada pukul 8.30 malam.

Persidangan ditempohkan pada pukul 8.16 malam.

Persidangan disambung semula pada pukul 8.30 malam.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menggulung perbahasan atas usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri.

8.30 mlm.

Timbalan Perdana Menteri (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, selama dua hari Dewan ini telah membincang usul yang dibentangkan dengan mendalam sehingga terpaksa Tuan Yang di-Pertua sendiri melanjutkan masa sitting untuk memberi peluang kepada seramai-ramainya Ahli-ahli berucap.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat samada daripada pihak parti-parti penyokong Kerajaan ataupun Pembangkang yang telah menunjukkan dengan minat mereka berbahas bahawa memanglah wajar Kerajaan merujuk perkara gaji ini kepada Dewan dan memanglah benar soal gaji ini adalah satu matter of public interest and concern yang perlu difaham dan dibincang oleh semua pihak.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri telah menegaskan hak Dewan ini membincangkan masalaah gaji pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam. Biasanya gaji adalah soal majikan dengan pekerja-pekerja dan lain-lain pihak tidak berhak campur tangan, tetapi majikan dalam kes ini bukan seorang taukeh yang menanam modal untuk mencari untung dari pengeluaran satu alat luxury yang tidak penting bagi kesempurnaan hidup manusia. Jikalau ini adalah masalaah majikan, pekerja dan luxury goods orang lain tidak terlibat secara langsung dengan pertikaian antara majikan dengan pekerjanya. Jika luxury goods itu tidak dikeluarkan atau naik harga, orang ramai boleh berhenti daripada membelinya ataupun membeli barang yang dikeluarkan oleh orang lain. Tetapi dalam perkara pertikaian antara Kerajaan dengan kakitangannya semua rakyat terlibat secara langsung samada ianya anak di dalam buaian ataupun orang tua yang sudah tidak ada gigi, ianya terlibat. Anak dalam buaian akan rasai break down anika jenis khidmat seperti letrik, kenderaan, air, talipon dan taligram, perubatan dan kesihatan, pengedaran makanan perlu dan lain-lain, sama seperti orang tua yang tidak ada gigi dan sebenarnya sama dengan sesiapa juga.

Dalam mogok pekerja perkhidmatan kuasa (power authority) di Britain, orang tua dan pesakit telah mati kerana terlalu sejuk. Dalam mogok kakitangan hospital juga di negeri itu pesakit terpaksa menahan sakit kerana rawatan terganggu dan banyak lagi contoh yang menunjuk kesan terhadap orang asing sebelah dalam mogok Perkhidmatan Awam. Oleh itu, pertikaian antara Kerajaan dan kakitangannya kita tidak boleh menerima bahawa dalam pertikaian ini adalah masalaah majikan dan pekerja dan pihak orang lain tidak boleh campur tangan. Sedaya upaya kita, Kerajaan cuba menyelesaikan masalaah ini tanpa melibatkan orang lain, tetapi yang mula melibatkan orang lain ialah pemimpin kesatuan yang mendesak supaya ahli mereka mogok.

Apabila ini dibuat, seperti mana yang saya sebutkan tadi orang ramai akan menderita. Oleh kerana orang ramai yang akan merasai tindakan mogok Perkhidmatan Awam maka mereka berhak mengambil tahu dan membincang cara-cara menyelamatkan diri mereka. Sebab inilah Dewan dipanggil bersidang jika kita tidak dapat memberi masa yang panjang untuk Ahli Yang Berhormat mengkaji laporan-laporan dan usul, ini adalah oleh kerana ancaman mogok pada 31hb Januari yang dibuat oleh ketua-tua kesatuan. Ini telahpun disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang dan saya tidak perlu ulas.

Tentang tuduhan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa cadangan tanggagaji baru Kerajaan merupakan satu *fait accompli* dan kesatuan tidak diberi peluang menelitinya, ini juga disebabkan oleh ugutan pemimpin Kesatuan Sekerja hendak mogok pada 31hb Januari. Ugutan ini masih diulang oleh Setiausaha CUEPACS dan President Kesatuan Pekerja Teknikal. Jika mereka tidak mendapat masa, ini adalah pilihan mereka sendiri. Mereka memberi kata dua bahawa kalau Dewan ini bersidang, mereka tidak akan tempuh sama sekali laporan Kerajaan. Mereka mendesak supaya Dewan ini tidak bersidang walaupun notis untuk bersidang telahpun dikeluarkan kerana kata mereka, mereka ingin melihat laporan ini semata-mata kalau tidak diberitahu kepada orang ramai dan kalau dibincang di dalam Dewan ini maka orang ramai akan mengetahui isi kandungan laporan cadangan Kerajaan itu.

Jika mereka menunjuk keinginan mahu berunding dalam atmosphere yang tidak penuh dengan ugutan-ugutan, proses rundingan biasa boleh diadakan berkenaan dengan cadangan baru Kerajaan ini tetapi mereka awal-awal lagi menetapkan pendirian mereka "don't tamper", jangan pinda ataupun sentuh Laporan Ibrahim Ali, kata mereka. Jikalau tidak ada pengakuan Kerajaan melaksanakan Laporan Ibrahim Ali dengan sepenuhnya termasuk pindaan sedikit oleh CUEPACS, kami akan mengambil tindakan perusahaan pada 31hb Januari, 1977.

Kita tidak membincang apa dianya pindaan sedikit ini. Bolehlah saya bayangkan sedikit di sini iaitu pindaan sedikit ini akan melibatkan perbelanjaan bagi tiap-tiap orang tidak kurang daripada \$80 lebih daripada yang dicadangkan oleh Ibrahim Ali sendiri dan saya

tinggallah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mencongak kalau satu bulan ditambah perbelanjaan \$80, untuk 12 bulan kali mungkin 500,000 orang, kita akan dapati bahawa jumlahnya mungkin meningkat kepada ratusan ribu tambahan. Kita tidak mahu bincang apa-apa cadangan lain oleh Kerajaan, kata pemimpin-pemimpin kesatuan. Jadi, apabila Kerajaan menyediakan laporannya, kita tidak ada jalan lain kerana lebih awal-awal lagi mereka telah berkata bahawa mereka tidak mahu bincang berkenaan dengan laporan-laporan yang lain.

Kita terpaksa mengemukakan kepada ramai laporan balas Kerajaan supaya bukan sahaja rakyat tetapi ahli-ahli union juga dapat memeriksanya. Kita tidak mahu supaya berbagai tuduhan dibuat jikalau laporan ini tidak diketahui umum. Kita tidak mahu proses yang berjalan berkenaan dengan Laporan Ibrahim Ali berlaku semula iaitu kesatuan menuduh Kerajaan tidak buat perkiraan yang betul dan lain-lain dan Kerajaan terpaksa berunding dan menjelaskan tak berputus-putus dan semua penjelasan Kerajaan ditolak oleh pemimpin kesatuan dan akhirnya kenaikan gaji pekerja ditangguh berbulan-bulan dan mungkin bertahun. Kerajaan ingin supaya kenaikan gaji dibuat dengan segera. Jika ahli-ahli kesatuan dapat memeriksa cadangan balas Kerajaan, mereka dengan mudah boleh menentukan sikap mereka sendiri. Sebab itu jika pemimpin kesatuan dihadapi dengan satu cadangan tanpa diberi masa, ini adalah disebabkan oleh sikap pemimpin union sendiri. Perbuatan mereka menyekat penyelesaian dan mengekalkan perasaan tidak puas hati di kalangan kakitangan Kerajaan adalah sebabnya yang sehingga ini pekerja tidak dapat gaji baru. Lebih lama mereka dipaksa menunggu lebih banyak bayaran elaun yang patut mereka terima di bawah skim baru ini akan terkorban kerana sepertimana semua pihak mungkin maklum tidak ada tunggakan bagi elaun, cuma ada tunggakan bagi gaji bersih. Ahli-ahli Kesatuan dan yang bukan ahli Kesatuan boleh buat perkiraan berapa banyak yang mereka akan hilang kerana kedegilan pemimpin yang tidak pun mahu terima buku Laporan Gaji Kerajaan. Kita mengakui Laporan Gaji tentu mengambil masa untuk kedua-dua pihak memeriksa tetapi setelah diperiksa tidak patut ada delay dalam pelaksanaannya.

Laporan yang disediakan akan menjadi asas gaji baru. Ini adalah pengakuan bahawa perundingan masih boleh dibuat untuk membetulkan apa-apa kesilapan atau kekurangan yang mungkin terdapat dalam cadangan Kerajaan sedangkan Kerajaan ini tidak perfect dan ini disebut dalam Laporan itu sendiri dengan perkataan dalam chapter berkenaan dengan prinsip bahawa tidak ada cadangan tanggagaji yang perfect. Dan mungkin apa yang diperkatakan oleh Kesatuan tentang beberapa defect adalah benar. Tetapi sikap menolak bulat-bulat bukanlah satu sikap yang menguntungkan sesiapa.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menyatakan bahawa Kerajaan tidak dapat menerima perakuan-perakuan dalam Laporan Suruhanjaya Gaji Di-Raja, 1975. Ini tidak bermakna bahawa Kerajaan tidak menghargai khidmat dan kerja-kerja yang dijalankan oleh ahli-ahli Suruhanjaya Gaji. Kita menghargai dan mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Suruhanjaya Gaji Di-Raja 1975 terutama Tan Sri Ibrahim Ali. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet yang menyemak Laporan ini saya tahu benar betapa susahnyanya kerja membentuk tanggagaji yang saksama. Desakan datang daripada semua sudut dan kekeliruan mudah berlaku. Butir-butir yang tepat tidak mudah didapati dan kadang-kadang perkiraan tidak betul. Kadang-kadang setelah semua menjadi jelas satu kesilapan memaksa semua kerja dirombak semula. Usaha Suruhanjaya Ibrahim Ali perlu disanjung tinggi walaupun kita tidak dapat menerimanya. Jika ada kesilapan berlaku, ini disebabkan oleh kekurangan facts yang betul terutama berkenaan dengan bilangan pekerja Kerajaan. Bagi pihak Kerajaan saya ingin mencatatkan dalam rekod Rumah yang berbahagia ini penghargaan Kerajaan terhadap kerja yang dibuat oleh Suruhanjaya Ibrahim Ali dan kepada Pengerusinya Tan Sri Ibrahim Ali. Kerajaan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli Suruhanjaya Gaji Di-Raja, 1975.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong, telah membuat beberapa komen yang bernas. Saya mengucapkan syabas kepada Ahli Yang Berhormat yang walaupun uzur telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Ianya merupakan "the voice of moderation", dan telah menasihatkan kedua-dua belah supaya ber-tenang. Ianya tidak ingin melihat satu situasi darurat wujud dan mogok diharamkan. Ia juga mencadangkan supaya untuk mengelak daripada masalah pembayaran dibuat cara

"bond issue". Pihak Kerajaan menerima baik cadangan-cadangannya. Sepertimana saya telah sebutkan Kerajaan sedia berunding untuk memperbaiki lagi tanggagaji yang dicadangkan supaya benar-benar memenuhi janji-janji Kerajaan. Mungkin ada butir-butir yang perlu dibaiki dan mungkin beberapa peruntukan yang tidak begitu menguntungkan pekerja dapat diubahsuaikan.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong untuk mengkaji semula kos pelaksanaan Ibrahim Ali, perbuatan ini akan melambatkan lagi pelaksanaan gaji baru. Saya ingin tegaskan di sini iaitu jika angka-angka yang disebut oleh Kesatuan Sekerja sendiri diguna sekalipun pelaksanaan sepenuhnya keenam-enam element Ibrahim Ali iaitu:

- (1) Kenaikan Gaji Bersih;
- (2) Subsidi Perumahan;
- (3) Bonos;
- (4) Elaun-elaun;
- (5) Pension back-factor yang baru, dan
- (6) Back-dated kepada 1-1-1975.

tidak dapat jumlah angka yang didapati daripada perkiraan Kesatuan Sekerja sendiri tidak dapat dipikulkan oleh Kerajaan. Perkiraan tentang kenaikan gaji semata-mata tidak bermakna kerana untuk majoriti, tambahan yang banyak ialah subsidi perumahan satu element yang baru. Jikalau subsidi perumahan dikurangkan sehingga mampu dipikul oleh Kerajaan maka pekerja akan rugi kerana elaun ini tidak diambil kira untuk satu perkiraan back pay; yang kedua perkiraan elaun-elaun yang biasanya berasas kepada tanggagaji bersih dan yang ketiganya perkiraan pencen. Jika Kerajaan cuma mampu membayar pada satu tahun dalam anggaran \$350 juta tambahan dan ini dibahagikan antara kenaikan gaji bersih, pencen, lain-lain elaun dan subsidi rumah, pekerja akan dapat sedikit benar tambahan.

Saya mengaku bahawa Kerajaan seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Kepong jarangkali menolak Lapuran daripada sesuatu Suruhanjaya, tetapi Kerajaan juga tidak menerima bulat-bulat semua Lapuran-lapuran Suruhanjaya. Kita memang menerima Lapuran Suruhanjaya dengan pindaan. Untuk membuat pindaan tentulah pegawai yang cekap dalam perkara tersebut perlu mengkaji Lapuran itu untuk menentukan apa yang boleh dan apa yang tidak. Ini adalah sistem

Kerajaan kita dan apa yang diperbuat oleh Kerajaan berkenaan dengan Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Ali tidak berubah daripada sistem ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah menyebut tentang Kerajaan memenuhi janjinya untuk membuat keputusan berkenaan dengan Lapuran Ibrahim Ali dalam jangka masa enam bulan. Kerajaan telah cuba melayan kehendak pekerja dengan seberapa segera yang boleh. Janji Kerajaan bukanlah menerima Lapuran Gaji Ibrahim Ali dalam masa enam bulan tetapi membuat keputusan selepas 6 bulan memeriksanya. Tidak ada makna sama sekali kalau kita membuat pemeriksaan tetapi awal-awal lagi telah menyatakan bahawa apa juga hasil pemeriksaan itu kita akan menerimanya dengan sebulat suara. Kita berharap supaya perundingan yang bermakna dapat dibuat selepas Kerajaan menentukan sikap terhadap Lapuran Ibrahim Ali malangnya ugutan daripada kesatuan telah memaksa Kerajaan memilih jalan yang luar biasa, iaitu dengan membawa perkara ini ke Dewan dan mengumumkan cadangan balasnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah membangkitkan masaalah kesan terhadap orang ramai kerana tindakan mogok. Beliau khuatir mungkin budak-budak sekolah dan keselamatan terancam. Pihak Kerajaan memang sedar tentang kemungkinan ini dan membuat persediaan. Pihak Kerajaan tidak mahu perkara ini berlaku tetapi memandang kepada kesan daripada pelaksanaan tuntutan yang dibuat oleh kesatuan terpaksa juga kita mengambil tindakan yang telah kita ambil.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera telah menyebut bahawa beliau telah ditanya oleh kawan, kalau beliau telah berpencen selepas Lapuran Kerajaan ini dilaksanakan mungkin beliau mendapat untung lebih. Saya percaya beliau akan mendapat untung lebih kalau beliau menunggu sehingga sekarang bahawa beliau akan menerima pencen atau bersara tetapi saya harus ingatkan semua pihak bahawa untuk tahun 1977 ke hadapan kita telah mengecualikan semua bayaran pencen daripada membayar cukai pendapatan yang mana ini memberi keuntungan yang banyak terutama kepada mereka yang dapat persaraan atau pencen yang tinggi.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyebut tentang gaji Polis dan Tentera dan kenapa ianya tidak dimasukkan dalam perkiraan tanggagaji yang dibuat oleh Kerajaan. Sebenarnya kita telah membentuk satu tanggagaji bagi pihak Polis daripada peringkat Chief Inspector ke bawah tetapi bagi peringkat-peringkat yang lain di dalam Polis dan juga dalam Tentera kita masih memeriksanya dan kita akan berusaha sedaya-upaya untuk mempercepatkan pelaksanaan tanggagaji baru bagi semua pihak dalam Angkatan Keselamatan kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah berkata bahawa jumlah yang didapati oleh pekerja adalah rendah. Dalam perundingan kita dengan kesatuan, kesatuan selalu menekankan bukan jumlah yang didapati dan bukan jumlah perbelanjaan yang perlu dikeluarkan oleh Kerajaan tetapi telah menyebut semata-mata tentang kenaikan gaji sahaja dan mereka selalu memikirkan bahawa kenaikan gaji ini adalah rendah dan tidak melibatkan perbelanjaan wang yang banyak. Sebab itu kita menumpukan perhatian kita kepada kenaikan gaji dan kenaikan gaji yang dicadangkan oleh Kerajaan adalah jauh lebih tinggi daripada gaji yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Gaji Di-Raja, 1975.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah menerangkan bahawa daripada segi undang-undang perbuatan Kerajaan membentangkan perkara ini di dalam Dewan adalah sesuai. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana menarik perhatian Ahli-ahli daripada pihak Pembangkang yang sudahpun pulang tentang perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong juga telah menyebut bahawa kalau kita bernasib baik dan kita mendapat perolehan yang bertambah daripada petroliaam dalam jangka masa yang tidak lama lagi maka kita bolehlah mengadakan tanggagaji yang baru kerana perolehan Kerajaan akan bertambah. Ini memanglah satu pandangan yang baik tetapi saya percaya bahawa orang-orang lain juga yang tidak bekerja dengan Kerajaan berhak mengharap bahawa dengan perolehan daripada petroliaam ini mereka akan merasai sedikit-sebanyak nikmatnya. Harus saya sebutkan di sini bahawa di antara negara-negara yang mengeluarkan petroliaam, harga jualan petrol di negara kita ini adalah amat

tinggi. Oleh kerana kenaikan harga bahan mentah, desakan telah dibuat supaya harga ini dinaikkan lagi. Saya percaya kalau kita bernasib baik dan mendapat hasil yang banyak daripada pengeluaran petroliaam dapatlah kita kawal supaya harga petrol dan harga lain-lain minyak tidak naik dan dengan cara itu semua pihak akan merasai nikmat daripada hasil pengeluaran petroliaam yang bertambah daripada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut bahawa kita telah menggunakan angka \$180 sebulan sebagai pendapatan yang terendah sekali bagi seseorang dewasa dalam negara kita ini di waktu kita membuat Rancangan Malaysia Ketiga, tetapi kalau kita semak dalam cadangan tanggagaji baru Kerajaan ini kita akan dapati bahawa gaji yang sehabis rendah sekali ialah \$195 iaitu mereka yang bekerja dengan Kerajaan bukan akan mendapat pendapatan yang dianggap sebagai pendapatan minima bagi seseorang hidup sempurna dalam negara kita ini tetapi sebenarnya akan mendapat lebih daripada itu. Kita tahu di waktu ini pun masih banyak orang-orang lain yang bukan sahaja tidak dapat \$180 pada satu bulan bahkan ada yang dapat jauh lebih kurang daripada itu dan masih ada banyak daripada mereka yang menganggur. Di waktu kita memikirkan tentang tanggagaji mana-mana pihak, kita harus juga memikirkan tentang nasib mereka yang tidak pun dapat mengecap satu pendapatan yang dianggap sehabis rendah untuk hidup sempurna di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin menarik perhatian kepada usul yang dibentangkan untuk pertimbangan Dewan ini. Usul ini menyatakan bahawa Kerajaan tidak menerima perakuan-perakuan yang terkandung dalam Lapuran Suruhanjaya Di Raja 1975 dan ini patut diambil perhatian oleh semua pihak, keputusan Kerajaan untuk melaksanakan skim gaji baru berasaskan kepada Lapuran Kerajaan yang telah dibentangkan dalam Dewan ini. Ini bermakna bahawa Lapuran ini akan menjadi asas skim gaji baru. Jika ada apa-apa yang tidak sesuai atau terpesong dari janji Kerajaan terutama janji bahawa mereka yang bergaji rendah akan dapat lebih ataupun sama, jika kurang tidak terlalu kurang daripada tanggagaji mengikut Lapuran Ibrahim Ali.

Harus saya sebutkan di sini bahawa berekoran dengan Lapuran Ibrahim Ali yang juga meliputi tanggagaji Polis dan Tentera, pihak Polis dan Tentera mengikut saluran biasa telah menolak Lapuran Ibrahim Ali. Memandang bahawa Polis dan Tentera berkehendak keputusan yang lebih cepat Kerajaan telah membentuk tanggagaji bagi Polis. Dalam apa juga cadangan yang dibuat relatively dengan tanggagaji yang telah diterima oleh Polis mestilah diambilkira. Semua pihak boleh semak dengan teliti tanggagaji dan lain-lain yang disebutkan oleh Lapuran Kerajaan ini dan membuat teguran secara langsung kepada Jawatankuasa Kabinet dan semua teguran itu akan disemak dengan penuh simpati. Jika didapati desakan ataupun teguran adalah berasas dan menasabah, ianya akan diambilkira dan penyelesaian akan dibuat. Tetapi Kerajaan terpaksa menegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan tidak dapat memberi kepada semua kakitangan Kerajaan di semua peringkat semua yang diperakukan oleh Suruhanjaya Gaji Di Raja Ibrahim Ali. Perbuatan ini akan menjadikan kedudukan kewangan negara terlalu buruk dan tidak ada Kerajaan yang bertanggungjawab yang boleh menerimanya. (*Tepuk*).

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa memandang kepada Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Di Raja 1975 yang akan melibatkan kos pelaksanaannya melebihi kemampuan Kerajaan, di samping

tanggungjawab perbelanjaan yang besar yang diperlukan untuk pembangunan dan memelihara keselamatan negara;

Dan memandang kepada implikasi terhadap semua golongan berpendapatan rendah yang bekerja sendiri terutamanya golongan tani, nelayan, pengusaha kecil dan kepada golongan yang menganggur;

Dan memandang kepada pembahagian kenaikan gaji dalam perkhidmatan awam yang tidak seimbang seperti yang diperakukan dalam Lapuran itu, yang akan menimbulkan implikasi yang meluas terhadap kepentingan negara keseluruhannya;

Dan dengan mengambil ingatan atas kesanggupan Kerajaan untuk memperbaiki tanggagaji pekerja-pekerjanya;

Maka dengan ini Dewan ini mengambil ketetapan menyokong Pendirian Kerajaan tidak menerima perakuan-perakuan dalam Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Di Raja 1975, serta menyokong sepenuhnya keputusan Kerajaan untuk melaksanakan skim gaji baru yang berasaskan kepada Lapuran Kerajaan sebagaimana yang disediakan oleh Jawatankuasa Kabinet yang telah dibentangkan dalam Dewan ini; dan menyokong sebarang tindakan Kerajaan untuk menentukan supaya tuntutan gaji tidak menjejaskan ketenteraman dan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.06 malam.